



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI
JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

SARAWAK

TAHUN 2018 SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI SARAWAK
TAHUN 2018
SIRI 3**


Jabatan Audit Negara
Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENDAHULUAN	vii
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK	
1. Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Song/Sungai Yong, Kapit, Sarawak	1 - 3
JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK	
2. Program Bekalan Air Alternatif Sarawak	2 - 3
LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK	
3. Projek Pembinaan dan Program Latihan Pusat Latihan SALCRA Bajo, Lundu	3 - 3
LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK	
4. Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.	4 - 3
PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK	5 - 3
5. Sara Urusharta Sdn. Bhd.	
PENUTUP	6 - 3
AKRONIM	7 - 3



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenalkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak pula akan menyebabkan Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 3 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat kerajaan, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di dua (2) jabatan, satu (1) agensi dan dua (2) syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

3. Pada kebiasaannya, LKAN hanya dibentangkan sebanyak dua (2) siri sahaja bagi setiap tahun. Bagaimanapun untuk LKAN tahun 2018, JAN menerbitkan tiga (3) siri LKAN berikutan dengan penambahan bilangan pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri untuk tahun 2018. Pada asalnya, LKAN Siri 3 ini dijadual untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Mac 2020, dan setelah itu dibentangkan pula dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Namun disebabkan oleh penangguhan sidang Dewan Rakyat dan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19, kerja-kerja pemuktamadan LKAN Siri 3 turut terjejas. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan audit dan *lessons learnt* yang dilaporkan LKAN Siri 3 ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan.

4. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 15 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/agensi dan syarikat berkenaan.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya

14 Mei 2020

1

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

- Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Song/Sungai Yong, Kapit, Sarawak

RINGKASAN EKSEKUTIF

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN SONG/ SUNGAI YONG, KAPIT, SARAWAK

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Song/Sungai Yong, Kapit, Sarawak Fasa 3 Pakej 3 bagi tempoh tahun 2015 hingga 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan projek.
- Bagi prestasi projek, pencapaian output/*outcome* dinilai terhadap penyediaan pembinaan jalan yang memendekkan masa perjalanan.
- Pengurusan projek pula dinilai terhadap pengurusan input, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan pembinaan dan pemantauan.
- Pengauditan melibatkan Jabatan Kerja Raya Sarawak.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Tujuan projek adalah untuk menyediakan jalan utama yang selamat dan selesa untuk pengguna jalan raya selain pemangkin sosio ekonomi kepada penduduk setempat.
- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Song/Sungai Yong, Kapit Sarawak, Seksyen C, Fasa 3, Pakej 3 dari CH.17+543 ke CH.33+120 diurus dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk menyediakan jalan utama yang selamat dan selesa untuk pengguna jalan raya.

Apa yang ditemui Audit?

- Pengauditan yang dilaksanakan merumuskan bahawa Projek Jalan Song/Sungai Yong, Kapit telah dapat disiapkan dan mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu untuk diguna oleh golongan sasar bagi menghubungkan Kanowit/Song dan Kapit melalui jalan darat. Projek telah diuruskan dengan cekap kecuali kelemahan dalam aspek kelulusan lanjutan masa (EOT) yang mengambil masa antara 64 hingga 240 hari serta kecacatan selepas projek siap yang masih belum dibaiki sepenuhnya oleh pihak kontraktor.
- Wujud kelemahan dalam pengurusan kontrak:
 - JKR Sarawak mengambil masa antara 64 hingga 240 hari untuk meluluskan empat (4) EOT dari tarikh permohonan EOT

diterima daripada kontraktor.

- Wujud kelemahan dalam pengurusan pembinaan antaranya:
 - terdapat kerosakan dan kerja yang belum dilaksana atau siap seperti cerun, bahu jalan, longkang dan tanaman penutup cerun (*seeding*);
 - bahu jalan di CH28+700 didapati rendah sebanyak 240 mm dari aras permukaan jalan; dan
 - terdapat runtuh pada profil cerun selain longkang tangga serta bahu saluran patah masih belum dibaiki.

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

1. PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN SONG/SUNGAI YONG, KAPIT, SARAWAK

FAKTA UTAMA

3 September 2018 Projek diperakui siap	42 bulan Tempoh asal pelaksanaan projek	RM129.02 Juta Kos projek
Justifikasi Projek	Membina jalan bagi menghubungkan Daerah Kanowit/Song/Kapit kerana tiada jalan raya dan mod perhubungan hanya menggunakan bot atau kapal melalui Sungai Batang Rajang.	
Objektif Projek	Menyediakan jalan utama yang selamat dan selesa untuk pengguna jalan raya selain pemangkin sosio ekonomi kepada penduduk setempat.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek pembangunan infrastruktur asas bagi kawasan pedalaman merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Transformasi Sosial Ekonomi Sarawak. Projek pembinaan jalan bagi menghubungkan Daerah Kanowit, Daerah Song dan Daerah Kapit dengan daerah lain sepanjang 84.69 km merupakan sebahagian daripada projek pembangunan infrastruktur asas tersebut. Jalan raya ini akan dapat menghubungkan Daerah Kanowit, Daerah Song dan Daerah Kapit melalui jalan darat kerana mod perhubungan yang ada sebelum ini hanya menggunakan bot atau kapal melalui Sungai Rajang. Objektif projek pembinaan jalan tersebut ialah untuk menyediakan jalan utama yang selamat dan selesa bagi pengguna jalan raya selain pemangkin sosio ekonomi kepada penduduk setempat.

1.2. Projek jalan bagi menghubungkan Daerah Kanowit, Daerah Song dan Daerah Kapit tersebut dilaksanakan secara berperingkat dan melibatkan 10 kontrak. Projek ini dibina dalam tiga (3) Seksyen iaitu Seksyen A (16.96 km), Seksyen B (22.20 km) dan Seksyen C (45.53 km) seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PROJEK JALAN KANOWIT/SONG/KAPIT

BIL.	NAMA PROJEK	JARAK (KM)	HARGA KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK
Seksyen A:				
i.	Jalan dan Jambatan Melintasi Sungai Kanowit	2.60	50.33	29.12.2014 – 06.07.2017
ii.	Jalan Sungai Poi/Nanga Ngunun	14.36	78.00	Siap 17.04.2015
JUMLAH		16.96	128.33	
Seksyen B:				
i.	Jalan Nanga Ngemah/Nanga Temelat – Pakej 1	9.60	79.08	20.02.2018 – 19.08.2020
ii.	Jalan Song/Sipang/SK Temalat- Pakej 2 (By pass)	5.10	60.00	24 bulan
iii.	Jalan Song/Sipang/SK Temalat	7.50	80.00	09.06.2011 – 08.06.2013
JUMLAH		22.20	219.08	
Seksyen C:				
i.	Jalan Kapit/Sungai Yong, Fasa 1	1.92	15.97	Siap 05.12.2013
ii.	Jalan Kapit/Sungai Yong, Fasa 2	10.51	64.44	Siap 31.07.2015
iii.	Jalan Kapit/Sungai Yong, Fasa 3, Pakej 1	5.46	71.50	08.09.2014 – 26.06.2017
iv.	Jalan Kapit/Sungai Yong, Fasa 3, Pakej 2	12.00	119.83	16.12.2014 – 15.12.2017
v.	Jalan Kapit/Sungai Yong, Fasa 3, Pakej 3	15.64	129.02	05.01.2015 – 04.07.2018
JUMLAH		45.53	400.76	
JUMLAH KESELURUHAN		84.69	748.17	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

1.3. Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Song/Sungai Yong, Kapit Sarawak merupakan salah satu seksyen daripada Projek Kanowit/Song/Kapit. Projek ini merupakan projek di bawah Seksyen C, Fasa 3, Pakej 3. Ini melibatkan pembinaan jalan JKR Standard R3 sepanjang 15.64 km dengan harga asal kontrak bernilai RM129.02 juta, termasuk jambatan Sungai Mumu sepanjang 63.2 meter.

1.4. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dan Pengurus Wilayah Tengah, JKR Sibu Sarawak telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa (PP). Perolehan projek dilaksanakan secara tender terhadap manakala kaedah pelaksanaan projek adalah secara konvensional. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pula telah melantik Perunding bagi menyediakan pelan reka bentuk, dokumen tender dan kontrak serta mengawasi/menyelia pelaksanaan projek.

1.5. Perjanjian kontrak ditandatangani pada 7 Januari 2015. Tempoh kontrak adalah selama 42 bulan mulai 5 Januari 2015 hingga 4 Julai 2018. Projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor bernombor pendaftaran 117555-V dengan kos sejumlah RM129.02 juta. Perunding projek adalah perunding dengan nombor pendaftaran 594373-V. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 15 Mac 2019. Ringkasan kontrak adalah seperti dalam **Jadual 2** manakala lokasi projek adalah seperti dalam **Peta 1**.

JADUAL 2
RINGKASAN KONTRAK
PROJEK JALAN SONG/SUNGAI YONG, SEKSYEN C, FASA 3, PAKEJ 3

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nombor Kontrak	PWD/HO/BO71/2014
2.	Skop/Komponen Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja Ukur dan Penetapan • Pembersihan Tapak • Kerja Tanah • Kerja Jalan • Rawatan Geoteknik • Saliran dan Pembetung • Jambatan Sungai Mumu • Perabot Jalan dan Tanda Jalan
3.	Agensi Pelaksana	Jabatan Kerja Raya Sarawak
4.	Pegawai Penguasa	Pengurus Wilayah Tengah, JKR Sibu, Sarawak
5.	Sumber Peruntukan	Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dulu dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
6.	Kos Siling	RM140 juta
7.	Kos Kontrak Asal	RM129.02 juta
8.	Kontraktor	No. Syarikat: 117555-V
9.	Perunding	No. Syarikat: 594373-V
10.	Tarikh Surat Setuju Terima	2 Disember 2014
11.	Tarikh Kontrak Ditandatangani	7 Januari 2015
12.	Tarikh Milik Tapak	5 Januari 2015
13.	Tempoh Kontrak	5 Januari 2015 hingga 4 Julai 2018 (42 bulan)
14.	Tempoh Lanjutan Masa: No. 1 No. 2 No. 3 No. 4	61 hari: 5 Julai 2018 – 1 Ogos 2018 (28 hari) 2 Ogos 2018 - 6 Ogos 2018 (5 hari) 7 Ogos 2018 - 26 Ogos 2018 (20 hari) 27 Ogos 2018 - 3 September 2018 (8 hari)
15.	Tarikh Siap Asal	4 Julai 2018
16.	Tarikh Siap <i>Revised</i> (EOT 1-4)	3 September 2018
17.	Tarikh Siap Sebenar Diperakukan (CPC)	3 September 2018
18.	Tarikh Keluar Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)	15 Mac 2019
19.	Denda Ganti Rugi dan Ditetapkan (LAD)	RM28,255.02/sehari
20.	Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)	12 bulan

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

PETA 1
LOKASI PROJEK JALAN SONG/SUNGAI YONG, SEKSYEN C, FASA 3, PAKEJ 3, KAPIT



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Song/Sungai Yong, Kapit Sarawak, Seksyen C, Fasa 3, Pakej 3 dari CH.17+543 ke CH.33+120 diurus dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu untuk menyediakan jalan utama yang selamat dan selesa untuk pengguna jalan raya.

3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek hanya dinilai melalui aspek pencapaian fizikal. Pengurusan projek pula dinilai melalui lima (5) perkara iaitu peruntukan kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan pembinaan dan pemantauan. Tempoh yang diliputi adalah dari tahun 2015 hingga 2019. Selain itu, kesemua 41 baucar bayaran (100%) yang disediakan setakat tarikh pengauditan bernilai RM121.19 juta telah disemak. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JKR Sarawak dan Pejabat Wilayah Tengah, JKR Sibul.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan mengkaji fail pelaksanaan projek, dokumen kontrak, rekod kewangan projek, minit mesyuarat, Laporan Kemajuan Projek

serta Laporan Pemantauan. Pemeriksaan dan lawatan tapak di Jalan Song/Sungai Yong, Kapit juga dijalankan. Temu bual dan perbincangan turut diadakan bersama pegawai JKR, perunding, kontraktor dan pegawai teknikal dari Bahagian Teknikal, Jabatan Audit Negara.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai 2019 hingga September 2019 mendapati perkara berikut:

5.1.1. Prestasi Projek

Projek Jalan Song/Sungai Yong Seksyen C, Kapit, Fasa 3, Pakej 3 sepanjang 15.64 km tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak asal iaitu pada 4 Julai 2018. Sebanyak empat (4) lanjutan masa (EOT) selama 61 hari telah diluluskan iaitu sehingga 3 September 2018. CPC telah dikeluarkan oleh JKR Sarawak pada 15 Mac 2019 dengan kerja diperakukan siap pada 3 September 2018. Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) juga bermula dari tarikh yang sama. Projek ini berjaya memendekkan tempoh perjalanan dari Sibu ke Kapit daripada tiga (3) jam menggunakan bot atau kapal kepada satu (1) jam menggunakan jalan darat.

5.1.2. Pengurusan Projek

Pengurusan projek secara keseluruhannya adalah baik kecuali kelemahan yang dibangkitkan dalam aspek pentadbiran kontrak dan kualiti kerja pembinaan.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. JKR Sarawak mengambil masa antara 64 hingga 240 hari untuk meluluskan empat (4) EOT dari tarikh permohonan EOT diterima daripada kontraktor;
- b. Terdapat kerosakan dan kerja yang belum dilaksana/belum siap dibaiki walaupun Senarai Kecacatan dan Kerja Belum Siap telah dikeluarkan oleh perunding kepada kontraktor untuk diambil tindakan. Antaranya melibatkan kerja cerun, bahu jalan, longkang dan tanaman penutup cerun (*seeding*); dan

- c. Bahu jalan di CH28+700 didapati rendah sebanyak 240 mm dari aras permukaan jalan. Selain itu, terdapat runtuh pada profil cerun selain longkang tangga serta bahu saluran (*berm drain*) patah masih belum dibaiki.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada JKR telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 24 September 2019. Penjelasan lanjut bagi penemuan utama yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti berikut:

6.1. Prestasi Projek

6.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut perjanjian kontrak, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 42 bulan bermula dari 5 Januari 2015 hingga 4 Julai 2018. Berdasarkan Klausa 43.1, pihak kontraktor hendaklah memohon EOT sekiranya tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap fail pelaksanaan projek mendapati ***projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan telah diluluskan empat (4) EOT selama 61 hari disebabkan masalah cuaca buruk.*** Tempoh penyediaan projek telah dilanjutkan setelah mengambil kira EOT No. 4 bertarikh 4 Julai 2018 kepada 3 September 2018.

6.1.2. Pencapaian Outcome

Adalah didapati pihak ***JKR Sarawak tidak mempunyai mekanisme yang khusus untuk pengukuran outcome projek*** tersebut. Bagaimanapun, berdasarkan maklumat JKR Sibu, tempoh perjalanan dari Sibu ke Kapit menggunakan bot ekspres sebelum projek pembinaan siap mengambil masa selama tiga (3) jam. ***Tempoh perjalanan menggunakan kenderaan melalui projek jalan raya yang siap ini telah berjaya dipendekkan kepada satu (1) jam.***

Pada pendapat Audit, projek telah berjaya disiapkan dan dapat dimanfaatkan oleh pengguna.

6.2. Pengurusan Projek

6.2.1. Pengurusan Nilai

- a. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri Bil. 3 tahun 2009 menggariskan tujuan pengurusan nilai diadakan adalah untuk memastikan setiap projek yang dijalankan memberi nilai yang menguntungkan (*value for money*) kepada kerajaan.
- b. Semakan Audit mendapati Makmal Pengurusan Nilai telah diadakan pada 10 hingga 14 Februari 2014 dan diterajui oleh UPE yang melibatkan Jabatan Perdana Menteri (JPM), KPLB dan JKR Sarawak. Tujuan makmal diadakan adalah untuk menilai serta memuktamadkan skop Projek Jalan dan Jambatan Melintasi Sungai Kanowit (Seksyen A), Kanowit serta Jalan Song/Sungai Yong (Seksyen C – 5/3) Fasa 3, Kapit.
- c. Hasil daripada analisis Makmal tersebut, sejumlah RM2 juta daripada RM398.10 juta telah dapat dikurangkan. Butiran terperinci melibatkan perubahan skop projek adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
ANALISIS MAKMAL MENGENAI SKOP PROJEK JALAN
DAN JAMBATAN MELINTASI SUNGAI KANOWIT (SEKSYEN A),
KANOWIT DAN JALAN SONG/SUNGAI YONG (SEKSYEN C – 5/3) FASA 3, KAPIT

BIL.	PROJEK	SKOP ASAL	SKOP MUKTAMAD	KOS SEBELUM MAKMAL (RM Juta)	KOS SELEPAS MAKMAL (RM Juta)	PENJIMATAN (RM Juta)
1.	Projek Jalan dan Jambatan Melintasi Sungai Kanowit (Seksyen A), Kanowit	Membina jalan sepanjang 2.6 km taraf JKR R3 termasuk jambatan 40 meter dan jambatan 350 meter	Membina sebuah jambatan sepanjang 350 meter taraf JKR R4 dan jalan sepanjang 2.25 km dengan taraf JKR R3 Jambatan Sungai Bungkang 40 meter	398.10	396.10	2
2.	Jalan Song/Sungai Yong (Seksyen C – 5/3) Fasa 3, Kapit	Jalan sepanjang 33.1 km taraf JKR R3 termasuk 4 jambatan dengan panjang berikut: 330 meter, 120 meter, dan 63 meter	Membina jalan sepanjang 33.1 km taraf JKR R3 Jambatan Sg. Katibas, Jambatan Sg. Lajan Besar, Jambatan Sg. Sebatu dan Jambatan Sg. Mumu			

Sumber: Laporan Makmal Pengurusan Nilai

- d. Analisis Audit ke atas Makmal Pengurusan Nilai mendapati walaupun terdapat pengurangan dalam kos tetapi skop selepas makmal telah ditambah baik seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
BUTIRAN TERPERINCI ANALISIS MAKMAL PENGURUSAN NILAI

BIL.	SKOP ASAL PROJEK	ANALISIS MAKMAL	SKOP SELEPAS MAKMAL
1.	<i>Centreline Reflector</i> hanya dipasang di mana: <ul style="list-style-type: none"> kecerunan jalan 10% atau lebih selekeh Bilangan asal = 1,333 unit	Makmal mendapati keperluan untuk menambahkan bilangan <i>Centreline Reflector</i> di sepanjang jalan bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya.	<i>Centreline Reflector</i> dipasang di sepanjang jalan (Seksyen C – 5/3), Fasa 3. Bilangan lebih kurang 2,446 unit
2.	Tiada jalan masuk sampai ke kampung, sekolah dan klinik dalam skop	Makmal mendapati terdapat keperluan dalam menyediakan akses sepanjang 5 meter dari bahu jalan utama bagi memudahkan penyambungan jalan masuk seterusnya.	Menyediakan lebih kurang enam (6) akses sepanjang 5 meter dari bahu jalan sebagai penyediaan untuk sambungan jalan pada masa depan ke kampung, sekolah dan klinik.
3.	Tiada tapak berhenti dalam skop	Makmal mendapati keperluan menyediakan tapak berhenti pada jarak lebih kurang 3 km untuk: <ul style="list-style-type: none"> kecemasan; tempat singgah dan turun naik penumpang; dan kemudahan tempat rehat. Bagaimanapun, makmal mengesyorkan skop kerja penyediaan tapak berhenti dibina dalam jajaran jalan yang telah diluluskan.	Menyediakan lebih kurang 18 tapak berhenti pada jarak selang lebih kurang 3 km.
4.	Mempunyai <i>footpath</i> di jambatan.	Makmal bersetuju agar <i>footpath</i> di Jambatan Sg. Bungkang, Jambatan Sg. Kanowit dan Jambatan Sg. Katibas dikekalkan atas sebab berikut: <ul style="list-style-type: none"> berdekatan dengan kawasan pekan; keperluan penduduk setempat; dan keperluan struktur jambatan. 	<i>Footpath</i> bagi Jambatan Sg. Bungkang, Jambatan Sg. Kanowit dan Jambatan Sg. Katibas dikekalkan
		Manakala makmal mengesyorkan agar <i>footpath</i> di Jambatan Sg. Sebatu dan Jambatan Sg. Mumu digugurkan atas sebab berikut: <ul style="list-style-type: none"> kekangan peruntukan; dan tiada keperluan mendesak 	<i>Footpath</i> bagi Jambatan Sg. Lajan Besar, Jambatan Sg. Sebatu dan Jambatan Sg. Mumu dikeluarkan.
5.	Tiada kajian <i>Social & Environmental Impact Assessment</i> (SEIA), <i>Road Safety Audit</i> (RSA) dan <i>Marine Traffic Audit</i> (MTRA).	Makmal mendapati keperluan kajian SEIA, RSA dan MTRA tidak dinyatakan pada peringkat awal. Makmal mengesyorkan agar kajian SEIA, RSA dan MTRA hendaklah dijalankan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek.	Melaksanakan kajian SEIA, RSA (peringkat 4 dan 5) dan MTRA (Sg. Kanowit dan Sg. Katibas)
6.	Dua (2) pasang <i>form traveller</i> dalam pembinaan setiap jambatan <i>balance cantilever</i> .	Makmal mengesyorkan hanya sepasang <i>form traveller</i> digunakan semasa pembinaan jambatan disebabkan: <ul style="list-style-type: none"> pembinaan dijangkakan masih dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan; dan penjimatan kos projek. 	Sepasang <i>form traveller</i> dalam pembinaan setiap jambatan <i>balance cantilever</i> .
7.	Kos asal RM398.10 juta.	Makmal mendapati dengan kos ini sebahagian kawasan Kanowit, Song dan Kapit dapat dihubungkan melalui jalan darat tanpa menjejaskan fungsi dan objektif berdasarkan kos yang telah diperuntukkan. Bagaimanapun, sebahagian piawaian kejuruteraan tidak dapat dipenuhi dan terpaksa dilaksanakan secara mitigasi.	Kos selepas makmal RM396.10 juta.

Sumber: Laporan Makmal Pengurusan Nilai

Pada pendapat Audit, JKR Sarawak telah mengambil kira hasil yang dinyatakan dalam Makmal Pengurusan Nilai dalam melaksanakan projek ini.

6.2.2. Pencapaian Kewangan

Kos siling yang diluluskan oleh KPLB adalah berjumlah RM140 juta. Nilai kontrak asal berjumlah RM129.02 juta. Semakan Audit mendapati setakat bulan September 2019, enam (6) Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan melibatkan penambahan kos sejumlah RM373,649. Semakan Audit seterusnya mendapati 19 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) telah diluluskan dengan jumlah bersih kurangan nilai kontrak berjumlah RM4.60 juta. Setelah mengambil kira APK dan PHK, nilai kos kontrak yang dilaraskan adalah berjumlah RM124.42 juta iaitu pengurangan kos sebanyak RM15.58 juta atau 11.1% berbanding dengan kos siling berjumlah RM140 juta adalah seperti dalam **Jadual 5**. Butiran lanjut APK dan PHK yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Jadual 7**.

**JADUAL 5
BUTIRAN HARGA PROJEK**

NAMA PROJEK	KOS SILING (RM Juta)	KOS ASAL PROJEK (RM Juta)	PELARASAN KOS		KOS DILARAS (RM Juta)	(%)
			APK (RM Juta)	PHK (RM Juta)		
Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Song/Sungai Yong Kapit, Sarawak.	140.00	129.02	0.37	(4.60)	124.42	11.1

Sumber: Pejabat Wilayah Tengah, JKR Sibu

**JADUAL 6
ARAHAN PERUBAHAN KERJA SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2019**

BIL.	PERKARA	NO. APK	PENAMBAHAN/ (PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA (RM)	PERATUSAN KENAIKAN/ (PENGURANGAN) KOS PROJEK (%)
1.	Cadangan membina <i>soil nail group</i> 4A di CH.18+590 bagi menstabilkan cerun.	4	296,460	0.2
2.	Peruntukan membina longkang lata (<i>horizontal drains</i>) dan <i>subsoil drains</i> bagi menstabilkan cerun.	3	222,587	0.2
3.	Semakan semula kuantiti tanah dan kerja yang berkaitan disebabkan perbezaan aras tanah di CH.32+800 hingga CH.33+060.	1	120,461	0.1
4.	Cadangan jalan masuk ke Rumah Landi di CH.28+740.	6	50,759	0
5.	Pemegang susur tangan jenis besi galvani (<i>G.I Handrail</i>) pada dinding tanah tetulang (<i>reinforced soil wall</i>) 2.	2	11,719	0
6.	Potongan terhadap cerun tanah tetulang (<i>reinforced soil slopes</i>) 8 and 9.	5	(328,337)	(0.3)
JUMLAH			373,649	0.2

Sumber: Pejabat Wilayah Tengah, JKR Sibu

JADUAL 7
PELARASAN HARGA KONTRAK SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2019

BIL.	PERKARA	NO. PHK	PENAMBAHAN/ (PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA (RM)	PERATUSAN KENAIKAN/ (PENGURANGAN) KOS PROJEK (%)
1.	Peruntukan kuantiti sementara untuk kerja pemotongan semula cerun.	19	3,315,998	2.6
2.	Pengukuran semula peruntukan kuantiti untuk penggalian tanah berbatu.	16	2,834,745	2.2
3.	Peruntukan kuantiti sementara untuk <i>soil nail wall</i> 5.	10	1,608,810	1.2
4.	Peruntukan kuantiti sementara untuk <i>soil nail wall</i> 6.	9	1,486,200	1.2
5.	Pengukuran semula peruntukan kuantiti sementara untuk <i>soil nail wall</i> 4.	12	1,213,380	0.9
6.	Pengukuran semula peruntukan kuantiti sementara untuk kerja-kerja cerucuk mikro (<i>micropile</i>) bergaris pusat 300 mm di <i>Abutments A, B & Piers 1,2</i> Sg. Mumu.	6	917,987	0.7
7.	Peruntukan kuantiti sementara untuk kerja cerucuk mikro bergaris pusat 200 mm di dinding tanah tetulang 1.	8	439,777	0.3
8.	Cadangan <i>soil nail</i> 4A di CH18+590 untuk penstabilan cerun.	11	296,460	0.2
9.	Peruntukan untuk longkang lata dan <i>subsoil drains</i> untuk penstabilan cerun dan peruntukan untuk longkang lata di cerun.	14	260,446	0.2
10.	Pengukuran semula peruntukan kuantiti sementara untuk kerja-kerja cerucuk berputar (<i>spun</i>) di tambak berdekatan dengan Jambatan Sg. Mumu.	3	229,940	0.2
11.	Pengukuran semula peruntukan kuantiti sementara untuk penggantian tanah.	4	167,049	0.1
12.	Pengukuran semula peruntukan kuantiti sementara untuk sistem kurungan selular (<i>cellular confinement system</i>).	13	131,709	0.1
13.	Peruntukan kuantiti sementara untuk kerja cerucuk RC 200 mm x 200 mm di dinding tanah tetulang 2.	7	101,859	0.1
14.	Semakan semula terhadap kerja tanah dan kerja yang berkaitan disebabkan perbezaan aras tanah di antara CH.32+800 dengan CH.33+060.	18	73,334	0.1
15.	Peruntukan kuantiti sementara untuk 150 mm x 150 mm kerja cerucuk di pembedung.	2	58,669	0
16.	Pengukuran semula peruntukan kuantiti untuk penyiasatan tapak.	15	25,500	0
17.	Peruntukan kuantiti sementara untuk kerja-kerja cerucuk di Pembedung C58.	5	25,468	0
18.	Pemotongan terhadap cerun tanah tetulang 8 dan 9.	17	(330,301)	(0.3)
19.	Peruntukan jumlah sementara.	1	(17,455,448)	(13.5)
JUMLAH			(4,598,418)	(3.6)

Sumber: Pejabat Wilayah Tengah, JKR Sibiu

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan projek adalah memuaskan kerana perbelanjaan kos sebenar projek tidak melebihi kos siling projek.

6.2.3. Pengurusan Perolehan

a. Pelantikan Perunding

- i. Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding 2006 Perenggan 5.1 menyatakan bahawa kaedah pelantikan secara terus boleh digunakan untuk skop kerja pembangunan fizikal, ukur tanah dan alam sekitar serta bagi khidmat kepakaran terhad yang diperlukan.
- ii. Semakan Audit terhadap rekod projek mendapati perolehan perunding telah dibuat secara lantikan terus oleh KPLB. Surat pelantikan telah dikeluarkan pada 20 September 2012 kepada Syarikat bernombor pendaftaran 594373-V. Skop perkhidmatan merangkumi reka bentuk terperinci, peringkat pembinaan, pengawasan tapak dan penyediaan dokumen dengan kos berjumlah RM18.40 juta. Butiran lanjut kos perkhidmatan perunding adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
RINGKASAN KOS
PERKHIDMATAN PERUNDING KEJURUTERAAN AWAM

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM Juta)	
1.	Yuran Iktisas (<i>Basic Services</i>)	13.19	
2.	Kos Penyeliaan Tapak		
	2.1	Seksyen A	1.02
	2.2	Seksyen B	0.89
	2.3	Seksyen C	2.03
JUMLAH		3.94	
3.	Imbuan Balik		
	3.1	Peringkat Reka bentuk dan tender	0.22
	3.2	Elaun Tapak	0.28
	3.3	Peringkat Pembinaan	0.77
JUMLAH		1.27	
JUMLAH KESELURUHAN		18.40	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

b. Pelantikan Kontraktor

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil. 5 Tahun 2007 Perenggan 14.1, perolehan kerja yang melebihi RM200,000 hendaklah diurus secara tender. Semakan Audit terhadap proses pelantikan kontraktor mendapati perkara seperti berikut:

- i. Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) melalui surat bertarikh 19 Februari 2014 telah meluluskan pelaksanaan projek ini secara tender terhad.
- ii. Semakan lanjut Audit mendapati Jawatankuasa Penilaian Tender JKR telah mengesyorkan kepada Lembaga Perolehan A, KPLB untuk mempertimbangkan dan meluluskan pemilihan kontraktor Syarikat bernombor pendaftaran 117555-V daripada sembilan (9) syarikat yang telah mengemukakan dokumen tender.
- iii. Semakan Audit mendapati MoF bersetuju meluluskan perakuan Lembaga Perolehan A, KPLB. Pelantikan Kontraktor 117555-V telah diputuskan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan A, KPLB Bil. 10/2014 pada 8 September 2014 kerana telah lulus kesemua peringkat penilaian. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 2 Disember 2014 untuk melaksanakan projek tersebut dengan kos RM129.02 juta.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan perunding dan kontraktor adalah baik dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

6.2.4. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pentadbiran kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bon pelaksanaan bernilai RM6.45 juta serta premium insurans bernilai RM321,403 yang disediakan oleh kontraktor adalah meliputi tempoh kontrak. Urusan bayaran pendahuluan dan pembayaran interim kepada kontraktor adalah seperti dalam syarat kontrak. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

a. Pengeluaran CPC

- i. Berdasarkan Klausula 39.3, PP hendaklah melaksanakan pemeriksaan terhadap kerja dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima notis permohonan pengeluaran CPC daripada pihak kontraktor. CPC akan dikeluarkan setelah pemeriksaan terhadap kerja dijalankan dan PP berpuas hati terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

- ii. Sekiranya PP tidak berpuas hati terhadap kerja tersebut, PP hendaklah memberi arahan kepada kontraktor bagi menyiapkan kerja tersebut dalam tempoh masa yang munasabah sebelum CPC dikeluarkan. Klausula 39.5(d) *Standard Form of Contract PWD 203 (Rev.1/2010)* berkaitan dengan *fitness for occupation* menjelaskan apabila projek didapati telah mencapai objektif dan fungsi, projek tersebut boleh diiktiraf sebagai siap.
- iii. Semakan Audit terhadap fail pelaksanaan projek mendapati pada 1 September 2018, kontraktor telah memohon kepada JKR Sarawak untuk membuat pemeriksaan terhadap kerja dan seterusnya mengeluarkan CPC. Pihak JKR bersama perunding dan kontraktor telah menjalankan pemeriksaan di tapak pada 3 September 2018.
- iv. Semakan Audit seterusnya terhadap surat arahan JKR kepada kontraktor rujukan PWD/HO/BO71/2014 pt.15(6) bertarikh 10 Oktober 2018 mendapati pihak kontraktor telah diberi tempoh satu (1) bulan untuk menyiapkan kerja yang belum disiapkan sebelum CPC dikeluarkan.
- v. Bagaimanapun, ***didapati kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh tersebut seperti bahu jalan, cerun, longkang, tanaman rumput (seeding), tanda jalan, penghadang dan perabot jalan.***
- vi. Merujuk kepada Klausula 39.4, CPC tidak boleh dikeluarkan sebelum kerja pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh yang munasabah. Semakan Audit mendapati tarikh CPC dikeluarkan oleh JKR Sarawak hanya pada 15 Mac 2019 iaitu 193 hari dari tarikh EOT No. 4.

Maklum Balas JKR yang Diterima pada 18 September 2019

Projek telah diperakukan siap secara praktikal dan boleh digunakan oleh pengguna kerana kerja utama telah siap dan memuaskan pada 3 September 2018. CPC dikeluarkan pada 15 Mac 2019 setelah mengambil kira kerja kecil yang telah disiapkan selaras dengan Klausula 39.4.

Pada pendapat Audit, CPC telah dikeluarkan setelah mengambil kira kerja kecil yang telah disiapkan.

b. EOT Lewat Diluluskan

- i. Berdasarkan dokumen kontrak Klausa 43, pihak kontraktor hendaklah memohon EOT sekiranya tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. PP perlu menilai dan memberi EOT yang sesuai jika alasan permohonan tersebut adalah munasabah.
- ii. Berdasarkan Arahan Perolehan PWD/Q1/05 bertarikh 18 Disember 2011, keputusan untuk kelulusan EOT hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan EOT diterima. Bagaimanapun, ***semakan Audit mendapati JKR mengambil masa antara 64 hingga 240 hari untuk meluluskan EOT*** seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERMOHONAN EOT YANG DILULUSKAN

NO. EOT	TEMPOH BAHARU SIAP PROJEK	BIL. EOT YANG DILULUS (Hari)	TARIKH MOHON	TARIKH LULUS	TEMPOH LULUS (Hari)	TARIKH BAHARU SIAP PROJEK
1	05.07.2018 – 01.08.2018	28	22.11.2016	05.07.2017	225	01.08.2018
2	02.08.2018 – 06.08.2018	5	15.06.2017	18.08.2017	64	06.08.2018
3	07.08.2018 – 26.08.2018	20	30.01.2018	27.09.2018	240	26.08.2018
4	27.08.2018 – 03.09.2018	8	09.07.2018	14.02.2019	220	03.09.2018
JUMLAH		61				

Sumber: Pejabat Wilayah Tengah, JKR Sibul

Maklum Balas JKR Sarawak yang Diterima pada 18 September 2019

EOT lewat diluluskan kerana dokumen yang dikemukakan oleh pihak kontraktor kurang lengkap dan PP perlu meneliti permohonan tersebut sebelum kelulusan diberi.

Pada pendapat Audit, tempoh kelulusan EOT adalah terlalu lama.

6.2.5. Pengurusan Pembinaan

a. Kualiti Projek

- i. Berdasarkan dokumen kontrak Klausula 48.1(a), PP hendaklah mengarahkan kontraktor pada bila-bila masa untuk memperbaiki semua kecacatan yang berlaku semasa dalam tempoh DLP. Tempoh DLP bagi projek ini adalah 12 bulan iaitu bermula dari 3 September 2018 hingga 2 September 2019.
- ii. Semakan Audit mendapati Senarai Kecacatan dan Kerja Belum Siap telah dikeluarkan oleh perunding kepada kontraktor untuk diambil tindakan. Antara kerosakan dan kerja belum dilaksana/belum siap adalah cerun, bahu jalan, longkang dan tanaman penutup cerun (*seeding*).
- iii. Lawatan tapak Audit pada 29 Ogos 2019 ke lokasi CH19+340, CH20+140, CH20+900, CH21+500, CH22+200, CH25+800 dan CH27+600 mendapati ***terdapat runtuh pada profil cerun selain longkang tangga (cascade drain) serta bahu saluran (berm drain) patah dan masih belum dibaiki*** adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 8**. Selain itu, tanaman penutup cerun juga tidak dibuat. Puncanya adalah disebabkan oleh aliran air hujan di permukaan cerun yang terdedah dan kurang kawalan terhadap kualiti projek.

GAMBAR 1



Chainage 19+340

- Keadaan Cerun dan Bahu Saluran yang Runtuh
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Chainage 20+140

- Keadaan Bahu Saluran yang Kelihatan
Tergantung Akibat Cerun Runtuh
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Chainage 20+900
- Kedudukan Cerun dan Bahu Saluran yang Runtuh
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Chainage 21+500
- Kedudukan Cerun dan Bahu Saluran yang Runtuh
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Chainage 21+500
- Keadaan Cerun dan Bahu Saluran yang Runtuh
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Chainage 21+500
- Keadaan Cerun dan Longkang Tangga yang Runtuh
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Chainage 22+200
- Keadaan Cerun yang Runtuh
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Chainage 25+800
- Keadaan Cerun yang Runtuh
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Didapati bahu jalan yang dibina juga mengalami kerosakan. ***Bahu jalan yang dibina didapati rendah daripada paras jalan.*** Pemeriksaan Audit mendapati bahu jalan di CH28+700 rendah sebanyak 240 mm dari aras permukaan jalan. Kerosakan cerun, longkang dan bahu jalan adalah seperti dalam **Gambar 9** dan **Gambar 10**.

GAMBAR 9



Chainage 28+700
- Perbezaan Aras Bahu Jalan dan Aras Jalan Sedia Ada Sebanyak 240 mm
(29.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Chainage CH28+700
- Perbezaan Aras Bahu Jalan dan Aras Jalan Sedia Ada Sebanyak 240 mm
(29.09.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JKR Sarawak yang Diterima pada 18 September 2019

Kerosakan pada takungan pembetung telah diambil tindakan dan dalam proses pembaikan. Senarai kecacatan dan kerja belum siap telah diambil tindakan oleh pihak kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan. JKR masih memantau kerja pembaikan agar dilakukan dengan sempurna sebelum diperakukan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembinaan adalah tidak memuaskan kerana kerja-kerja pembaikan belum disiapkan oleh pihak kontraktor.

6.2.6. Pemantauan Projek

- a. Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual, mematuhi skop dan spesifikasi kerja. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja dan menyelesaikan masalah yang

berbangkit semasa pelaksanaan projek di tapak. JKR Sarawak bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek sehingga tamat DLP.

- b. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati kerja pemantauan terhadap projek dilaksanakan secara bersama antara perunding yang dilantik dan JKR Sarawak. Pemantauan dijalankan melalui Mesyuarat Tapak, Laporan Bulanan Kawalan Kualiti, Laporan Keselamatan dan Kesihatan serta lawatan tapak.
- c. Semakan Audit seterusnya terhadap fail Mesyuarat Tapak mendapati mesyuarat tapak diadakan pada setiap bulan. Sepanjang tempoh pelaksanaan projek iaitu dari bulan Mac 2015 hingga Ogos 2018, sebanyak 31 Mesyuarat Tapak dan tiga (3) mesyuarat koordinasi telah diadakan.
- d. Didapati sebanyak 44 laporan kawalan kualiti telah dikeluarkan sejak bulan Januari 2015 hingga September 2018 serta 40 Laporan Keselamatan dan Kesihatan dikeluarkan sejak bulan April 2015 hingga Julai 2018. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tapak ialah isu kontrak, kewangan dan prestasi projek, masalah pembinaan dan kawalan kualiti serta keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak.
- e. Bagaimanapun, didapati pemantauan kurang rapi di tapak projek kerana kontraktor masih belum memperbaiki kerosakan serta kerja yang belum dilaksanakan dalam tempoh DLP.

Pada pendapat Audit, pemantauan adalah kurang memuaskan kerana PP gagal memastikan kerosakan serta kerja yang belum dilaksanakan disiapkan dalam tempoh DLP.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan merumuskan bahawa Projek Jalan Song/Sungai Yong, Kapit, Sarawak telah dapat disiapkan dan mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu untuk diguna oleh golongan sasaran bagi menghubungkan Kanowit/Song dan Kapit melalui jalan darat. Projek telah diuruskan dengan cekap kecuali kelemahan dalam aspek kelulusan EOT yang mengambil masa antara 64 hingga 240 hari serta kecacatan selepas projek siap yang masih belum dibaiki sepenuhnya oleh pihak kontraktor.

8. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan projek, pihak Audit mengesyorkan supaya pihak JKR Sarawak memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

8.1. menyediakan senarai semakan permohonan EOT dan menyemak dokumen berkaitan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor apabila memohon EOT. PP juga hendaklah memastikan pertimbangan kelulusan EOT dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan EOT diterima seperti kehendak Arahan Perolehan PWD/Q1/05 bertarikh 18 Disember 2011;

8.2. pemantauan yang lebih rapi diperlukan bagi memastikan kontraktor membaiki kerosakan dan menyiapkan kerja yang belum dilaksanakan dalam tempoh DLP. Ini boleh mengelakkan kerajaan terpaksa menanggung kos pembaikan atau penyediaan jika ianya tidak dilaksanakan dalam tempoh DLP; dan

8.3. memastikan kontraktor mematuhi sepenuhnya kualiti kerja berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Tanaman rumput penutup cerun atau benteng runtuh di lokasi kerap berlaku runtuh pada profil cerun hendaklah dibuat supaya runtuh cerun tidak berulang.

2

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK

- Program Bekalan Air Alternatif Sarawak

RINGKASAN EKSEKUTIF

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK

PROGRAM BEKALAN AIR ALTERNATIF SARAWAK

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program.
- Prestasi program dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian fizikal projek dan pencapaian *outcome*.
- Pengurusan program pula meliputi enam (6) perkara iaitu pengurusan kewangan, kajian feasibiliti, pentadbiran kontrak, pengurusan operasi dan penyenggaraan, pengurusan pembinaan serta pemantauan. Tempoh yang diliputi dalam pengauditan adalah dari tahun 2017 hingga bulan Ogos 2019.
- Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak dan JBALB Cawangan Bintulu dan Sibu.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Program perintis Program Bekalan Air Alternatif Sarawak (SAWAS) ini melibatkan lima (5) pakej dengan 22 kampung dan 572 isi rumah (pintu). Objektif program adalah untuk membekalkan air bersih ke kawasan pedalaman di Sarawak yang belum menerima bekalan air paip.
- Kos kontrak berjumlah RM49.73 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak.
- Tempoh Program SAWAS perlu disiapkan antara 10 hingga 12 bulan.
- Projek ini menjadi tarikan *stakeholders* seperti orang awam dan ahli politik.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan output bagi lima (5) projek perintis di bawah Program SAWAS yang diaudit tercapai kerana projek telah disiapkan dalam tempoh yang dibenarkan. Sasaran *outcome* juga tercapai kerana kesemua 572 isi rumah yang disasarkan di bawah lima (5) projek ini telah menikmati bekalan air bersih. Selain itu, seramai 84 daripada 90 (93.3%) responden berpuas hati dengan program ini.

- Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan program seperti berikut:
 - Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) bagi SAWAS Pakej 3 tidak dikemukakan untuk pengesahan. Bagi empat (4) pakej yang lain pula, surat CPC lewat dikeluarkan oleh JBALB antara 14 hingga 176 hari;
 - Bon Jaminan Reka Bentuk bernilai RM1.41 juta bagi SAWAS Pakej 1 dan 5 ada dikemukakan. Bagaimanapun, tiga (3) pakej lain bernilai RM1.08 juta tidak dikemukakan;
 - pengurusan operasi dan penyenggaraan kurang memuaskan kerana Manual O&M bagi empat (4) Pakej belum dikemukakan; dan
 - pengurusan pembinaan kurang memuaskan kerana berlakunya kerja yang kurang berkualiti seperti pemasangan paip tidak mengikut spesifikasi. Reka bentuk kaedah penahan benteng yang tidak disediakan dan tidak sesuai boleh menyebabkan hakisan kepada tebing berhampiran muka sauk. Selain itu, lukisan siap bina bagi SAWAS Pakej 1 dan 5 tidak lengkap dan tidak menggambarkan keadaan sebenar di tapak.

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK

2. PROGRAM BEKALAN AIR ALTERNATIF SARAWAK

FAKTA UTAMA

ORDINAN AIR 1994 Kementerian Utiliti Sarawak dilantik sebagai Pihak Berkuasa Air Negeri	KRA 4 – Air Luar Bandar Untuk meningkatkan agihan (<i>provision</i>) dan realibiliti (<i>reliability</i>) bekalan air di luar bandar	RM49.73 Juta Peruntukan untuk Program SAWAS bagi lima (5) projek perintis (tahun 2017 - Jun 2019)
Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB)	Agensi pelaksana program ini dan bertanggungjawab sebagai Pengarah Projek.	
Tujuan Program SAWAS	Membekalkan air bersih ke kawasan pedalaman Sarawak yang tidak mempunyai bekalan air paip bersih.	
Golongan Sasaran	JBALB menasarkankan 78 kampung (1,918 isi rumah) dengan nilai skim RM184.60 juta. Lima (5) pakej sebagai projek perintis telah dilaksanakan melibatkan 22 kampung (572 isi rumah).	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pengurusan dan pentadbiran bekalan air awam di Sarawak di bawah bidang kuasa Kementerian Utiliti Sarawak yang juga merupakan Pihak Berkuasa Air Negeri [*State Water Authority – (SWA)*] di bawah peruntukan Ordinan Air 1994. SWA membenarkan penubuhan pelbagai Pihak Berkuasa Bekalan Air seperti Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB), Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan Lembaga Air Kawasan Utara Management Sdn. Bhd.. Kementerian Utiliti Sarawak telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 4 – Air Luar Bandar di bawah Inisiatif Transformasi Luar Bandar. KRA 4 bertujuan untuk meningkatkan agihan (*provision*) dan realibiliti (*reliability*) bekalan air di kawasan luar bandar.

1.2. JBALB Sarawak yang ditubuhkan pada 1 September 2015 merupakan agensi yang bertanggungjawab menyediakan bekalan air yang dirawat dan bersih kepada 292,900 isi rumah di kawasan luar bandar menjelang tahun 2025. Setakat tahun 2016, peratus isi rumah di kawasan luar bandar yang telah mendapat bekalan air yang dirawat dan bersih adalah 61%, iaitu 178,525 daripada 292,900 isi rumah. Manakala 39% atau 114,375 isi rumah di kawasan pedalaman Sarawak seperti di Bahagian Miri, Kapit, Sri Aman, Bintulu, Limbang dan Mukah masih belum mendapat kemudahan bekalan air bersih.

1.3. Bagi tujuan membekalkan air bersih ke kawasan pedalaman di Sarawak yang tidak mempunyai kemudahan air bersih, Kerajaan negeri telah melaksanakan Program Bekalan Air Alternatif Sarawak (SAWAS). Program SAWAS mula dilaksanakan pada tahun 2017 oleh JBALB Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). JBALB Sarawak merupakan agensi pelaksana program ini dan bertanggungjawab sebagai Pengarah Projek.

1.4. Di bawah RMKe-11, JBALB Sarawak merancang untuk melaksanakan Program SAWAS melibatkan 78 kampung dan 1,918 isi rumah (pintu) dengan nilai skim berjumlah RM184.60 juta. Sebagai permulaan, JBALB telah melaksanakan program perintis bagi tempoh tahun 2017 hingga 2018 yang melibatkan 22 kampung dengan 572 isi rumah. Program perintis ini melibatkan lima (5) projek dengan kos berjumlah RM49.73 juta di Bahagian Miri, Kapit, Sri Aman, Bintulu, Limbang dan Mukah. Untuk tujuan ini, lima (5) kontraktor telah dilantik iaitu Syarikat bernombor 85470-P, 580764-V, 1085902-P, 914725-K dan 615928-W adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BUTIRAN PAKEJ LIMA (5) PROJEK PERINTIS

BIL.	NAMA PROJEK/ NO. KONTRAK	NAMA KONTRAKTOR	PERUNDING	BAHAGIAN	BILANGAN KAMPUNG	BILANGAN ISI RUMAH (Pintu)	HARGA KONTRAK (RM Juta)
1.	SAWAS Pakej 1 JBALB/HQ/ WK25/ 2017	Syarikat No. 85470-P	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat No. 68846 Syarikat No. 668803-M 	Bintulu	5	120	14.33
2.	SAWAS Pakej 2 JBALB/HQ/ WK26/ 2017	Syarikat No. 580764-V	Syarikat No. 939523-H	Miri	2	115	10.20
				Limbang	1	12	
3.	SAWAS Pakej 3 JBALB/HQ/ WK27/ 2017	Syarikat No. 1085902-P	Syarikat No. 814929-W	Sri Aman	1	10	4.59
				Kapit	1	18	
				Limbang	1	15	
4.	SAWAS Pakej 4 JBALB/HQ/ WK28/ 2017	Syarikat No. 914725-K	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat No. 878022-V Syarikat No. 662526-V 	Mukah	6	118	6.81
5.	SAWAS Pakej 5 JBALB/HQ/ WK29/ 2017	Syarikat No. 615928-W	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat No. 620535-V Syarikat No. 668803-M Syarikat No. 45224 	Mukah	5	164	13.80
JUMLAH					22	572	49.73

Sumber: JBALB

1.5. Skop Program SAWAS meliputi 14 kerja antaranya kemudahan tempat aliran masuk air mentah; sistem paip air mentah; sistem pemprosesan air bersih/diproses dan paip perkhidmatan dari bekalan air utama ke dapur rumah penduduk. Selain itu, ia juga

melibatkan latihan untuk pengendali sistem yang dilantik oleh komuniti kampung dan kerja penyenggaraan berkala untuk seluruh sistem bagi tempoh satu (1) tahun selepas tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan, termasuk penggantian komponen dan peralatan yang rosak.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program SAWAS telah dirancang dan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif ditetapkan, iaitu untuk membekalkan air bersih ke kawasan pedalaman Sarawak yang tidak mempunyai kemudahan bekalan air bersih.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini hanya meliputi lima (5) projek perintis dengan kos RM49.73 juta. Penilaian Audit meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi program dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian fizikal projek dan pencapaian *outcome*. Pengurusan program pula meliputi enam (6) perkara iaitu pengurusan kewangan, kajian feasibiliti, pentadbiran kontrak, pengurusan operasi dan penyenggaraan, pengurusan pembinaan serta pemantauan. Tempoh yang diliputi dalam pengauditan adalah dari tahun 2017 hingga bulan Ogos 2019.

3.2. Sebanyak tiga (3) projek bernilai RM34.94 juta daripada lima (5) projek fizikal telah dipilih sebagai sampel bagi lawatan tapak Audit melibatkan 16 kampung dan 402 isi rumah di Bahagian Bintulu dan Mukah. Selain itu, sebanyak 43 baucar bayaran bernilai RM45.06 juta (90.6%) daripada RM49.73 juta telah dipilih untuk semakan Audit. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat JBALB Sarawak dan JBALB Cawangan Bintulu dan Sibu.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data yang berkaitan dengan Program SAWAS. Lawatan Audit bersama pegawai teknikal Jabatan Audit Negara dan pegawai JBALB ke lokasi projek terpilih telah dijalankan pada 19 hingga 23 Ogos 2019 untuk menilai prestasi kemajuan projek. Borang soal selidik juga telah diedarkan kepada penduduk kampung di Rumah Banta, Rumah Unchau di

Bintulu serta Muara Lebaan, Kampung Penasu dan Nanga Semah di Mukah. Ini adalah untuk menilai sama ada bekalan air telah dinikmati oleh penduduk setelah projek disiapkan sepenuhnya. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai Program SAWAS dan isu Audit yang berbangkit.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Ogos 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

5.1.1. Prestasi Program

a. Pencapaian Output

Lima (5) projek perintis yang diaudit melibatkan 22 kampung dengan 572 isi rumah telah berjaya disiapkan mengikut tarikh kontrak asal/tarikh siap dipinda yang diluluskan.

b. Pencapaian *Outcome*

Sistem bekalan air yang disediakan bagi lima (5) projek perintis tersebut dapat berfungsi sepenuhnya dan membekalkan air bersih kepada 572 isi rumah. Analisis terhadap borang soal selidik yang diedarkan oleh Jabatan Audit Negara mendapati seramai 84 daripada 90 (93.3%) responden berpuas hati dengan Program SAWAS kerana mereka telah dapat menikmati bekalan air bersih melalui program ini.

5.1.2. Pengurusan Program

Pengurusan program dari aspek pengurusan kewangan adalah memuaskan. Namun terdapat kelemahan dalam pentadbiran kontrak, pengurusan operasi dan penyenggaraan serta pengurusan pembinaan yang menjejaskan kecekapan pengurusan program ini.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Kajian feasibiliti di peringkat JBALB tidak dijalankan;
- b. Pengeluaran CPC tidak teratur;
- c. Bon Jaminan Reka Bentuk belum dikemukakan;
- d. Manual Operasi dan Penyenggaraan (O&M) yang tidak lengkap;
- e. Hakisan di benteng (*Embankment*) sungai; dan
- f. Kerja tidak mengikut spesifikasi.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas JBALB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 24 September 2019. Maklum balas terkini telah diterima pada 30 April 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program

6.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Berdasarkan Laporan Eksekutif SAWAS 2018, JBALB Sarawak telah melaksanakan lima (5) projek bagi program perintis SAWAS dengan harga kontrak berjumlah RM49.73 juta. Projek ini melibatkan 22 kampung dan 572 isi rumah di Bahagian Miri, Kapit, Sri Aman, Bintulu, Limbang dan Mukah.
- b. Semakan Audit mendapati tiga (3) projek iaitu Pakej 1, Pakej 2 dan Pakej 4 telah disiapkan mengikut tarikh siap asal dalam kontrak manakala satu projek (Pakej 5) disiapkan selepas diberi dua (2) lanjutan masa (EOT) selama 46 hari. EOT diluluskan kerana kelewatan Syarikat SESCO Berhad menyambung bekalan elektrik ke loji rawatan air dan pam air mentah. Maklumat siap kerja bagi SAWAS Pakej 3 pula tidak dapat disahkan kerana JBALB tidak mengemukakan maklumat tersebut kepada pihak Audit. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2
PENCAPAIAN FIZIKAL LIMA (5) PROJEK PERINTIS**

BIL.	NAMA PROJEK/ NOMBOR KONTRAK	TARIKH SST	TARIKH SIAP		EOT DILULUSKAN		TEMPOH KONTRAK (Bulan)
			ASAL	SEBENAR	BIL.	TEMPOH (Hari)	
1.	SAWAS Pakej 1 JBALB/HQ/WK25/2017	12.10.2017	30.08.2018	30.08.2018	TB	TB	10
2.	SAWAS Pakej 2 JBALB/HQ/WK26/2017	12.10.2017	30.09.2018	30.09.2018	TB	TB	11
3.	SAWAS Pakej 3 JBALB/HQ/WK27/2017	12.10.2017	30.10.2018	Tiada CPC	TB	TB	12
4.	SAWAS Pakej 4 JBALB/HQ/WK28/2017	12.10.2017	30.10.2018	30.10.2018	TB	TB	12
5.	SAWAS Pakej 5 JBALB/HQ/WK29/2017	12.10.2017	30.08.2018	15.10.2018	2	46	11 ½

Sumber: JBALB

Nota: TB – Tidak Berkenaan

- c. CPC telah dikeluarkan masing-masingnya pada 23 Januari 2019 (SAWAS Pakej 1), 26 Mac 2019 (SAWAS Pakej 2) dan 15 November 2018 (SAWAS Pakej 4 dan Pakej 5). Berdasarkan Laporan Eksekutif SAWAS 2018 dan laporan oleh media di satu keratan akhbar *Borneo Post* bertarikh 17 Julai 2018, Menteri Utiliti Sarawak memaklumkan bahawa pemasangan sistem SAWAS Pakej 3 telah siap dan beroperasi. Sistem ini membekalkan air bersih kepada 310 isi rumah di Rumah Ninting di Lubok Antu, Rumah Untat di Song dan Kampung Kalampun, Lawas.

Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 26 September 2019

Bagi tindakan pembetulan, JBALB telah melancarkan *Standard Operation Procedures* (SOP) untuk kontrak Pra dan Pasca yang mana akan dijadikan sebagai panduan JBALB dalam menguruskan perkara berhubung kontrak dengan betul. Senarai semak untuk semua prosedur kontrak termasuk penyediaan CPC akan dipertingkatkan juga. JBALB telah melantik Jawatankuasa Audit Dalaman untuk memastikan kualiti kerja yang baik dilakukan.

Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 30 April 2020

JBALB memaklumkan bahawa CPC bagi Pakej 3 yang bertarikh 5 Februari 2020 telah dikemukakan kepada pihak kontraktor pada 06 Februari 2020.

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal bagi lima (5) projek perintis adalah memuaskan kerana telah dapat disiapkan dalam tempoh dibenarkan.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Pencapaian Sasaran Program SAWAS

- i. Objektif utama Program SAWAS adalah untuk menyediakan sistem bekalan air yang sesuai untuk membekalkan air bersih ke kawasan pedalaman Sarawak yang masih belum mendapat kemudahan bekalan air bersih. Semakan Audit setakat akhir tahun 2018, mendapati JBALB telah melaksanakan Program SAWAS melibatkan 22 kampung dengan 572 isi rumah. Baki sasaran Program SAWAS melibatkan sebanyak 56 kampung dengan 1,346 isi rumah masih dalam proses penilaian perolehan (DP) setakat Disember 2019. Butiran sasaran Program SAWAS mengikut tahun adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SASARAN PROGRAM SAWAS

TAHUN	BILANGAN KAMPUNG MENDAPAT AKSES		PERBEZAAN (b) – (a)	BILANGAN ISI RUMAH MENDAPAT AKSES		PERBEZAAN (a) – (b)
	SASARAN (a)	SEBENAR (b)		SASARAN (a)	SEBENAR (b)	
2017	22	22	0	572	572	0
2018						
2019	28	DP	28	658	DP	658
2020	28	DP	28	688	DP	688
JUMLAH	78	22	56	1,918	572	1,346

Sumber: JBALB

Nota: DP – Dalam Proses Penilaian Perolehan

- ii. Berdasarkan Laporan Eksekutif SAWAS Tahun 2018 JBALB Sarawak, sistem bekalan air untuk kesemua pakej telah berfungsi sepenuhnya. Lawatan Audit pada 19 hingga 23 Ogos 2019 ke tapak projek SAWAS Pakej 1 (Rumah Banta), 4 dan 5 mendapati sistem telah berfungsi sepenuhnya. Bagaimanapun, muka sauk di Rumah Unchau, Bintulu (Pakej 1) tidak dapat digunakan sejak bulan Ogos 2019 akibat hakisan.

b. Kualiti Air Mematuhi Piawaian

- i. Klausula 4.1.7, Pernyataan Kehendak Program SAWAS, antara lain menyatakan air minuman yang bersih hendaklah mematuhi Standard Kebangsaan Untuk Kualiti Air Minum. Parameter yang digunakan oleh Unit Kawalan Mutu Air Minum (KMAM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menilai kualiti air adalah kekeruhan, pH, mangan (*manganese*), iron (*Fe*), aluminium dan klorida. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4
PIAWAIAN KAWALAN MUTU AIR MINUM**

BIL.	PARAMETER	PIAWAIAN KMAM
1.	Kekeruhan	< 5NTU
2.	Ph	6.5 – 8.5
3.	Mangan	< 0.1 mg/l
4.	Iron (Fe)	< 0.3 mg/l
5.	Aluminium	≤ 0.2 mg/l
6.	Klorida	250 mg/l

Sumber: Unit KMAM, Kementerian Kesihatan Malaysia

- ii. Lawatan Audit pada 19 hingga 23 Ogos 2019 mendapati perkakasan *Ultra Filtration (UF) Membrane* telah dipasang dan beroperasi untuk merawat air mentah. Pihak Audit bersama kontraktor dan wakil JBALB telah menguji parameter fizikal melalui dua (2) ujian secara *in-situ* iaitu tahap kekeruhan (*turbidity*) dan nilai pH. Ujian tersebut bertujuan untuk menilai kualiti air di lima (5) sistem bekalan air bagi tiga (3) pakej yang dilawati. Hasil ujian mendapati tahap kekeruhan dan nilai pH air terawat di kesemua loji terlibat telah memenuhi Piawaian Kawalan Mutu Air Minum seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
HASIL UJIAN PARAMETER FIZIKAL**

BIL.	PARAMETER	PIAWAIAN KMAM	LOKASI SISTEM BEKALAN AIR				
			MUARA LEBEAN	KAMPUNG PENASU	NANGA SEMAH	RH. BANTA	RH. UNCHAU
1.	Kekeruhan	< 5NTU	0.1	0.1	0.5	0	0
2.	pH	6.5 – 8.5	7.0	6.5	6.0	6.7	6.5

Sumber: JBALB

Nota: KMAM – Kawalan Mutu Air Minum


- iii. Semakan Audit mendapati enam (6) ujian termasuk kekeruhan dan nilai pH bagi kesemua pakej telah dibuat oleh pihak ketiga (makmal luar) yang dilantik oleh kontraktor. Bagaimanapun, maklumat terperinci bagi Pakej 4 mengenai keputusan makmal masih belum dikemukakan.

c. Kajian Kepuasan Pengguna

- i. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik untuk menilai sama ada bekalan air telah dinikmati oleh penduduk kampung yang dilawati setelah projek siap sepenuhnya. Sebanyak 135 borang soal selidik telah diedarkan dan 90 (66.7%) borang dikembalikan kepada pihak Audit untuk analisis. Soal selidik yang diedarkan meliputi dua (2) aspek iaitu maklumat penggunaan bekalan air sebelum SAWAS dan selepas SAWAS.


- ii. Analisis Audit mendapati sebelum Program SAWAS dilaksanakan, responden mendapat sumber bekalan air daripada air hujan, air sungai dan air minuman (botol) seperti dalam **Carta 1**. Penduduk kampung juga dibekalkan tangki daripada peruntukan Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Selepas Program SAWAS dilaksanakan, 84 (93.3%) daripada 90 responden berpuas hati dengan bekalan air yang disediakan seperti dalam **Carta 2**. Bagaimanapun, responden juga mencadangkan supaya tindakan penambahbaikan seperti latihan dan penyenggaraan sistem yang berterusan dilaksanakan oleh JBALB.

CARTA 1
SUMBER BEKALAN AIR SEBELUM SAWAS



Sumber: Analisis oleh Jabatan Audit Negara

CARTA 2
KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP PROGRAM SAWAS



Sumber: Analisis oleh Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, lima (5) projek yang dilaksanakan di 22 kampung melibatkan 572 isi rumah di Bahagian Miri, Kapit, Sri Aman, Bintulu, Limbang dan Mukah telah berjaya membekalkan air bersih dan selamat

digunakan kepada penduduk. Melalui soal selidik yang dijalankan, 93.3% responden juga berpuas hati dengan Program SAWAS kerana adanya bekalan air paip untuk kegunaan seharian.

6.2. Pengurusan Program

6.2.1. Pencapaian Kewangan

- a. Klausula 53.1, Kontrak Reka dan Bina JKR *Form DB (Rev.1/2010)*, antara lain menyatakan bahawa bayaran interim hendaklah dibuat berdasarkan penilaian kemajuan kerja sebenar di tapak. Penilaian bayaran interim merangkumi bahan binaan dan peralatan yang dihantar ke tapak.
- b. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati Kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM50 juta pada 22 Jun 2017 untuk melaksanakan lima (5) projek perintis di bawah Program SAWAS. Harga kontrak yang dimuktamadkan selepas rundingan harga dengan kontraktor bagi lima (5) projek tersebut adalah sejumlah RM49.73 juta.
- c. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati setakat bulan Disember 2018, sejumlah RM45.06 juta (90.6%) telah dibayar kepada kontraktor melalui 43 baucar bayaran. Bayaran yang dibuat adalah berdasarkan kepada kemajuan kerja sebenar di tapak. Peratus bayaran masih belum mencapai 100% kerana bayaran bagi operasi dan penyenggaraan belum dibuat. Hal ini kerana dokumen sokongan belum dikemukakan oleh kontraktor kepada JBALB. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6
PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2018**

BIL.	BUTIRAN	AMAUN KONTRAK (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)	PERATUS BAYARAN (%)	BAKI BAYARAN (RM)
1.	SAWAS Pakej 1 JBALB/HQ/WK25/2017	14.33	12.68	88.5	1,653,248
2.	SAWAS Pakej 2 JBALB/HQ/WK26/2017	10.20	8.99	88.1	1,209,737
3.	SAWAS Pakej 3 JBALB/HQ/WK27/2017	4.59	4.55	99.1	39,490
4.	SAWAS Pakej 4 JBALB/HQ/WK28/2017	6.81	6.41	94.1	392,830
5.	SAWAS Pakej 5 JBALB/HQ/WK29/2017	13.80	12.43	90.1	1,372,641
JUMLAH		49.73	45.06	90.6	4,667,946

Sumber: JBALB

Pada pendapat Audit, aspek kewangan telah diurus dengan baik kerana pembayaran adalah selaras dengan kemajuan fizikal projek dan kemajuan kerja sebenar di tapak.

6.2.2. Kajian Feasibiliti

- a. MWA Garis Panduan Reka Bentuk Untuk Sistem Bekalan Air terbitan Persatuan Air Malaysia menyatakan kajian feasibiliti merupakan langkah yang penting dalam program penyediaan bekalan air pada skala kecil mahupun besar. Kajian ini juga penting bagi memastikan projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Kajian awalan tersebut antaranya merangkumi kajian mengenai populasi, unjuran permintaan air, kajian kualiti dan rawatan air serta analisis kos operasi dan penyenggaraan.
- b. Semakan Audit mendapati *program ini telah dilaksanakan tanpa kajian feasibiliti oleh pihak JBALB*. Menurut pihak JBALB, kajian feasibiliti tidak dijalankan kerana projek perlu dilaksanakan dengan segera. Bagaimanapun, didapati kontraktor dan perunding telah menjalankan kerja kaji selidik tapak, kerja siasatan tapak serta mengumpul dan menganalisis semua rekod, data, lukisan dan peta untuk kesemua lima (5) pakej semasa peringkat reka bentuk.

Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 30 April 2020

Projek SAWAS Fasa 1 adalah merupakan projek Reka Bentuk dan berlainan daripada kontrak biasa. Berdasarkan Klausula 3.0 *Scope of Contract* di bawah PWD Form DB (Rev. 1/2010), kajian feasibiliti merupakan tanggungjawab kontraktor Reka Bentuk. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak kontraktor untuk menjalankan kajian feasibiliti dan reka bentuk manakala JBALB bertanggungjawab bagi memastikan keperluan yang telah dinyatakan dalam Pernyataan Kehendak dapat dipenuhi. Pihak kontraktor juga bertanggungjawab terhadap risiko reka bentuk yang dicadangkan dengan mengemukakan Bon Jaminan Reka Bentuk bagi tempoh selama lima (5) tahun (60 bulan).

Pada pendapat Audit, kajian feasibiliti di peringkat JBALB adalah penting dalam program penyediaan bekalan air pada skala kecil mahupun besar.

6.2.3. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan.

a. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

- i. Berdasarkan Klausula 44, Kontrak Reka dan Bina JKR *Form* DB (Rev.1/2010), kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Penguasa (PP) apabila kerja telah siap dilaksanakan. PP hendaklah melaksanakan pemeriksaan dan pengujian dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima notis permohonan daripada kontraktor.
- ii. Semakan Audit mendapati CPC bagi SAWAS Pakej 3 belum dikemukakan untuk pengesahan pihak Audit. Manakala, bagi empat (4) pakej yang lain pula, surat iringan CPC tersebut telah lewat dikeluarkan oleh JBALB antara 14 hingga 176 hari berbanding tarikh CPC tersebut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERNGELUARAN CPC TIDAK TERATUR

BIL.	NAMA PROJEK/NOMBOR KONTRAK	TARIKH SIAP KERJA	TARIKH SURAT CPC	KELEWATAN (Hari)
1.	SAWAS Pakej 1/JBALB/HQ/WK25/2017	30.08.2018	23.01.2019	144
2.	SAWAS Pakej 2/JBALB/HQ/WK26/2017	30.09.2018	26.03.2019	176
3.	SAWAS Pakej 3/JBALB/HQ/WK27/2017	30.10.2018	CPC Tidak Dikeluarkan	
4.	SAWAS Pakej 4/JBALB/HQ/WK28/2017	30.10.2018	15.11.2018	14
5.	SAWAS Pakej 5/JBALB/HQ/WK29/2017	15.10.2018	15.11.2018	30

Sumber: JBALB

- iii. Berdasarkan maklum balas JBALB pada 26 September 2019, kelewatan mengeluarkan CPC bagi Pakej 1 kerana laporan lengkap kualiti air serta laporan pengujian dan pentauliahan (*Testing & Commissioning – T&C*) lewat dikemukakan. Laporan analisis kualiti air yang dibuat oleh makmal akreditasi (pihak ke-3) juga lewat dikemukakan kepada JBALB.
- iv. CPC bagi Pakej 2 lewat dikeluarkan kerana bencana alam melibatkan sembilan (9) pintu rumah telah terbakar di tapak projek Long Peluan. JBALB dan kontraktor mengambil masa untuk memuktamadkan kuantiti dan amaun yang akan ditolak daripada kontrak utama. Proses pengukuran tapak, cadangan daripada kontraktor dan pengesahan daripada perunding mengenai rundingan jumlah yang dipotong mengambil tempoh yang lama menyebabkan kelulusan daripada PP lewat dikeluarkan.

b. Bon Jaminan Reka Bentuk

- i. Mengikut Klausa 14.3(a), Kontrak Reka dan Bina JKR *Form DB (Rev.1/2010)*, kontraktor hendaklah memberikan kerajaan suatu jaminan bank yang dikeluarkan oleh suatu bank berlesen/institusi kewangan yang diluluskan. Bon Jaminan Reka Bentuk hendaklah dikemukakan sebelum atau pada tarikh CPC dikeluarkan sebagai suatu jaminan bagi kewajipan dan jaminan kontraktor. Bon tersebut hendaklah kekal sah selama tempoh lima (5) tahun dari tarikh CPC dikeluarkan.
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati Bon Jaminan Reka Bentuk bernilai RM1.41 juta bagi SAWAS Pakej 1 dan 5 telah dikemukakan. Bagaimanapun, ***tidak ada Bon Jaminan Reka Bentuk bagi tiga (3) pakej lain iaitu Pakej 2, 3 dan 4 yang bernilai RM1.08 juta dikemukakan.***

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak Program SAWAS tidak memuaskan kerana terdapat pakej yang tidak dikeluarkan CPC dan tidak mempunyai Bon Jaminan Reka Bentuk.

6.2.4. Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan

a. Pelantikan Juruteknik Sepenuh Masa

- i. Klausa 4.2.8, Pernyataan Kehendak Program SAWAS antara lainnya menyatakan pihak kontraktor perlu melantik seorang juruteknik sepenuh masa yang kompeten di tapak. Juruteknik ini perlu berada di tapak selama 12 bulan bagi pengoperasian dan penyenggaraan sistem bekalan air yang dibina.
- ii. Lawatan Audit pada 19 hingga 23 Ogos 2019 mendapati ***juruteknik untuk ketiga-tiga pakej yang dilawati tidak berada di tapak*** seperti kehendak kontrak. Bagaimanapun, pihak kontraktor didapati telah melantik seorang wakil komuniti kampung untuk melaksanakan pengoperasian dan penyenggaraan. Pihak Audit dimaklumkan oleh kontraktor semasa lawatan Audit, perkara ini berlaku disebabkan kesukaran kontraktor untuk mendapatkan juruteknik sepenuh masa di tapak kerana ia terletak di kawasan pedalaman.

- iii. Tambahan lagi wakil komuniti kampung yang dilantik telah dilatih oleh kontraktor untuk mengoperasi dan menyenggara sistem ini sejak di peringkat pembinaan. Bagaimanapun, semakan lanjut dalam *Bill of Quantity* (BQ) mendapati bayaran untuk juruteknik tidak dinyatakan secara khusus.

Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 26 September 2019

Kontraktor memaklumkan bahawa tiada pelantikan juruteknik sepenuh masa yang kompeten. JBALB tidak menerima notis bertulis daripada kontraktor mengenai pelantikan juruteknik yang kompeten. Hal ini kerana terdapat wakil komuniti kampung yang dilatih dengan baik oleh kontraktor.

Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 30 April 2020

Pihak JBALB memaklumkan bahawa pihak kontraktor telah mengemukakan maklumat dan latar belakang wakil komuniti kampung yang telah dilantik sebagai operator.

Pada pendapat Audit, ketiadaan juruteknik yang kompeten selain tidak mematuhi kehendak kontrak boleh menyebabkan penyenggaraan tidak dilaksanakan dengan baik.

b. Manual Operasi dan Penyenggaraan (O&M)

- i. Berdasarkan Klausula 4.2.8, Pernyataan Kehendak Program SAWAS, Manual O&M perlu disediakan dan dikemukakan oleh kontraktor. Manual O&M perlu mengandungi antaranya maklumat lengkap mengenai sistem keseluruhan yang dipasang di tapak. Manual ini merangkumi keperluan rekod operasi, jadual rutin penyenggaraan dan SOP untuk *troubleshooting* setiap peralatan berkaitan.
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati ***Manual O&M bagi empat (4) daripada lima (5) pakej SAWAS belum dikemukakan setakat tempoh pengauditan pada bulan Ogos 2019.*** Kontraktor hanya mengemukakan Manual O&M untuk SAWAS Pakej 1 yang merangkumi rekod operasi dan SOP untuk *troubleshooting*. Bagaimanapun, ***jadual penyenggaraan untuk peralatan tidak disertakan.***

Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 26 September 2019

Manual O&M untuk kesemua pakej telah diserahkan oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, Manual O&M yang tidak dikemukakan semasa projek siap akan menyukarkan kerja penyenggaraan.

6.2.5. Pengurusan Pembinaan

Kontraktor melantik perunding untuk menyelia projek bagi memastikan kerja dijalankan mengikut spesifikasi kontrak dan pada tahap kualiti yang boleh diterima. Lawatan Audit pada 19 hingga 23 Ogos 2019 ke tapak projek SAWAS Pakej 1 (Ulu Pandan - Bintulu), Pakej 4 (Nanga Semah – Mukah) dan Pakej 5 (Muara Lebaan dan Kampung Penasu – Mukah) mendapati perkara seperti berikut:

a. Hakisan di Benteng (*Embankment*) Sungai

- i. Klausula 4.4.2, Pernyataan Kehendak Program SAWAS antara lain menyatakan pihak kontraktor perlu menyediakan reka bentuk terperinci, lukisan dan spesifikasi dengan mengambil kira MWA Garis Panduan Reka Bentuk Untuk Sistem Bekalan Air terbitan Persatuan Air Malaysia.
- ii. Garis panduan ini antara lain menyatakan pertimbangan hendaklah dibuat dalam pemilihan sungai termasuk tapak dan persekitarannya. Bagaimanapun, jika tiada tapak yang sesuai, tapak tersebut perlu menggunakan perlindungan cerucuk, *bank* dan *intake toe* dalam bentuk *gabion*, *metal rock pitching* atau lembaran cerucuk (*sheet piling*).
- iii. Lawatan Audit pada 22 Ogos 2019 ke tapak projek SAWAS Pakej 1 mendapati ***hakisan yang serius berlaku yang mana tanah yang terhakis telah memenuhi kawasan muka sauk di Rumah Unchau. Keadaan ini menyebabkan air tidak dapat dipam ke sistem rawatan air*** seperti dalam **Gambar 1**. Selain itu, hakisan juga berlaku di Rumah Banta walaupun terdapat struktur penahan benteng seperti dalam **Gambar 2**.

GAMBAR 1



SAWAS Pakej 1 (Rumah Unchau)
- Tiada *Embankment Protection* di Muka Sauk
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



SAWAS Pakej 1 (Rumah Banta)
- *Embankment Protection* Tidak Berkesan
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 30 April 2020

- i. JBALB memaklumkan bahawa lawatan tapak oleh pihak Audit diadakan ketika musim kemarau pada bulan Ogos 2019. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh komuniti kampung, loji masih beroperasi seperti biasa dan tidak ada masalah bekalan air yang berlaku ketika musim hujan. Pihak kontraktor juga telah mengambil maklum tentang isu hakisan di benteng sungai dan akan bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja penambahbaikan.
- ii. Pihak JBALB telah meneliti isu yang dikemukakan dan akan memastikan pihak kontraktor melaksanakan kerja penambahbaikan terhadap hakisan di benteng sungai tersebut. Pihak JBALB akan sentiasa mengikuti perkembangan terhadap status kerja penambahbaikan yang akan dilakukan oleh pihak kontraktor.

b. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

i. Pemasangan Paip Tidak Mencapai Kedalaman yang Ditetapkan

- Klausula 2.3.6, Spesifikasi Am Bagi Pembinaan Saluran Air Paip JKR Sarawak (Oktober 2011) antara lain menyatakan parit yang dikorek hendaklah cukup dalam iaitu satu meter untuk menutup saluran paip.
- Lawatan Audit pada 19 hingga 23 Ogos 2019 mendapati ***pemasangan paip tidak mencapai kedalaman yang ditetapkan.*** Pemasangan paip yang tidak mengikut spesifikasi ini akan mengurangkan ketahanan paip dan risiko paip pecah akibat kerosakan fizikal dan *ultra violet* (UV) kerana terdedah di permukaan tanah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PEMASANGAN PAIP TIDAK MENCAPAI KEDALAMAN YANG DITETAPKAN

BIL.	SAWAS PAKEJ	LOKASI	PENEMUAN AUDIT	GAMBAR
1.	5	Muara Lebaan	Paip daripada muka sauk terdedah/timbul	Gambar 3
				Gambar 4
2.	1	Rumah Banta	Paip terdedah/timbul ke atas permukaan tanah di Rumah Kaya	Gambar 5

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 3



SAWAS Pakej 5 (Muara Lebaan)
- Paip ke Rumah Penduduk Terdedah/Timbul
(19.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



SAWAS Pakej 5 (Muara Lebaan)
- Paip ke Muka Sauk Terdedah/Timbul
(19.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 5

SAWAS Pakej 1 (Rumah Banta)
- Paip Terdedah/Timbul di Rumah Kaya
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Semakan Audit mendapati JBALB belum membuat lawatan pemeriksaan walaupun tempoh O&M hampir tamat, iaitu pada bulan Oktober 2019. Lawatan Audit pada 19 hingga 23 Ogos 2019 di Rumah Unchau dan Muara Lebaan mendapati kecacatan tidak dibaiki oleh kontraktor seperti dalam **Gambar 6** dan **Gambar 7**.

GAMBAR 6



SAWAS Pakej 1 (Rumah Unchau)
- Paip Air Bocor Belum Dibaiki
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



SAWAS Pakej 5 (Muara Lebaan)
- *Trunking Wire* Bagi Sistem Solar Panel
Teredah Belum Dibaiki
(19.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 30 April 2020

Pihak JBALB telah mengemukakan surat kepada pihak kontraktor pada Februari 2020 agar kerja penambahbaikan dilaksanakan.

ii. Lukisan Siap Bina Tidak Menggambarkan Keadaan Sebenar di Tapak

- Klausa 4.6.2, Pernyataan Kehendak Program SAWAS menyatakan bahawa Lukisan Siap Bina hendaklah mengandungi semua butiran kerja yang telah dibina di tapak. Ia perlu disahkan dan ditandatangani oleh perunding yang berkaitan.
- Semakan Audit terhadap Lukisan Siap Bina bagi SAWAS Pakej 1 dan 5 mendapati perkara seperti berikut:
 - tiada pengesahan dan tandatangan oleh perunding;
 - lukisan tidak ada butiran sistem rawatan air yang dipasang;
 - tidak menggambarkan pemasangan sebenar di tapak apabila didapati **jajaran paip di muka sauk telah dianjak dengan anggaran lima (5) meter** seperti dalam **Rajah 1** dan **Gambar 8** bagi SAWAS Pakej 5; dan
 - bilangan *submersible pump* berbeza dengan yang dipasang di tapak seperti dalam **Rajah 2** dan **Gambar 9** bagi SAWAS Pakej 1.

RAJAH 1
LUKISAN SIAP BINA SAWAS PAKEJ 5 (MUARA LEBEAN)




Sumber: JBALB




GAMBAR 8

SAWAS Pakej 5 (Muara Lebaan)
 - Jajaran Paip Sebenar Telah Dianjak (22.8.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**RAJAH 2
 LUKISAN SIAP BINA SAWAS PAKEJ 1 (RUMAH UNCHAU)**



Sumber: JBALB



GAMBAR 9

SAWAS Pakej 1 (Rumah Unchau)
 - Hanya Dua (2) *Submersible Pump* yang Dipasang (22.8.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Perkara ini berlaku kerana Lukisan Siap Bina tidak disemak dan disahkan dengan teliti oleh perunding yang dilantik dan kelemahan pemantauan oleh JBALB. Penyediaan Lukisan Siap Bina yang tidak lengkap dan tidak sempurna boleh menyebabkan lokasi jajaran, *fittings* dan kebuk injap paip yang sebenar tidak dapat disahkan. Keadaan ini akan menyukarkan kerja penyenggaraan di masa akan datang.

Maklum Balas JBALB yang Diterima pada 30 April 2020

- JBALB memaklumkan bahawa jajaran paip di muka sauk bagi Loji SAWAS Pakej 5 telah dianjak dengan anggaran lima (5) meter adalah kerana lokasi asal

muka sauk terdedah kepada hakisan tanah. Ia juga berdasarkan permintaan daripada penduduk kampung ketika pemeriksaan tapak bersama di peringkat awal pembinaan.

- ii. JBALB memaklumkan bahawa lukisan siap bina yang menunjukkan *submersible pump* di muka sauk (Rh Unchau) bagi SAWAS Pakej 1 telah dikemas kini.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembinaan kurang cekap kerana kaedah penahan benteng tidak disediakan/tidak sesuai menyebabkan hakisan kepada tebing berhampiran muka sauk. Selain itu, terdapat kerja yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

6.2.6. Pemantauan

Pemantauan merupakan elemen pengurusan yang penting untuk membolehkan pihak bertanggungjawab mengenal pasti masalah dan kelemahan yang terdapat dalam Program SAWAS dan mengambil tindakan penyelesaian segera.

a. Kaedah Pemantauan

- i. Berdasarkan Mesyuarat Pra-Pembinaan pada 27 Oktober 2017, kaedah pemantauan Program SAWAS yang dijalankan oleh JBALB Sarawak adalah melalui buku harian tapak dan mesyuarat tapak. Selain itu, kaedah lain adalah melalui laporan bulanan iaitu laporan kemajuan kerja dan kawalan kualiti serta aduan komuniti kampung. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9
KAEDAH PEMANTAUAN PROGRAM SAWAS**

BIL.	KAEDAH PEMANTAUAN	TEMPOH
1.	Buku Harian Tapak	Harian
2.	Mesyuarat Tapak	Bila Perlu
3.	Laporan Kemajuan Kerja dan Kawalan Kualiti	Bulanan (minggu pertama bulan berikutnya)
4.	Lain-lain: Aduan Komuniti Kampung	-

Sumber: JBALB

- ii. Semakan Audit mendapati pemantauan Program SAWAS ada dijalankan melalui 21 mesyuarat tapak, 43 laporan kemajuan kerja dan 49 kawalan

kualiti. Semakan Audit juga mendapati antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tapak adalah isu pentadbiran kontrak, pembinaan, laporan bulanan seperti laporan kemajuan kerja, kawalan kualiti, keselamatan dan kesihatan serta pengurusan alam sekitar. Selain itu, mesyuarat juga turut membincangkan penyelesaian perkara berbangkit semasa pelaksanaan projek.

Pada pendapat Audit, walaupun pemantauan telah dilakukan berdasarkan mekanisme ditetapkan, namun perkara berbangkit di tapak, khususnya aspek penyenggaraan sistem bekalan air dan pengurusan pembinaan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa output bagi lima (5) projek perintis di bawah Program SAWAS yang diaudit tercapai kerana projek telah disiapkan dalam tempoh yang dibenarkan. Sasaran *outcome* juga tercapai kerana kesemua 572 isi rumah yang disasarkan di bawah lima (5) projek ini telah menikmati bekalan air bersih. Selain itu, sebanyak 93.3% responden berpuas hati dengan program ini. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam aspek pentadbiran kontrak, pengurusan operasi dan penyenggaraan, pengurusan pembinaan serta pemantauan yang menjejaskan kecekapan pengurusan program ini.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan program di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

8.1. JBALB dan kontraktor/perunding hendaklah melaksanakan kajian feasibiliti secara menyeluruh bagi memastikan sistem bekalan air yang terbaik dilaksanakan supaya dapat memberi manfaat kepada kumpulan sasaran;

8.2. JBALB memastikan kontraktor dan perunding memenuhi kehendak syarat kontrak sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan; dan

8.3. JBALB hendaklah mengadakan program penyenggaraan yang komprehensif untuk mengekalkan jangka hayat sistem bekalan air supaya dapat menampung penggunaan secara berterusan sekali gus memberi manfaat kepada kumpulan sasaran.

3

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

- Projek Pembinaan dan Program Latihan Pusat Latihan SALCRA Bajo, Lundu

RINGKASAN EKSEKUTIF

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

PROJEK PEMBINAAN DAN PROGRAM LATIHAN PUSAT LATIHAN SALCRA BAJO, LUNDU

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit, iaitu prestasi projek pembinaan dan program Latihan Pusat Latihan SALCRA Bajo (PLSB) di Lundu dan pengurusan projek. Prestasi projek pembinaan dan latihan di PLSB Lundu dinilai melalui tiga (3) aspek iaitu prestasi fizikal projek, pencapaian output program latihan dan pencapaian *outcome*.
- Pengurusan projek dinilai melalui enam (6) aspek iaitu pencapaian kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pasca kontrak pembinaan, reka bentuk dan pemantauan.
- Skop pengauditan projek pembinaan dan pengurusan projek meliputi tempoh tahun 2014 hingga 2019. Manakala skop pengauditan bagi program dan latihan meliputi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Pengauditan melibatkan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) dan PLSB Lundu.
- Projek telah disahkan siap sepenuhnya pada 18 Mei 2017 iaitu dalam tempoh yang dibenarkan selepas mengambil kira lanjutan masa (EOT) yang diluluskan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- PLSB dibina bertujuan sebagai tempat latihan untuk Pembangunan Modal Insan bagi kakitangan SALCRA, peserta ladang SALCRA dan orang awam bagi program pertanian, perladangan serta pengurusan SALCRA. Disamping itu PLSB juga menyediakan tempat untuk berekreasi, bersukan dan seminar.
- Kos kontrak berjumlah RM57.43 juta ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan dana SALCRA.
- Program latihan PLSB bertujuan mengeluarkan tenaga kerja yang kompeten dan berpengetahuan.

Apa yang ditemui Audit?

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa projek pembinaan telah dapat disiapkan mengikut tempoh yang dibenarkan dan pelbagai kemudahan telah disediakan di PLSB Lundu. Bagi pengurusan program latihan di PLSB Lundu pula, pelaksanaannya belum mencapai sasaran kerana PLSB Lundu hanya disiapkan pada 18 Mei 2017 dan beroperasi mulai bulan Julai 2017. Kekangan perjawatan merupakan antara faktor yang menyebabkan pelaksanaan kursus tidak dapat mencapai sasaran ditetapkan. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Prestasi Projek Pembinaan telah tercapai:
 - komponen projek telah dibina antaranya blok pentadbiran dan latihan, dewan serbaguna, auditorium, chalet berkembar, rumah berkembar, dua (2) asrama empat tingkat dan pondok pengawal. Selain itu, kemudahan sukan, trek larian dan landskap turut disediakan.
- Prestasi Program tidak dapat dicapai sepenuhnya:
 - daripada 438 kursus yang dirancang sebanyak 68 (15.5%) kursus telah dilaksanakan dalam tempoh tahun 2017 hingga 2019;
 - sebanyak 2,831 (26.2%) berbanding 10,819 sasaran peserta telah menghadiri kursus dalam tempoh tahun 2017 hingga 2019; dan
 - prestasi *outcome* belum dapat dinilai kerana PLSB baharu siap dibina pada 18 Mei 2017 dan beroperasi pada bulan Julai 2017.
- Analisis terhadap borang maklum balas peserta bagi program latihan dan kemudahan di PLSB mendapati secara keseluruhannya peserta berpuas hati dengan kursus yang telah dilaksanakan dan kemudahan yang disediakan.
- Pencapaian kewangan projek adalah baik dengan peratus perbelanjaan mencapai 99.6% setakat tarikh pengauditan.
- Terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pasca kontrak pembinaan dan pemantauan yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek pembinaan ini seperti berikut:
 - proses perolehan yang dibuat tidak mengikut peraturan yang

berkuatkuasa. Dua (2) perolehan iaitu pembekalan komputer dan bekalan air luaran (*external water supply*) tidak dipelawa secara tender. Sebaliknya, ia dilaksanakan secara rundingan terus. Kelulusan untuk pengecualian daripada membuat perolehan secara tender daripada Setiausaha Kewangan Negeri (SKN) tidak diperoleh;

- perunding tidak mengemukakan justifikasi Arahan Perubahan Kerja (APK) dan seterusnya Sijil Akhir projek belum dimuktamadkan. Tiga (3) APK berjumlah RM448,097 telah dikemukakan tanpa justifikasi yang lengkap kepada SALCRA untuk kelulusan selepas tamat tempoh Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) pada 17 Mei 2018 dan Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) pada 28 Jun 2018; dan
- kelemahan pemantauan semasa pelaksanaan projek menyebabkan kerja yang kurang berkualiti dan reka bentuk yang tidak sesuai. Walaupun kerja pembaikan telah diselesaikan sebelum tamat DLP pada 19 Mei 2018, namun lawatan Audit pada 14 Februari 2019 mendapati masih terdapat kerja pembaikan yang tidak sempurna. Contohnya seperti kesan resapan air di lantai, siling dan dinding serta kesan retakan pada dinding. Reka bentuk pembinaan yang dilaksanakan adalah tidak sesuai di mana lubang kumbahan (*toilet manhole*) telah dipasang dalam bangunan asrama.

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

3. PROJEK PEMBINAAN DAN PROGRAM LATIHAN PUSAT LATIHAN SALCRA BAJO, LUNDU

FAKTA UTAMA

ORDINAN 1976	LATIHAN	RM60.15 Juta
Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA)	Mengeluarkan tenaga kerja yang kompeten dan berpengetahuan	Perbelanjaan keseluruhan pembinaan Pusat Latihan SALCRA Bajo termasuk 6% Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) (September 2014 - Ogos 2017)
Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA)	Ditubuhkan menurut Ordinan SALCRA 1976 bulan Mei 1976 sebagai Badan Berkanun Negeri Sarawak.	
Unit Pembangunan dan Pembelajaran	Unit yang bertanggungjawab terhadap program latihan di Pusat Latihan SALCRA Bajo.	
Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan, SALCRA	Bahagian yang bertanggungjawab terhadap pembinaan Pusat Latihan SALCRA Bajo.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) telah ditubuhkan pada bulan Mei 1976 sebagai salah satu Badan Berkanun Negeri Sarawak di bawah Ordinan SALCRA 1976. Sehingga kini, SALCRA mengurus 19 ladang kelapa sawit dan lima (5) kilang minyak kelapa sawit. Objektif utama SALCRA adalah untuk meningkatkan kesejahteraan keseluruhan masyarakat luar bandar melalui pembangunan tanah untuk pertanian ladang.

1.2. Bagi mengukuhkan daya saing dalam sektor pertanian, SALCRA telah menubuhkan Pusat Latihan SALCRA Bajo (PLSB) di Lundu. PLSB dibina dan dibangunkan di sebuah kawasan berkeluasan 14.8 hektar. Pusat latihan ini terletak di Kampung Bajo, Lundu dengan jarak 95 kilometer daripada Bandaraya Kuching. Pembinaan PLSB dimulakan pada 20 Jun 2014 dengan kos kontrak RM57.43 juta. Kontrak secara tender terbuka telah dianugerahkan kepada syarikat bernombor pendaftaran 809297-D (Kontraktor). PLSB siap dibina pada bulan Mei 2017 dan memulakan operasinya pada bulan Julai 2017.

1.3. Projek PLSB diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan yang diketuai oleh Jurutera J48. Tugas bahagian ini adalah memantau

pelaksanaan serta prestasi kewangan dan fizikal projek; membuat pengesahan dan pengesyoran atas bayaran kontraktor; dan menghadiri mesyuarat tapak setiap bulan.

1.4. SALCRA juga melantik empat (4) perunding pelbagai disiplin yang terdiri daripada Perunding Arkitek, Jurutera Mekanikal dan Elektrik (M&E), Jurutera Awam dan Struktur (C&S) serta Juruukur Bahan (QS). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
BUTIRAN KONTRAK**

BIL.	BUTIRAN	
1.	Nombor Kontrak	Nombor 4/2014
2.	Tajuk Projek	Pembinaan Pusat Latihan SALCRA Bajo, Lundu
3.	Kaedah Perolehan	Tender Terbuka
4.	Kaedah Pelaksanaan	Konvensional Perunding
5.	Pemilik Projek	<i>Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
6.	Kontraktor	Syarikat Nombor 809297-D
7.	Harga Asal Kontrak	Kontraktor: RM53.50 juta Perunding: Fi 9.5% daripada kos kontrak
8.	Harga Kontrak Dipinda	RM57.43 juta
9.	Tarikh Surat Setuju Terima	27 Mei 2014
10.	Tarikh Kontrak Ditandatangani	19 Jun 2014
11.	Tarikh Milik Tapak	20 Jun 2014
12.	Tarikh Siap Asal Projek	19 Jun 2016
13.	Tarikh Siap Sebenar	18 Mei 2017
14.	Tarikh Tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP)	18 Mei 2017 hingga 17 Mei 2018
15.	Tempoh Kontrak	24 bulan
16.	Kadar LAD yang perlu dikenakan	RM9,674/hari
17.	Tarikh Serah Projek	6 Julai 2017
18.	Perunding Projek	Syarikat Nombor 467041-U (Arkitek) Syarikat Nombor 689036-M (Arkitek) Syarikat Nombor 731839-W (C&S) Syarikat Nombor 331500-A (M&E) Syarikat Nombor 286466-T (QS)
PRESTASI PROJEK (SETAKAT 31 JULAI 2019)		
19.	Fizikal	100%
20.	Kewangan	99.6% @ RM57.20 juta

Sumber: SALCRA

1.5. PLSB ditubuh bagi menyediakan tempat latihan kepada kakitangan SALCRA, peserta ladang SALCRA dan orang awam bagi program pertanian, perladangan dan pengurusan SALCRA. Selain itu, PLSB juga merupakan lokasi untuk berekreasi, bersukan dan menganjurkan mesyuarat/seminar. Infrastruktur yang terdapat di PLSB adalah seperti dalam **Gambar 1**.

GAMBAR 1
INFRASTRUKTUR PUSAT LATIHAN SALCRA BAJO, LUNDU



Sumber: SALCRA

1.6. Tujuan utama program latihan yang diadakan di PLSB adalah untuk mengeluarkan tenaga kerja yang kompeten dan berpengetahuan. Sebanyak tiga (3) sub-objektif diperkenalkan iaitu mengeluarkan tenaga kerja yang kompeten di semua peringkat, mengekalkan tenaga kerja yang mencukupi dan membangunkan kemahiran secara dalaman. SALCRA telah merangka strategi untuk mencapai sub-objektif tersebut, iaitu melalui latihan berasaskan kompetensi, pembelajaran formal dan program pembangunan kemahiran.

1.7. Kaedah program latihan PLSB pula dibahagi kepada dua (2) program utama, iaitu Program Pembelajaran dan Program Pembangunan. Program Pembelajaran meliputi dua (2) modul program iaitu Pengurusan Perniagaan serta Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Program Pembangunan pula meliputi dua (2) modul program iaitu Agroteknologi serta Hospitaliti dan Rekreasi. Ia disediakan untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan SALCRA. Kursus yang dirangka adalah berdasarkan aktiviti utama (*core business*) yang dijalankan oleh SALCRA.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan PLSB Lundu dan program latihan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan

berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan PLSB, Lundu dibina bagi menyediakan tempat latihan dan program pertanian, perladangan dan pengurusan SALCRA serta mengeluarkan tenaga kerja yang kompeten dan berpengetahuan.

3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit, iaitu prestasi projek pembinaan dan latihan di PLSB Lundu dan pengurusan projek. Prestasi projek pembinaan dan latihan di PLSB Lundu dinilai melalui tiga (3) aspek iaitu prestasi fizikal projek, pencapaian output program latihan dan pencapaian *outcome*. Pengurusan projek dinilai melalui enam (6) aspek iaitu pencapaian kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pasca kontrak pembinaan, reka bentuk dan pemantauan. Skop pengauditan projek pembinaan dan pengurusan projek meliputi tempoh tahun 2014 hingga 2019. Manakala skop pengauditan bagi program dan latihan meliputi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Pengauditan dijalankan di Pejabat SALCRA di Wisma SALCRA, Kota Samarahan dan PLSB Lundu.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek pembinaan PLSB Lundu serta Program Pembelajaran dan Pembangunan di PLSB Lundu. Lawatan Audit bersama pegawai teknikal Jabatan Audit Negara dan pegawai SALCRA telah dijalankan pada 14 Februari 2019. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai isu Audit yang berbangkit.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Februari 2019 dan dikemas kini sehingga bulan Julai 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

5.1.1. Prestasi Projek Pembinaan dan Latihan di PLSB Lundu

a. Prestasi Fizikal Projek Pembinaan

Mengikut kontrak, PLSB perlu disiapkan dalam tempoh dua (2) tahun iaitu dari 20 Jun 2014 hingga 19 Jun 2016. Bagaimanapun, projek tidak dapat disiapkan

dalam tempoh yang ditetapkan dan kontraktor telah diluluskan lanjutan masa (EOT) sebanyak lima (5) kali selama 334 hari. Projek telah disahkan siap sepenuhnya pada 18 Mei 2017 iaitu dalam tempoh yang dibenarkan selepas mengambil kira EOT yang diluluskan. Semua kemudahan yang dirancang untuk disediakan di PLSB Lundu telah dibina sepenuhnya.

b. Pencapaian Output Program Latihan

Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, sasaran yang ditetapkan tidak tercapai di mana hanya 68 (15.5%) kursus berjaya dianjurkan berbanding 438 kursus yang disasarkan.

c. Pencapaian Outcome

- i. Analisis terhadap borang maklum balas peserta bagi program latihan di PLSB Lundu mendapati secara keseluruhannya peserta berpuas hati dengan kursus yang telah dilaksanakan. Daripada 281 peserta, purata seramai 266 atau 94.7% peserta berpuas hati dengan memberi skor memuaskan, baik dan cemerlang.
- ii. Analisis terhadap borang maklum balas pengguna bagi kemudahan di PLSB Lundu pula mendapati secara keseluruhannya pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan, kemudahan dan peralatan yang disediakan.

5.1.2. Pengurusan Projek

Pencapaian kewangan projek adalah baik dengan peratus perbelanjaan mencapai 99.6% setakat tarikh pengauditan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam aspek perolehan projek, pentadbiran kontrak, pasca kontrak pembinaan, reka bentuk dan pemantauan yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek pembinaan ini.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. proses perolehan tidak mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa;
- b. perunding tidak mengemukakan justifikasi Arahan Perubahan Kerja (APK) dan seterusnya menyebabkan Sijil Akhir projek tidak dapat dimuktamadkan; dan

- c. kelemahan pemantauan semasa pelaksanaan projek menyebabkan berlakunya kerja kurang berkualiti dan reka bentuk yang tidak sesuai.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas SALCRA telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 11 April 2019. Maklum balas terkini telah diterima pada 30 April 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Projek Pembinaan dan Latihan di PLSB Lundu

6.1.1. Prestasi Fizikal Projek

- a. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama dua (2) tahun iaitu bermula dari 20 Jun 2014 sehingga 19 Jun 2016. Bagaimanapun, projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak asal yang ditetapkan. Sehubungan itu, kontraktor telah memohon dan diluluskan lima (5) EOT selama 334 hari. Antara alasan EOT diluluskan ialah semakan semula reka bentuk asas, penyiasatan tanah tambahan dan *pre-bore* di tapak pembinaan, hiasan dalaman dan perabot, cuaca buruk dan kerja-kerja tambahan lain. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 18 Mei 2017 dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) berakhir pada 17 Mei 2018. Butiran prestasi projek adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2
BUTIRAN PRESTASI PROJEK**

TARIKH SIAP ASAL	KELULUSAN EOT			TARIKH SIAP SEBENAR
	BILANGAN	TEMPOH	HARI	
19.06.2016	1	19.06.2016 hingga 17.09.2016	90	18.05.2017
	2	18.09.2016 hingga 30.11.2016	74	
	3	01.12.2016 hingga 21.02.2017	83	
	4	22.02.2017 hingga 08.04.2017	46	
	5	09.04.2017 hingga 19.05.2017	41	
JUMLAH			334	

Sumber: SALCRA

- b. Semakan Audit mendapati kesemua kemudahan yang ditetapkan telah dibina di PLSB seperti dalam **Jadual 3** dan **Gambar 2** hingga **Gambar 9**.

JADUAL 3
KOMPONEN KEMUDAHAN DI PLSB

BIL.	KOMPONEN KEMUDAHAN	BILANGAN	CATATAN
1.	Bilik Latihan	6	Dapat memuatkan 50 hingga 60 peserta/bilik
2.	Chalet Berkembar	6	
3.	Asrama 4 Tingkat	2	<ul style="list-style-type: none"> • 16 <i>Double Deluxe Rooms</i> • 88 <i>Twin Sharing Rooms</i> • Dapat memuatkan sehingga 208 peserta
4.	Banglo	2	
5.	Rumah Berkembar	2	
6.	Makmal Komputer	2	Dapat memuatkan sehingga 21 peserta satu bilik dan 44 unit komputer
7.	Rumah Berkembar 2	2	
8.	Bilik Sumber	1	
9.	Dewan Kuliah	1	Dapat memuatkan sehingga 308 peserta
10.	Dewan Serbaguna	1	Dapat memuatkan 6 gelanggang badminton
11.	Makmal Peralatan	1	
12.	Pangsapuri 3 Tingkat	1	18 unit

Sumber: Pusat Latihan Salcra Bajo, Lundu

GAMBAR 2



Blok Pusat Latihan
- Dewan Kuliah
(14.11.2018)
(Sumber: SALCRA)

GAMBAR 3



Blok Pusat Latihan
- Bilik Latihan
(15.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Blok Pusat Latihan
- Makmal Komputer
(22.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Blok Pusat Latihan
- Bilik Sumber
(22.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Blok Pusat Latihan
- Kafeteria
(15.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Blok Asrama
- Bilik Asrama
(14.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Dewan Serbaguna
(15.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Padang Bola Sepak
(15.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek pembinaan PLSB Lundu adalah memuaskan kerana telah dapat disiapkan dalam tempoh dibenarkan dan semua kemudahan yang dirancang telah dibina.

6.1.2. Pencapaian Output Program Latihan

- a. Pusat Latihan SALCRA Bajo diwujudkan bagi menyediakan tempat latihan untuk pembangunan modal insan bagi kakitangan SALCRA, peserta ladang SALCRA dan orang awam bagi program pertanian, perladangan serta pengurusan SALCRA.
- b. Merujuk Kertas Cadangan Program Pembelajaran dan Pembangunan PLSB bertarikh 30 Mac 2017, pusat ini dijangka melaksanakan 157 kursus dengan kehadiran 3,384 peserta bagi tahun 2017 dan 2018. Manakala bagi tahun 2019, Kertas Pengurusan (*Management Paper*) MP/30/2018 yang telah diluluskan oleh pihak Pengurusan SALCRA menyasarkan 124 kursus dengan kehadiran 4,051 peserta. Butiran lanjut mengenai sasaran dan pencapaian bilangan kursus

adalah seperti dalam **Jadual 4** manakala sasaran dan pencapaian bilangan peserta adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 4
PENCAPAIAN PENGAJURAN KURSUS
TAHUN 2017 HINGGA 2019 BERBANDING SASARAN**

BIL.	PROGRAM	BILANGAN KURSUS											
		2017 *			2018			2019			JUMLAH		
		S	P	(%)	S	P	(%)	S	P	(%)	S	P	(%)
1.	Agro teknologi	72	0	0	72	6	8.3	22	3	13.6	166	9	5.4
2.	Pengurusan Perniagaan	17	2	11.8	17	13	76.5	41	17	41.5	75	32	42.7
3.	Komunikasi dan Teknologi Maklumat	53	2	3.8	53	4	7.5	43	13	30.2	149	19	12.8
4.	Hospitaliti dan Rekreasi	15	0	0	15	1	6.7	18	7	38.9	48	8	16.7
JUMLAH		157	4	2.5	157	24	15.3	124	40	32.3	438	68	15.5

Sumber: Analisis Audit Berdasarkan Sumber SALCRA

Nota: S - Sasaran

P - Pencapaian

(*) - Program Latihan di PLSB dimulakan pada bulan Julai 2017

**JADUAL 5
PENCAPAIAN BILANGAN PESERTA KURSUS
TAHUN 2017 HINGGA 2019 BERBANDING SASARAN**

BIL.	PROGRAM	BILANGAN PESERTA											
		2017			2018			2019			JUMLAH		
		S	P	(%)	S	P	(%)	S	P	(%)	S	P	(%)
1.	Agro teknologi	484	0	0	484	217	44.8	440	81	18.4	1,408	298	21.2
2.	Pengurusan Perniagaan	442	265	59.9	442	626	141.6	931	859	92.3	1,815	1,750	96.4
3.	Komunikasi dan Teknologi Maklumat	2,098	25	1.2	2,098	156	7.4	2,299	471	20.5	6,495	652	10
4.	Hospitaliti dan Rekreasi	360	0	0	360	20	5.6	381	111	29.1	1,101	131	11.9
JUMLAH		3,384	290	8.6	3,384	1,019	30.1	4,051	1,522	37.6	10,819	2,831	26.2

Sumber: Analisis Audit Berdasarkan Sumber SALCRA

Nota: S - Sasaran

P - Pencapaian

- c. Berdasarkan **Jadual 4** dan **Jadual 5**, didapati Perancangan Program Pembelajaran dan Pembangunan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2017 kerana PLSB Lundu mula beroperasi pada bulan Julai 2017 dan tiada semakan semula sasaran kursus diadakan. Pada tahun 2017, hanya empat (4) atau 2.5% kursus berjaya dilaksanakan berbanding 157 sasaran yang ditetapkan. Bilangan peserta yang dapat dilatih adalah 290 (8.6%) berbanding 3,384 peserta yang disasarkan.

- d. Pada tahun 2018, sebanyak 24 (15.3%) berbanding 157 sasaran kursus yang ditetapkan telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 1,019 (30.1%) berbanding 3,384 peserta yang disasarkan. Kursus yang dilaksanakan adalah seperti Tadbir Urus Korporat, Program Induksi, Pengurusan Pentadbiran Stor dan Penanaman Sawit.
- e. Pada tahun 2019, sebanyak 40 (32.3%) berbanding 124 sasaran kursus yang ditetapkan telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 1,522 (37.6%) berbanding 4,051 peserta yang disasarkan. Antara kursus yang dilaksanakan ialah Program Induksi, Kajian Semula *Capex* dan *Opex* serta kursus dalam perkhidmatan.
- f. Secara keseluruhannya pihak Audit mendapati bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, ***sasaran yang ditetapkan tidak tercapai di mana hanya 68 (15.5%) kursus berjaya dianjurkan berbanding 438 kursus yang disasarkan. Manakala bilangan peserta yang dilatih keseluruhannya adalah seramai 2,831 (26.2%) berbanding 10,819 yang disasarkan.*** Keadaan ini adalah disebabkan PLSB hanya mula beroperasi pada bulan Julai 2017 dan tenaga pengajar SALCRA tidak mencukupi kerana hanya dua (2) perjawatan telah diisi daripada 13 perjawatan yang diluluskan kepada Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan. Selain itu, terdapat jadual kursus yang dirancang bertembung dengan aktiviti SALCRA.
- g. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2018, PLSB telah diluluskan 89 perjawatan namun hanya 31 (34.8%) perjawatan telah diisi. Pada tahun yang sama, PLSB juga melantik 10 pekerja harian. Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan kursus di PLSB telah diluluskan 13 perjawatan. Namun begitu, hanya dua (2) perjawatan atau 15.4% telah diisi dan berfungsi sebagai sekretariat untuk semua program latihan yang dijalankan di PLSB. Butiran lanjut mengenai perjawatan di Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan PLSB adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
STATUS PENGISIAN PERJAWATAN BAHAGIAN
PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN PADA BULAN DISEMBER 2018

JAWATAN	BILANGAN JAWATAN		PERBEZAAN (c) = (a) – (b)
	DILULUS (a)	DIISI (b)	
Program Pembelajaran			
Pengurusan & Profesional	2	1	1
Pelaksana Pelbagai Gred	6	1	5
Program Pembangunan			

JAWATAN	BILANGAN JAWATAN		PERBEZAAN (c) = (a) – (b)
	DILULUS (a)	DIISI (b)	
Pengurusan & Profesional	1	0	1
Pelaksana Pelbagai Gred	4	0	4
JUMLAH	13	2	11

Sumber: Pusat Latihan SALCRA Bajo, Lundu

- h. Setakat 28 Februari 2019, PLSB hanya mempunyai seorang tenaga pengajar yang bertauliah. Oleh itu, khidmat tenaga pengajar di kalangan kakitangan SALCRA yang berpengalaman telah digunakan selain khidmat tenaga luar dari *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB) bagi menjalankan kursus-kursus teknikal.

Maklum Balas SALCRA yang Diterima pada 20 Mac 2019

Jawatan yang diluluskan adalah untuk perancangan jangka masa panjang di mana pengisian jawatan akan dibuat secara berperingkat. Pengisian perjawatan bergantung kepada keperluan semasa dan ia disemak secara tahunan.

Maklum Balas SALCRA yang Diterima pada 30 April 2020

- i. Keadaan ini disebabkan oleh kedudukan aliran tunai SALCRA yang tidak mengizinkan ekor kejatuhan harga minyak kelapa sawit semenjak tahun 2017. Oleh yang demikian, pihak Pengurusan telah memutuskan supaya aktiviti yang tidak berkaitan secara langsung dengan pengeluaran dikurangkan atau ditangguhkan sehinggalah harga stabil. Keputusan ini ditekankan sekali lagi pada Mesyuarat Pengurusan bulan Oktober 2018.
- ii. Antara aktiviti tersebut termasuklah penganjuran kursus, pengambilan pegawai baharu dan perolehan yang tidak kritikal. Perlu dimaklumkan pendapatan SALCRA bergantung kepada hasil jualan produk kelapa sawit dan tidak menerima geran kerajaan bagi perbelanjaan mengurus sejak tahun 2007.
- iii. Setakat 28 Februari 2019, PLSB hanya mempunyai seorang tenaga pengajar yang bertauliah. Sebagai langkah sementara untuk menampung kekurangan tenaga pengajar ekoran kedudukan aliran tunai berkenaan, SALCRA telah menggunakan khidmat tenaga pengajar di kalangan kakitangannya yang berpengalaman selain khidmat tenaga luar seperti daripada MPOB bagi menjalankan kursus sepanjang tahun 2019.

Pada pendapat Audit, pencapaian output program latihan bagi tempoh 2017 hingga 2019 masih belum tercapai. Hanya 68 (15.5%) kursus berjaya dianjurkan berbanding 438 kursus yang disasarkan. Ini disebabkan oleh masalah aliran tunai SALCRA dari tahun 2017 hingga 2019 ekoran kejatuhan harga minyak sawit. Tambahan juga SALCRA tidak menerima geran kerajaan bagi perbelanjaan mengurus sejak tahun 2007. Kekurangan dana bukan sahaja membantutkan usaha untuk menjalankan semua kursus tetapi juga pengisian jawatan tenaga pengajar bagi program latihan.

6.1.3. Pencapaian *Outcome*

a. Kertas Cadangan Program Pembelajaran dan Pembangunan PLSB bertarikh 30 Mac 2017 dan Kertas Pengurusan (*Management Paper*) MP/30/2018 menetapkan *outcome* untuk Program Pembelajaran dan Pembangunan yang diunjurkan oleh PLSB bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti berikut:

- i. Menghasilkan 70% pekerja kompeten.
- ii. Menyediakan seramai 35 kakitangan yang terlatih untuk mengambil alih/memikul tanggungjawab/jawatan yang lebih tinggi.
- iii. Menyediakan pakar dalam sembilan (9) bidang profesional antaranya seperti pengurusan, perladangan dan pembinaan.
- iv. Menampung keperluan perjawatan dalam bidang baharu seperti industri getah, latihan dan perhotelan.

b. Penilaian terhadap pencapaian *outcome* belum pernah dijalankan setakat pengauditan pada bulan Julai 2019. Hal ini kerana SALCRA merangka strategi untuk program latihan di PLSB Lundu bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 di mana sasaran *outcome* telah ditetapkan untuk dicapai sepenuhnya pada tahun 2021.

c. Tahap Kepuasan Peserta Terhadap Program Latihan

- i. Pihak Audit mendapati PLSB Lundu ada mengedarkan borang penilaian kepada peserta kursus pada akhir setiap sesi latihan. Ianya bertujuan untuk

mendapatkan maklum balas peserta mengenai program latihan yang dianjurkan. Antara perkara yang perlu dinilai oleh peserta ialah objektif program, kandungan program, kaedah penyelidikan, keberkesanan fasilitator, pentadbiran program, faedah program serta persekitaran pembelajaran yang merangkumi bilik kuliah dan menu makanan yang disediakan.

- ii. Namun begitu, Unit Latihan dan Pembangunan SALCRA (UPLS) hanya mengemukakan maklum balas Borang Penilaian Kursus (BPK) oleh peserta kursus bagi 10 daripada 24 kursus yang dilaksanakan pada tahun 2018 kepada pihak Audit. Kursus yang terlibat adalah Kursus Pemetaan Melalui Sistem Aerial Tanpa Pemandu, Pengurusan Pentadbiran Stor, Tadbir Urus Korporat, Program Induksi, Kemahiran Menggred Buah Sawit serta Pengurusan dan Penyenggaraan Nurseri Sawit.
- iii. Ia disebabkan oleh tindakan PLSB mengedarkan Borang Maklum Balas Tetamu (BMT) yang menimbulkan kekeliruan sama ada UPLS perlu mengedarkan Borang Penilaian Kursus (BPK). Bagi mengelakkan pertindihan, BPK diedarkan secara rambang. Begitu pun, kekeliruan tersebut telah diperbetulkan kerana fokus BPK lebih kepada bentuk dan kandungan kursus berbanding BMT yang menilai perkhidmatan, kemudahan dan peralatan kursus. Susulan itu, UPLS telah mengedarkan BPK secara konsisten.
- iv. Analisis Audit bagi 10 kursus tersebut mendapati secara keseluruhannya peserta berpuas hati dengan kursus yang telah dilaksanakan. Daripada 281 peserta, purata seramai 266 atau 94.7% peserta berpuas hati dengan memberi skor memuaskan, baik dan cemerlang. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
TAHAP PENILAIAN PESERTA TERHADAP
PROGRAM PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN

BIL.	KRITERIA	TAHAP PENILAIAN PESERTA									
		Cemerlang		Baik		Memuaskan		Sederhana		Lemah	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
1.	Objektif Program (Jumlah Peserta = 281)	84	29.9	165	58.7	30	10.7	0	0.0	2	0.7
Peratus Keseluruhan (%)		279 peserta (99.3%)						2 peserta (0.7%)			
2.	Kandungan Program	81	28.8	155	55.2	35	12.5	4	1.4	6	2.1
Peratus Keseluruhan (%)		271 peserta (96.5%)						10 peserta (3.5%)			
3.	Program Kaedah Penyelidikan	78	27.8	156	56.5	38	13.5	1	0.4	8	2.8
Peratus Keseluruhan (%)		272 peserta (96.8%)						9 peserta (3.2%)			

BIL.	KRITERIA	TAHAP PENILAIAN PESERTA									
		Cemerlang		Baik		Memuaskan		Sederhana		Lemah	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
4.	Keberkesanan Fasilitator	94	33.5	151	53.9	28	9.8	2	0.7	6	2.1
Peratus Keseluruhan (%)		273 peserta (97.2%)						8 peserta (2.8%)			
5.	Pentadbiran Program	85	30.2	139	49.5	20	7.1	1	0.4	36	12.8
Peratus Keseluruhan (%)		244 peserta (86.8%)						37 peserta (13.2%)			
6.	Faedah Program	94	33.5	151	53.7	21	7.4	1	0.4	14	5.0
Peratus Keseluruhan (%)		266 peserta (94.7%)						15 peserta (5.3%)			
7.	Penyediaan Program	99	35.3	129	45.9	31	11.0	8	2.8	14	5.0
Peratus Keseluruhan (%)		259 peserta (92.2%)						22 peserta (7.8%)			
Purata		266 peserta (94.7%)						15 peserta (5.3%)			

Sumber: SALCRA

Maklum Balas SALCRA yang Diterima pada 30 April 2020

- i. Setakat 31 Disember 2019, sebanyak 40 kursus telah dijalankan di PLSB dengan penyertaan seramai 1,522 orang peserta. UPLS sedang dalam proses menganalisis terhadap penilaian prestasi oleh peserta untuk setiap kursus yang telah dijalankan melalui BPK. Borang tersebut adalah sebahagian daripada *Training Need Analysis* (TNA). TNA terhadap sesuatu kursus lazimnya dijalankan setiap tiga (3) tahun kerana penambahbaikan mahupun pemansuhan kursus dari kurikulum keseluruhan bergantung kepada penilaian secara tahunan tersebut.
- ii. Oleh itu, penilaian pertama terhadap kursus-kursus PLSB hanya akan bermula pada akhir tahun 2020. Begitu pun, UPLS telah membuat penilaian lebih awal kerana mengandaikan jumlah kursus yang amat besar sepanjang tempoh 2017 hingga 2021.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya peserta berpuas hati dengan kursus yang telah dilaksanakan di PLSB.

d. Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan

- i. Pihak PLSB Lundu juga telah mengedarkan BMT untuk mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatan, kemudahan dan peralatan yang disediakan. Tahap kepuasan pelanggan ini dinilai berdasarkan lima (5) kriteria iaitu kecanggihan kemudahan dan peralatan, kecekapan perkhidmatan, keselesaan pelanggan, kesiagaan petugas serta staf dan penceramah.

- ii. Analisis Audit terhadap BMT yang diterima daripada 281 peserta mendapati secara keseluruhannya peserta berpuas hati dengan perkhidmatan, kemudahan dan peralatan di PLSB seperti butiran berikut:
- seramai 224 peserta atau 79.7% berpuas hati dengan kecanggihan kemudahan dan peralatan;
 - 237 peserta atau 84.3% berpuas hati dengan kecekapan perkhidmatan;
 - 238 peserta atau 84.7% berpuas hati dengan keselesaan pelanggan;
 - 238 peserta atau 84.7% berpuas hati dengan kesiagaan petugas; dan
 - 246 peserta atau 87.6% berpuas hati dengan staf dan penceramah.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan, kemudahan dan peralatan yang disediakan oleh PLSB Lundu.

6.2. Pengurusan Projek

6.2.1. Pencapaian Kewangan Projek Pembinaan PLSB Lundu

- a. Berdasarkan kertas cadangan yang dibentangkan dalam Makmal Perancangan Strategik yang diadakan pada 21 Mac hingga 10 April 2010, anggaran awal kos pembinaan PLSB adalah sebanyak RM33.91 juta. Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan geran sejumlah RM10 juta melalui Rancangan Malaysia Ke-10 kepada SALCRA untuk membina PLSB manakala peruntukan selebihnya adalah dibiayai melalui dana SALCRA sendiri.
- b. Pembinaan PLSB dimulakan pada tahun 2014 dengan kos kontrak asal bernilai RM53.50 juta. Selepas mengambil kira 18 APK berjumlah RM3.93 juta, harga kontrak telah meningkat menjadi RM57.43 juta iaitu peningkatan sebanyak 7.3%. Semakan Audit mendapati setakat 31 Julai 2019, sejumlah RM57.20 juta (99.6%) telah dibayar kepada kontraktor melalui 33 bayaran interim. Setakat tarikh pengauditan pada bulan Julai 2017, Sijil Akhir belum dikeluarkan. Butiran lanjut mengenai pencapaian kewangan adalah seperti dalam **Jadual 8**.


Manakala kedudukan perbelanjaan berbanding prestasi fizikal projek ditunjukkan seperti dalam **Carta 1**.

**JADUAL 8
PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK**

SILING PROJEK (RM Juta)	KOS KONTRAK ASAL (RM Juta) [a]	ARAHAN PERUBAHAN KERJA (RM Juta) [b]	KOS KONTRAK DIPINDA (RM Juta) [c] = [a] + [b]	PERBELANJAAN	
				(RM Juta)	(%)
68.00	53.50	3.93	57.43	57.20	99.6

Sumber: SALCRA

**CARTA 1
PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK**



Sumber: SALCRA

Pada pendapat Audit, input kewangan telah diurus dengan cekap di mana bayaran kemajuan adalah selaras dengan kemajuan fizikal projek.

6.2.2. Pengurusan Perolehan

a. Perolehan Projek Pembinaan PLSB Lundu

Objektif perolehan kerajaan adalah untuk menguruskan perolehan secara cekap dan berkesan serta mendapatkan harga yang paling menguntungkan kerajaan. Semakan Audit terhadap proses perolehan projek pembinaan PLSB Lundu mendapati perancangan awal projek, pelantikan perunding dan pelantikan kontraktor adalah memuaskan kerana mematuhi peraturan ditetapkan.

b. Pelantikan Kontraktor untuk Bekalan/Kerja Melalui Kontrak Berasingan

- i. Perenggan 9(1) Bahagian II Ordinan (Prosedur Kewangan dan Perakaunan) Badan Berkanun 1995 menyatakan bahawa sebuah badan berkanun hendaklah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri (SKN) untuk pengecualian daripada prosedur kewangan yang ditetapkan. Ketidakpatuhan terhadap peraturan di atas boleh dikenakan tindakan surcaj.
- ii. Semakan Audit mendapati SALCRA membuat perolehan melalui kontrak berasingan untuk perkhidmatan membekal komputer, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi, peralatan rangkaian dan sistem keselamatan. Keseluruhan kontrak berasingan yang diperolehi SALCRA bagi bekalan/kerja PLSB Lundu adalah berjumlah RM2.51 juta seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
SENARAI KONTRAKTOR
UNTUK BEKALAN/KERJA MELALUI KONTRAK BERASINGAN

BIL.	KONTRAKTOR (NO. SYARIKAT)	PERIHAL BEKALAN DAN KERJA	KAEDAH PEROLEHAN	HARGA KONTRAK (RM)	JUMLAH PEMBAYARAN (RM)	MEMATUHI PERATURAN SEMASA YA (✓)/TIDAK (X)
1.	718932-K	Pembekalan Komputer	Rundingan Terus	380,001	380,001	X
2.	691796-U	Bekalan Air Luaran	Rundingan Terus	499,240	499,240	X
3.	262925-M	Kontrak Infrastruktur ICT dan <i>Setup</i> Pusat Data	Tender (Pelawa 5, Kemuka 5)	499,770	499,584	✓
4.	336647-A	Kelengkapan Rangkaian dan Multimedia	Tender (Pelawa 5, Kemuka 3)	426,000	426,000	✓
5.	553135-H	Sistem Keselamatan	Tender (Pelawa 5, Kemuka 3)	222,395	218,225	✓
6.	325703-H	Perabot untuk Kuarters Kakitangan dan Dewan Serbaguna	Tender berasingan daripada kontrak pembinaan PLSB Lundu (Pelawa 6, Kemuka 3)	334,288	334,288	✓
7.	423264-K	Sistem Perakaunan	Pelawa 2 pembekal perkhidmatan	152,000	152,000	✓
JUMLAH				2,513,694	2,509,338	

Sumber: SALCRA

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati dua (2) perolehan iaitu pembekalan komputer dan bekalan air luaran (*external water supply*) tidak dipelawa

secara tender. Sebaliknya, ia dilaksanakan secara rundingan terus dan ditawarkan masing-masing kepada syarikat bernombor pendaftaran 718932-K dan 691796-U. Bagaimanapun, ***kelulusan pengecualian daripada membuat perolehan secara tender tidak diperoleh daripada SKN.***

Maklum Balas SALCRA yang Diterima pada 20 Mac 2019

Pembelian komputer dibuat melalui pembelian terus kerana SALCRA ingin mempunyai komputer yang mempunyai spesifikasi khusus bersesuaian dengan keperluan latihan serta penjimatan kos dalam jangka masa panjang. Jenama komputer adalah *Ncomputing (Thin Client)* dan ia berharga 30% rendah daripada harga komputer biasa. Ia mudah untuk diguna dan tidak tertakluk kepada lesen jangka panjang (*long term licensing*) serta penyenggaraan yang minimum berbanding dengan jenama lain. Oleh itu, SALCRA tidak memanggil sebut harga dari pembekal lain kerana komputer tersebut dibekalkan oleh seorang pembekal sahaja.

Maklum Balas SALCRA yang Diterima pada 30 April 2020

- i. Permohonan kelulusan pengecualian tender secara retrospektif telah diluluskan oleh pejabat SKN untuk perolehan pembekalan komputer pada 30 April 2020.
- ii. JKR memaklumkan kos anggaran pemasangan paip air tersebut ialah RM13.2 juta dan pelaksanaannya bergantung kepada dana daripada Kerajaan Persekutuan. Pihak SALCRA juga telah melantik perunding untuk membuat kajian mengenai keupayaan empangan kecil untuk membekalkan air bagi keperluan harian kawasan Bajo dan kawasan berdekatan. Hasil kajian mendapati harga anggaran bagi pemasangan paip air berserta dengan sistem rawatan air ialah RM1.3 juta. Begitu pun, SALCRA mendapati harga yang ditawarkan oleh pembekal sistem rawatan air (*water treatment system provider*) hanyalah RM499,240. Perbezaan harga yang ketara inilah yang menyebabkan SALCRA berurusan secara terus dengan pembekal sistem rawatan air tersebut iaitu syarikat bernombor 691796-U. Perkara ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tender (MTC) pada 2 Mac 2014.
- iii. Permohonan kelulusan pengecualian tender secara retrospektif telah diluluskan oleh pejabat SKN untuk perolehan bekalan air luaran (*external water supply*) pada 27 Februari 2020.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor bagi bekalan/kerja yang dibuat melalui kontrak berasingan adalah kurang cekap bagi dua (2) pembekalan yang tidak dibuat secara tender terbuka. Hal ini menyebabkan tidak dapat dipastikan sama ada SALCRA telah mendapat harga yang munasabah, berpatutan dan nilai wang terbaik bagi perolehan berkenaan.

6.2.3. Pentadbiran Kontrak

Semakan Audit terhadap aspek pentadbiran kontrak mendapati tempoh perjanjian dimeterai, bon pelaksanaan dan polisi insurans adalah memuaskan kecuali APK yang perlu ditambah baik seperti di perenggan berikutnya:

a. Arahan Perubahan Kerja Dikemukakan oleh Perunding Selepas Tamat Tempoh DLP

- i. Berdasarkan Klausula 32.1(a) Syarat Am Kontrak, antara lain menyatakan Pegawai Penguasa (PP) boleh mengeluarkan APK. Klausula 39.1 kontrak pula menyatakan PP hendaklah mengeluarkan Sijil Akhir dalam masa tiga (3) bulan selepas tamat DLP atau tiga (3) bulan selepas Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (*Certificate of Making Good Defects - CMGD*) dikeluarkan.
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati sebanyak 21 APK telah dimohon oleh kontraktor namun hanya 18 APK telah diluluskan oleh PP SALCRA melibatkan tambahan harga sejumlah RM3.93 juta.
- iii. Semakan Audit juga mendapati pada 19 September 2018, *perunding telah mengemukakan tiga (3) APK (19 hingga 21) berjumlah RM448,097 kepada SALCRA untuk kelulusan selepas tamat tempoh DLP pada 17 Mei 2018 dan CMGD pada 28 Jun 2018.* Butiran lanjut APK yang lewat dikemukakan adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
ARAHAN PERUBAHAN KERJA LEWAT DIKEMUKAKAN OLEH PERUNDING

TARIKH AKHIR DLP	TARIKH CMGD	TARIKH MOHON APK	NOMBOR APK	HURAIAN PERUBAHAN	AMAUN (RM)
17.05.2018	28.06.2018	19.09.2018	19	Perubahan pada bangunan dan saliran yang teruk berdasarkan semakan semula kerja pembinaan	69,461
			20	Perubahan kerja bangunan dan kerja luaran berdasarkan semakan semula kerja pembinaan	209,949

TARIKH AKHIR DLP	TARIKH CMGD	TARIKH MOHON APK	NOMBOR APK	HURAIAN PERUBAHAN	AMAUN (RM)
			21	Perubahan kerja bangunan berdasarkan semakan semula kerja pembinaan	168,687
JUMLAH					448,097

Sumber: SALCRA

- iv. Semakan Audit mendapati pada 23 November 2018, perunding telah mengemukakan invois sejumlah RM204,578 bertarikh 23 November 2018 sebagai bayaran kos perkhidmatan akhir kepada SALCRA. Bagaimanapun, tuntutan perunding tersebut tidak dapat diproses kerana perunding belum mengemukakan justifikasi bagi tuntutan APK 19 hingga APK 21.
- v. Semakan Audit seterusnya mendapati pada 8 Januari 2019, perunding telah mengemukakan semula tuntutan kos perkhidmatan akhir sejumlah RM162,009 tanpa mengambil kira APK 19 hingga 21. Setakat bulan Ogos 2019, perunding ada mengemukakan justifikasi tuntutan APK tersebut tetapi belum dibentangkan dalam mesyuarat MTC. Ini telah menyebabkan Sijil Akhir belum dapat disediakan.

Maklum Balas SALCRA yang Diterima pada 30 April 2020

- i. Pembayaran tuntutan kos perkhidmatan akhir sejumlah RM162,009 tanpa mengambil kira APK 19 hingga APK 21 masih belum dibuat. Sebaliknya SALCRA menegaskan kepada perunding untuk memberi justifikasi APK 19 hingga APK 21 seperti dalam surat SALCRA bertarikh 4 Disember 2018.
- ii. Perbincangan dengan pihak arkitek (*lead consultant*) telah diadakan pada 12 April 2019. Dalam perbincangan tersebut pihak SALCRA telah meminta arkitek mengemukakan justifikasi bagi membolehkan SALCRA mempertimbangkan permohonan tiga (3) APK tersebut.
- iii. Perkara tersebut telah dibentangkan dalam mesyuarat MTC No. 1/2020. Pembayaran APK akan dibuat setelah mendapat perakuan daripada Perunding dan Sijil Akhir akan dikeluarkan setelah pembayaran terakhir dibuat.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah teratur kecuali pengurusan APK yang kurang cekap kerana perunding tidak mengemukakan APK dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu,

kegagalan perunding memberi justifikasi APK secara terperinci menyebabkan Sijil Akhir tidak dapat dimuktamadkan.

6.2.4. Pasca Kontrak Pembinaan PLSB Lundu – Kerja Pembaikan Kecacatan

- a. Mengikut Klausa 37.1 Syarat Am Kontrak, kontraktor bertanggungjawab membaiki kecacatan yang ditemui semasa DLP disebabkan oleh bahan atau mutu kerja yang tidak menepati kontrak dengan menggunakan perbelanjaannya sendiri.
- b. Berdasarkan surat Perunding Arkitek (syarikat bernombor pendaftaran 467041-U) kepada SALCRA bertarikh 9 Ogos 2017, pemeriksaan kecacatan akan dijalankan setiap tiga (3) bulan selepas tarikh Perakuan Siap Kerja pada 18 Mei 2017. Jadual pemeriksaan kecacatan telah disediakan iaitu pada 17 Ogos 2017, 17 November 2017, 16 Februari 2018 dan 3 Mei 2018. Pihak Audit dimaklumkan bahawa empat (4) mesyuarat telah diadakan semasa tempoh DLP untuk membincangkan senarai kecacatan bagi kerja kontraktor yang tidak memuaskan.
- c. Semakan Audit mendapati pihak SALCRA dan PLSB ada mengemukakan tiga (3) senarai kecacatan kepada kontraktor bagi kerja yang tidak memuaskan. Kecacatan yang dilaporkan adalah seperti kesan resapan air pada siling dan dinding, air bertakung di bumbung rata, kesan retakan pada siling dan dinding serta penyaman udara bocor. Bagi tempoh 25 Ogos 2017 sehingga 29 November 2017, sebanyak 1,070 kecacatan dilaporkan dan telah diperbaiki sebelum tamat tempoh DLP.
- d. Walaupun kerja pembaikan telah diselesaikan sebelum tamat DLP pada 19 Mei 2018, namun lawatan Audit pada 14 Februari 2019 mendapati ***masih terdapat kerja pembaikan yang tidak sempurna***. Contoh kerja yang tidak sempurna adalah seperti kesan resapan air di lantai dan dinding serta kesan retakan pada dinding. Lawatan Audit ke PLSB dan semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati perkara berikut:


i. Kesan Lelehan Air Hujan pada Permukaan *Fascia* yang Dibina Tanpa *Drips*

- Merujuk kepada Perkara 12.7 *Drips*, Standard Spesifikasi untuk Kerja Bangunan 2014 (JKR 20800-0183-14) antara lain menyatakan *drips* hendaklah dibuat sepanjang tepi *fascia*.

- Lawatan Audit pada 14 Februari 2019 mendapati terdapat kesan lelehan air hujan pada permukaan *fascia* di Blok Latihan. Keadaan ini berpunca daripada ketiadaan *drips* pada bahagian *fascia* menyebabkan air hujan meleleh ke permukaan *fascia* dan seterusnya merebak ke dinding bangunan. Keadaan ini juga menyebabkan dinding dan siling berlumut serta mencacatkan pemandangan bangunan seperti dalam **Gambar 10** hingga **Gambar 12**.



Blok Pusat Latihan
- Kesan Lelehan Air Hujan pada Permukaan *Fascia* yang Dibina Tanpa *Drips*
(14.2.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)




GAMBAR 12
- Lukisan Siap Bina (*As-Built*) Fascia
Section Plan: NB/SALCRA/21011
Dwg. No : A105
(Sumber: SALCRA)

ii. Kesan Resapan Air pada Siling


- Berdasarkan kontrak Jilid 3 (Bil No. 3 – Pusat Latihan), sistem kalis air hendaklah dibuat antara dinding dan papak (*wall and slab*).
- Lawatan Audit pada 14 Februari 2019 mendapati kesan resapan air pada siling bangunan asrama, dewan serbaguna dan chalet berkembar yang menyebabkan kerosakan pada siling. Keadaan ini berpunca daripada kelemahan pemantauan semasa pembinaan. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dan keadaan resapan air pada siling di asrama Blok B adalah seperti dalam **Gambar 13** dan **Gambar 14**. Namun, **tindakan pembaikan belum dibuat terhadap koridor dewan serbaguna dan tempat letak kereta chalet berkembar** seperti dalam **Gambar 15** hingga **Gambar 18**.

GAMBAR 13



Asrama Blok B
- Kesan Resapan Air Telah Menyebabkan Kerosakan pada Siling (14.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14




Asrama Blok B
- Pembaikan Telah Dilaksanakan (30.04.2019)
(Sumber: SALCRA)

GAMBAR 15



Koridor Dewan Serbaguna
- Kesan Resapan Air pada Siling (14.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16



GAMBAR 17



Tempat Letak Kereta Chalet Berkembar: (SD1-2)
- Kesan Resapan Air pada Siling (14.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18




iii. Air Bertakung di Bahagian Atas Bumbung Rata

- Merujuk kepada Lukisan Siap Bina (*As-Built Drawing*) yang dikemukakan semasa penyerahan, kedudukan bahagian bumbung rata (*flat roof*) adalah seperti Lukisan No. A104-NB/SALCRA/21011.
- Lawatan Audit pada 14 Februari 2019 mendapati **air bertakung di bahagian atas atap bumbung rata menyebabkan atap tersebut berlumut dan licin. Selain itu, berlaku resapan air**

yang merosakkan siling. Ini disebabkan oleh pembinaan kecerunan lantai tidak mencapai kefungsiannya seperti mana di lukisan dan saluran paip air hujan yang dibina juga tidak dapat menampung air hujan yang banyak semasa hujan lebat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 19** hingga **Gambar 21**.



Pusat Latihan
- Air Bertakung di Bahagian Atas Bumbung Rata
(14.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 21

Lukisan Siap Bina (*As-Built*)
- Pelan Bumbung Pusat Latihan
NB/SALCRA/21011
Dwg. No : A104
(Sumber: SALCRA)

iv. Kesan Resapan Air pada Dinding

- Klausula 21.0 Lapisan Kalis Air (*Water-proof Screed*), Perjanjian Tender menetapkan lapisan kalis air yang diluluskan pembuatannya hendaklah dilaksanakan oleh kontraktor.
- Lawatan Audit pada 14 Februari 2019 mendapati air bertakung pada bumbung rata telah menyebabkan kesan resapan air pada dinding dan merosakkan kemasan cat serta dinding berlumut dan berkulat. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dan keadaan resapan air pada dinding adalah seperti dalam **Gambar 22** hingga **Gambar 39**.

GAMBAR 22

Sebelum



Asrama Blok A
- Kesan Resapan Air pada Dinding
(14.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 23

Selepas



Asrama Blok A
- Pembaikan Telah Dilaksanakan
(30.04.2019)
(Sumber: SALCRA)

GAMBAR 24

Sebelum



Asrama Blok B
- Kesan Resapan Air pada Dinding
(14.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 25

Selepas



Asrama Blok B
- Pembaikan Telah Dilaksanakan
(30.04.2019)
(Sumber: SALCRA)

GAMBAR 26

Sebelum



Aras 1, Dewan Serbaguna
- Kesan Resapan Air pada Dinding Tingkap
(14.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 27

Selepas



Aras 1, Dewan Serbaguna
- Pembaikan Telah Dilaksanakan
(30.04.2019)
(Sumber: SALCRA)

GAMBAR 28

Sebelum



Aras 1, Dewan Serbaguna
- Kesan Resapan Air pada Dinding Tingkap
(14.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


GAMBAR 29

Selepas



Aras 1, Dewan Serbaguna
- Pembaikan Telah Dilaksanakan
(30.04.2019)
(Sumber: SALCRA)

GAMBAR 30




Dewan Auditorium, Pusat Latihan
 - Kesan Resapan Air pada Dinding
 (14.02.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 31



Dewan Auditorium, Pusat Latihan
 - Pembaikan Telah Dilaksanakan
 (30.04.2019)
 (Sumber: SALCRA)

GAMBAR 32




Rumah Kakitangan Semi-D : (SD1-1)
 - Kesan Resapan Air pada Dinding
 (14.2.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 33




Rumah Kakitangan Semi-D : (SD1-1)
 - Pembaikan Telah Dilaksanakan
 (30.4.2019)
 (Sumber: SALCRA)

GAMBAR 34



Dewan Kuliah
 - Kesan Resapan Air
 (14.11.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 35



Dewan Kuliah
 - Pembaikan Telah Dilaksanakan
 (30.4.2019)
 (Sumber: SALCRA)

GAMBAR 36



Dewan Kuliah
 - Kesan Resapan Air
 (14.11.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 37



Dewan Kuliah
 - Pembaikan Telah Dilaksanakan
 (30.4.2019)
 (Sumber: SALCRA)

GAMBAR 38



Atas Bumbung Bangunan Utama
- Kesan Retakan
(15.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 39



Atas Bumbung Bangunan Utama
- Pembaikan Telah Dilaksanakan
(30.4.2019)
(Sumber: SALCRA)

Maklum Balas SALCRA yang Diterima pada 30 April 2019

- i. Kesan resapan air di siling bangunan – Disebabkan saluran paip tersumbat dan menyebabkan pengaliran air lambat. Pihak PLSB akan memastikan saluran paip tidak tersumbat. SALCRA juga telah menulis kepada kontraktor supaya menyemak keadaan sistem kalis air (*waterproofing*) bagi kesan resapan air pada dinding dan siling asrama yang masih di bawah jaminan. Selain itu, kerja baik pulih sedang dijalankan untuk menentukan punca resapan.
- ii. Siling bocor di asrama disebabkan resapan air dari bumbung rata – Kerja baik pulih sedang dijalankan untuk menentukan punca resapan. Pihak SALCRA juga telah menghubungi kontraktor yang bertanggung jawab menjalankan kerja kalis air untuk memeriksa keadaan semua bumbung rata.
- iii. Kerja mengecat semula juga telah dilakukan oleh pihak PLSB.

Pada pendapat Audit, kelemahan penyeliaan oleh perunding menyebabkan berlakunya kecacatan pada bangunan dan kerja yang kurang berkualiti.

6.2.5. Reka Bentuk yang Tidak Sesuai

Setiap reka bentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan pelanggan, berfungsi dengan baik, selamat dan mudah untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Semakan Audit mendapati reka bentuk pembinaan yang dilaksanakan adalah tidak sesuai di mana lubang kumbahan (*toilet manhole*) telah dipasang dalam bangunan asrama. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 40** dan **Gambar 41**.

GAMBAR 40



GAMBAR 41



Asrama

- Lubang Kumbahan Dibina di Koridor Asrama
(14.11.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas SALCRA yang Diterima pada 30 April 2019

Merujuk kepada pelan lantai, kedudukan bilik air dan tandas pada kedua-dua bangunan adalah di tengah lorong bangunan. Paip pembentung di bahagian tengah dan lubang kumbahan di tengah akan menyalur bahan buangan ke tangki septik untuk rawatan. Lubang kumbahan di tengah bangunan menandakan kedudukan persimpangan paip dan berfungsi sebagai langkah berjaga-jaga jika persimpangan paip tersebut tersumbat.

Pada pendapat Audit, reka bentuk pemasangan lubang kumbahan adalah tidak sesuai kerana akan menyukarkan kerja penyenggaraan.

6.2.6. Pemantauan

a. Projek Pembinaan PLSB Lundu

- i. Mekanisme pemantauan diwujudkan bagi memastikan projek yang dilaksanakan mengikut perancangan di setiap peringkat dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif dapat memastikan sebarang masalah boleh diatasi bagi melancarkan perjalanan semua aktiviti berkaitan projek untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Kawal selia projek pula bertujuan untuk memastikan obligasi yang terkandung di dalam kontrak disempurnakan dan projek diurus serta dilaksanakan mengikut syarat dan spesifikasi yang digariskan dalam dokumen kontrak khususnya melibatkan skop, kos, kualiti dan masa yang telah dipersetujui.

- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati kaedah pemantauan dan penyeliaan projek dijalankan melalui buku harian tapak, 29 mesyuarat tapak, laporan keselamatan serta 33 laporan kemajuan bulanan. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah isu berkaitan pentadbiran kontrak, pembinaan, keselamatan dan kesihatan serta pengurusan alam sekitar. Mesyuarat juga membincangkan penyelesaian perkara berbangkit semasa pelaksanaan projek seperti keadaan tanah di tapak dan penemuan batu besar menyebabkan siasatan tanah dibuat semula.

b. Program Latihan

Semakan Audit selanjutnya mendapati kaedah pemantauan dan penyeliaan program latihan dijalankan melalui enam (6) mesyuarat pengurusan SALCRA, lima (5) mesyuarat pengurusan PLSB dan empat (4) mesyuarat unit PLSB. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah isu berkaitan perjawatan, kalendar program latihan tahunan dan skop kerja setiap unit di PLSB.

Pada pendapat Audit, walaupun pemantauan telah dilaksanakan mengikut mekanisme ditetapkan, masih berlaku kerja yang kurang berkualiti dan reka bentuk tidak sesuai. Ini berpunca daripada kelemahan pemantauan oleh perunding dan SALCRA semasa pelaksanaan projek. Bagi aspek program latihan, kaedah pemantauan adalah memuaskan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa projek pembinaan telah dapat disiapkan mengikut tempoh yang dibenarkan dan pelbagai kemudahan telah disediakan di PLSB Lundu. Namun begitu, terdapat kelemahan dalam aspek perolehan projek, pentadbiran kontrak, pasca kontrak pembinaan dan pemantauan. Bagi pengurusan program latihan di PLSB Lundu pula, sasaran kursus dan bilangan peserta ada ditetapkan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Bagaimanapun, pelaksanaannya belum mencapai sasaran kerana PLSB Lundu hanya disiapkan pada 18 Mei 2017 dan beroperasi mulai bulan Julai 2017. Kekangan perjawatan merupakan antara faktor yang menyebabkan pelaksanaan kursus tidak dapat mencapai sasaran ditetapkan.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan matlamat pengurusan Pusat Latihan SALCRA Bajo, Lundu tercapai, adalah disyorkan pihak SALCRA mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- 8.1. memastikan sasaran program latihan PLSB dapat dicapai dengan pengisian perjawatan di Bahagian Pembangunan dan Pembelajaran;
- 8.2. memperkemas pengurusan projek dari aspek pematuhan kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan memastikan perunding mengemukakan justifikasi APK supaya dapat mempercepatkan kelulusan APK dan seterusnya memuktamadkan Sijil Akhir projek; dan
- 8.3. perunding dan SALCRA perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya kerosakan atau kecacatan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna, tidak sesuai dan tidak berkualiti.

4

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

- Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.

RINGKASAN EKSEKUTIF

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

SARAWAK FERTILIZER SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan pengurusan syarikat Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd. (SFSB) bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 yang meliputi tiga (3) aspek utama iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan. SFSB merupakan syarikat subsidiari milikan penuh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA).
- Bagi tadbir urus korporat, penilaian dilaksanakan terhadap lapan (8) aspek iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Operasi, *Standard Operating Procedures* (SOP), Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalaman.
- Pengurusan aktiviti dinilai terhadap dua (2) bidang utama iaitu prestasi aktiviti dan pelaksanaan aktiviti syarikat. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan prestasi output dan prestasi *outcome* syarikat. Pelaksanaan aktiviti syarikat dinilai melalui aktiviti utama syarikat iaitu pengurusan pengeluaran baja sebatian untuk tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019.
- Analisis terhadap kedudukan kewangan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai syarikat. Analisis dijalankan berdasarkan penyata kewangan beraudit SFSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Aktiviti yang dilaksanakan memberi impak kepada bekalan baja sebatian kepada SALCRA.
- Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan SFSB dari aspek tadbir urus korporat syarikat yang baik; pengurusan aktiviti yang cekap, berhemat dan berkesan serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan mendapati objektif penubuhan SFSB telah dicapai. Aspek tadbir urus

korporat SFSB adalah baik namun prestasi serta pelaksanaan aktiviti adalah kurang cekap dan kedudukan kewangan syarikat adalah kurang stabil.

- Tadbir urus korporat SFSB adalah baik kerana mengamalkan sepenuhnya lima (5) daripada lapan (8) amalan terbaik tadbir urus korporat. Antara aspek yang tidak diamalkan adalah seperti berikut:

- tiada bukti menunjukkan pembayaran fi Lembaga Pengarah berjumlah RM138,000 untuk tahun kewangan berakhir 2017 dan 2018 telah dibenteng dalam mesyuarat agung syarikat dan pemegang saham syarikat tidak dimaklumkan secara bertulis; dan
- SFSB tidak mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dari segi menyediakan Piagam Lembaga Pengarah, SOP pengurusan kewangan serta aset dan Pelan Strategik syarikat.

- Prestasi Aktiviti

Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, pencapaian sebenar kuantiti pengeluaran baja sebatian dan hasil jualan adalah kurang cekap:

- bagi tahun 2017 dan 2018, pencapaian sebenar kuantiti pengeluaran baja sebatian oleh SFSB adalah pada kadar 47.1%; dan
- bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, pencapaian hasil jualan adalah pada kadar 66.5%.

- Pelaksanaan Aktiviti

- Wujud kelemahan dari aspek promosi serta pemasaran dan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

- Kedudukan kewangan SFSB adalah kurang stabil:

- mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM15.99 juta pada tahun 2018;
- pendapatan menurun kepada RM60.74 juta berbanding RM75.19 juta pada tahun 2017;
- pengurusan hutang adalah kurang memuaskan kerana purata tempoh pusingan kutipan hutang meningkat daripada 30 hari pada tahun 2017 kepada 40 hari pada tahun 2018;

- pengurusan aset syarikat tidak cekap dengan menjana pulangan sejumlah RM0.01 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset; dan
- mengalami defisit tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM2.08 juta pada tahun 2018.

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

4. SARAWAK FERTILIZER SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

ORDINAN SARAWAK	AKTA 125	RM215.70 Juta
Ordinan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak, 1976	Akta Syarikat 1965	Pendapatan SFSB bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.
❖ Penubuhan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) - Mei 1976	❖ Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd. (SFSB)	RM207.32 Juta
	<ul style="list-style-type: none">• Ditubuhkan pada 17 Jun 1982.• diambil alih sepenuhnya oleh SALCRA pada bulan Disember 2010.	Perbelanjaan SFSB bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.
		RM40 Juta
		Modal berbayar terdiri daripada RM30 juta saham biasa dan RM10 juta saham keutamaan.


1. LATAR BELAKANG

1.1. Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd. (SFSB) dahulunya dikenali sebagai Wiser Bay Realty Sdn. Bhd. merupakan syarikat berhad menurut syer yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat ini diperbadankan pada 17 Jun 1982. SFSB diambil alih oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) setelah mendapat kelulusan Kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diadakan pada 9 Disember 2010. Modal berbayar SFSB berjumlah RM40 juta terdiri daripada sejumlah RM30 juta saham biasa dan RM10 juta saham keutamaan.

1.2. Objektif penubuhan SFSB seperti dalam Perlembagaan Syarikat adalah sebagai pengeluar baja sebatian untuk dibekal kepada SALCRA dan pelanggan lain. Aktiviti utama SFSB adalah mengeluarkan dan menjalankan aktiviti perdagangan baja sebatian. SFSB mempunyai sebuah kilang pengeluaran baja sebatian yang siap dibina pada 1 Mac 2017. Kilang SFSB mula beroperasi secara komersial pada 1 Ogos 2017.

1.3. Model perniagaan SFSB merangkumi SALCRA sebagai pemegang saham, pembekal untuk urusan perolehan syarikat dan bank atau institusi kewangan untuk urusan perkhidmatan kewangan. Selain itu, SFSB mempunyai pelanggan yang membeli baja sebatian daripada syarikat dan menyumbang kepada pendapatan utama syarikat. Pelanggan utama SFSB adalah SALCRA yang mempunyai 20 estet kelapa sawit. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1
MODEL PERNIAGAAN SFSB**



Sumber: Model Perniagaan Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan SFSB dari aspek tadbir urus korporat syarikat yang baik, pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap pengurusan pengeluaran baja sebatian yang dilaksanakan pada tahun 2016 hingga bulan Jun 2019. Berdasarkan penilaian risiko, aktiviti ini telah dipilih kerana memberi impak kepada kedudukan kewangan dan kutipan hasil syarikat. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2016, 2017 dan 2018.

3.2. Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan pengurusan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara dinilai, iaitu pencapaian output pengeluaran baja sebatian dan pencapaian *outcome* hasil penjualan baja. Sebanyak 10 kontrak perolehan bahan mentah yang sedang berkuatkuasa pada

tahun 2018 dan satu (1) kontrak bekalan baja dengan nilai keseluruhan sejumlah RM74.54 juta telah dipilih sebagai sampel pengauditan. Selain itu, satu (1) kontrak pembinaan kilang bernilai RM64.57 juta dan 104 baucar bayaran bernilai RM108.22 juta turut dipilih sebagai sampel pengauditan.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat SFSB yang terletak di Lot 611, KM18, Blok 20, Kemena Land District Tanjung Kidurong, Bintulu dan pejabat SFSB di Wisma SALCRA, Kota Samarahan.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan SFSB serta menganalisis data berkaitan. Lawatan ke kilang baja dan gudang SFSB telah diadakan pada 18 Julai 2019 dan 30 Ogos 2019. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan SFSB yang telah diaudit oleh Tetuan Crowe Malaysia PLT. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2019 terhadap SFSB merumuskan perkara berikut:

a. Tadbir Urus Korporat

Secara keseluruhannya, tadbir urus korporat SFSB adalah baik kerana mengamalkan sepenuhnya lima (5) daripada lapan (8) amalan terbaik tadbir urus korporat. Namun, masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek Lembaga Pengarah, *Standard Operating Procedures* (SOP) dan Pelan Strategik agar selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang disarankan.

b. Pengurusan Aktiviti

i. Prestasi Aktiviti

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti pengeluaran baja sebatian SFSB dari aspek pencapaian sebenar kuantiti dan hasil jualan baja sebatian adalah kurang cekap. Bagi tahun 2017 dan 2018, pencapaian sebenar pengeluaran baja sebatian SFSB adalah sebanyak 56,569 Tan Metrik (MT) atau 47.1% berbanding sasaran sebanyak 120,000 MT. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, jumlah hasil jualan sebenar baja sebatian adalah RM211.80 juta (66.5%) berbanding RM318.39 juta yang disasarkan. Faktor yang menyebabkan sasaran tidak dicapai antaranya ialah kilang SFSB yang hanya memulakan operasi pada 1 Ogos 2017 dan jualan baja yang hanya dibuat kepada SALCRA (tanpa pembeli lain) di peringkat awal pengoperasian kilang. Faktor lain adalah harga jualan baja SFSB yang lebih tinggi berbanding pengilang lain dan trend harga pasaran minyak sawit mentah (CPO) yang menunjukkan penurunan pada tahun 2018.

ii. Pelaksanaan Aktiviti

Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti SFSB adalah kurang cekap disebabkan wujud kelemahan dari aspek promosi dan pemasaran serta pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

c. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan SFSB adalah pada tahap kurang stabil kerana mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM15.99 juta pada tahun 2018. Pendapatan SFSB juga menurun kepada RM60.74 juta berbanding RM75.19 juta pada tahun 2017. Purata tempoh pusingan kutipan hutang meningkat daripada 30 hari pada tahun 2017 kepada 40 hari pada tahun 2018. SFSB juga tidak cekap dalam pengurusan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan RM0.01 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset. Selain itu, SFSB merekodkan defisit tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM2.08 juta pada tahun 2018. Bagaimanapun, SFSB mencatat keuntungan sebelum cukai sejumlah RM1.03 juta pada tahun 2018 dan penurunan dalam kerugian terkumpul, iaitu berjumlah RM15.99 juta berbanding sejumlah RM16.99 juta pada tahun 2017.

- 5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh SFSB adalah seperti berikut:

- a. Piagam Lembaga Pengarah, SOP dan Pelan Strategik yang lengkap tidak disediakan bagi memastikan operasi harian SFSB tidak terjejas dan menentukan hala tuju perniagaan syarikat untuk jangka panjang;
- b. Hasil jualan baja sebenar yang diperoleh daripada aktiviti perdagangan berjumlah RM108.02 juta atau 79% berbanding RM136.75 juta yang disasarkan; dan
- c. Hasil jualan baja sebenar yang diperoleh daripada aktiviti pengilangan berjumlah RM103.78 juta atau 57.1% berbanding sasaran hasil yang ditetapkan berjumlah RM181.64 juta.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas SFSB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 23 September 2019. Maklum balas terkini telah diterima pada 29 April 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:


6.1. Tadbir Urus Korporat

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat subsidiari milik Badan Berkanun Negeri, pengurusan SFSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Antaranya adalah Akta Syarikat 2016, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Perlembagaan Syarikat, SOP syarikat serta peraturan lain yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, antara rujukan amalan terbaik tadbir urus korporat adalah *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017*, *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness* April 2006 (The Green Book) dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [Handbook MKD].

6.1.2. Pengurusan SFSB diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi dan sehingga bulan Jun 2019, 67 daripada 95 perjawatan yang diluluskan telah diisi. SFSB mempunyai empat (4) bahagian dengan dua (2) bahagian diketuai oleh Pengurus dan dua (2) bahagian masing-masing diketuai oleh Akauntan dan Jurukimia.

Struktur organisasi SFSB pada 30 Jun 2019 adalah seperti dalam **Carta 2** manakala peranan setiap bahagian adalah seperti dalam **Jadual 1**.

CARTA 2
STRUKTUR ORGANISASI SFSB PADA 30 JUN 2019



Sumber: Dokumen dan Carta Organisasi Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.

JADUAL 1
PERANAN SETIAP BAHAGIAN SFSB

BAHAGIAN	PERANAN
Makmal	Pengurusan makmal syarikat.
Pengeluaran dan Perolehan	Menguruskan aktiviti pengeluaran baja sebatian dan perolehan bahan mentah.
Pemasaran	Menguruskan aktiviti pemasaran dan jualan baja.
Pentadbiran dan Kewangan	Menguruskan operasi harian dan kewangan syarikat.

Sumber: Dokumen dan Carta Organisasi Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.

6.1.3. Komposisi Lembaga Pengarah SFSB setakat bulan Jun 2019 terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga Pengarah iaitu Pengerusi dan tiga (3) ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah yang dilantik adalah mewakili Kerajaan Negeri Sarawak, wakil SALCRA sebagai pemegang saham dan ahli perniagaan. SFSB telah melantik Ketua Bahagian Undang-Undang, SALCRA sebagai Setiausaha Syarikat pada 12 November 2012. Setiausaha Syarikat bertanggungjawab untuk melaksanakan perkhidmatan seperti mengurus mesyuarat Lembaga Pengarah, penyediaan dokumen serahan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memberi khidmat nasihat kepada syarikat.

6.1.4. Semakan Audit mendapati SFSB telah mengamalkan lima (5) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat. Aspek yang diamalkan adalah pelantikan Pengerusi, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Operasi, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman. Bagaimanapun, tiga (3) amalan terbaik tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya, iaitu Lembaga Pengarah, SOP serta Pelan

Strategik syarikat. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh SFSB adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Lembaga Pengarah

- i. Seksyen 230 (3), Akta Syarikat 2016 menetapkan kelulusan terhadap fi dan sebarang pembayaran kepada Lembaga Pengarah perlu dimitnkan dan dimaklumkan kepada pemegang saham. Tindakan tersebut perlu diambil dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan diperolehi.
- ii. SFSB telah membayar fi kepada Lembaga Pengarah syarikat sejumlah RM222,000 melalui sembilan (9) baucar bayaran pada tahun 2016 hingga 2019. Pembayaran tersebut adalah untuk fi Lembaga Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, 2016, 2017 dan 2018.
- iii. Semakan Audit mendapati fi Lembaga Pengarah telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah syarikat dengan sewajarnya. Bagaimanapun, ***tiada bukti menunjukkan pembayaran fi berjumlah RM138,000 untuk tahun kewangan berakhir 2017 (RM42,000) dan 2018 (RM96,000) telah dibentang dalam mesyuarat agung syarikat dan pemegang saham syarikat tidak dimaklumkan secara bertulis.*** Ini tidak selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 230 (3), Akta Syarikat 2016. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBAYARAN FI LEMBAGA PENGARAH SFSB
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA JUN 2019

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN BAUCAR	AMAUN (RM)	CATATAN
2016				
1.	Bayaran Fi Lembaga Pengarah Tahun 2015	2	42,000	Diluluskan dalam Mesyuarat Agung SFSB
2018				
1.	Bayaran Fi Lembaga Pengarah Tahun: - 2016 - 2017	2	42,000	Fi tahun 2016 - Ada dimaklumkan kepada SALCRA
			42,000	Fi tahun 2017 - Tidak dimaklumkan kepada SALCRA/tidak dibentang dalam Mesyuarat Agung SFSB
2019				
1.	Bayaran Fi Lembaga Pengarah Tahun 2018	5	96,000	Tidak dimaklumkan kepada SALCRA/ tidak dibentang dalam Mesyuarat Agung SFSB
JUMLAH		9	222,000	

Sumber: Baucar Bayaran dan Rekod Pembayaran Fi Lembaga Pengarah Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.

- iv. MCGG 2017, Amalan 2.1, Panduan 2.1 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai Piagam Lembaga Pengarah yang jelas. Piagam ini

menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati Piagam Lembaga Pengarah tidak disediakan. Ketiadaan perkara ini boleh memberi kesan kepada konflik kepentingan Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan syarikat.

Maklum Balas SFSB yang Diterima pada 29 April 2020

Fi Lembaga Pengarah untuk tahun 2017 dan 2018 telah dimaklumkan kepada pemegang saham syarikat pada bulan September 2019. SFSB dalam proses menyediakan Piagam Lembaga Pengarah dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2020 untuk kelulusan dengan sewajarnya.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap Akta Syarikat 2016 dan penyediaan Piagam Lembaga Pengarah yang menjelaskan tanggungjawab Lembaga Pengarah adalah penting untuk memastikan Lembaga Pengarah dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

b. *Standard Operating Procedures (SOP)*

- i. Seksyen 246, Akta Syarikat 2016 menetapkan sistem kawalan dalaman terhadap aset syarikat hendaklah disediakan bagi menjamin aset syarikat dilindungi terhadap kerugian akibat penggunaan atau pelupusan yang tidak dibenarkan. Ia juga bertujuan untuk memberi keterangan tentang aset yang sepatutnya. *Handbook MKD*, Perenggan 1.9 (c), 2.2 (f) dan 3.25 hingga 3.28 menyatakan syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi proses, prosedur dan polisi berkenaan urusan kewangan dan aktiviti dalam mengurus syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dibuat sekiranya ada keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP yang diterima pakai dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati SFSB ada menyediakan SOP bagi aktiviti utama, pengurusan kewangan dan pentadbiran syarikat. Bagaimanapun, SOP pengurusan kewangan belum dibentang dan diluluskan oleh Lembaga

Pengarah. Semakan Audit selanjutnya mendapati SFSB mempunyai SOP untuk pelupusan aset, namun ***SOP pengurusan aset yang mengandungi prosedur penerimaan, pendaftaran dan pemeriksaan aset tidak disediakan.*** Selain itu, SFSB tidak menyelenggara daftar aset yang mengandungi butiran aset, nombor pendaftaran, nilai, tarikh pembelian, penempatan dan pelupusan. SFSB melaksanakan pemeriksaan aset berdasarkan senarai aset yang disediakan untuk tujuan rekod kewangan.

- iii. SFSB telah membuat pemeriksaan aset tahunan pada 7 November 2018 dan 67 aset telah dikenal pasti rosak serta tidak dapat digunakan lagi. Semakan Audit mendapati permohonan untuk pelupusan aset tersebut telah dikemukakan kepada pihak pengurusan SFSB pada 29 November 2018. Sehingga bulan Jun 2019, tiada tindakan pelupusan diambil terhadap aset tersebut. Selain itu, nilai aset tersebut tidak dapat ditentukan kerana SFSB tidak menyelenggara daftar aset.
- iv. SFSB telah mewujudkan prosedur pengurusan kewangan syarikat yang merangkumi perbelanjaan dan terimaan. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019, berdasarkan 104 sampel baucar bayaran yang diaudit, pihak Audit mendapati 22 baucar bayaran berjumlah RM228,401.35 telah dibayar oleh SFSB secara tunai. Pembayaran tersebut meliputi bayaran elaun kehadiran mesyuarat Lembaga Pengarah, gaji serta tuntutan pengangkutan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) dan perbelanjaan pentadbiran. Semakan Audit mendapati ***tiada prosedur disediakan oleh SFSB untuk pembayaran secara tunai kepada penerima.***
- v. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, SFSB telah membekalkan baja sebatian kepada SALCRA yang merupakan pelanggan utama syarikat. Klausula 6.1 dan 6.2 perjanjian pembekalan baja sebatian antara SALCRA dan SFSB yang ditandatangani pada 20 Jun 2013 menetapkan prosedur untuk pembayaran bekalan dan penghantaran baja sebatian. Bayaran perlu dibuat setelah bekalan diterima oleh SALCRA dalam tempoh yang telah ditetapkan. Invois jualan yang dikemukakan oleh SFSB kepada SALCRA juga menetapkan bayaran hendaklah dibuat dalam masa 30 hari daripada tarikh invois dikeluarkan.
- vi. Semakan Audit terhadap Laporan Pengumuman Penghutang pada 16 Julai 2019 mendapati 50 invois jualan yang dikeluarkan setakat bulan Jun 2019 masih tertunggak. ***Invois yang bernilai RM13.01 juta telah***

tertunggak melebihi tempoh kredit yang dibenarkan, iaitu 30 hari. Tempoh tunggakan adalah selama 36 dan 103 hari.

Maklum Balas SFSB yang Diterima pada 29 April 2020

Syarikat telah menyediakan SOP pengurusan kewangan serta aset yang lengkap dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Bagi tunggakan hasil, kelewatan pembayaran oleh SALCRA adalah disebabkan oleh kejatuhan harga pasaran minyak kelapa sawit. Keadaan ini telah memberi kesan kepada aliran tunai dan kemampuan SALCRA untuk menjelaskan invoice tersebut. Bagaimanapun, semua invoice yang berkenaan telah dijelaskan oleh SALCRA mulai bulan Ogos 2019 hingga bulan Januari 2020.

Pada pendapat Audit, penyediaan SOP pengurusan kewangan yang lengkap berserta kelulusan Lembaga Pengarah adalah penting bagi memastikan proses kerja dipatuhi dan mencapai objektif ditetapkan.

c. Pelan Strategik

- i. Seksyen 211, Akta Syarikat 2016 menyatakan ahli Lembaga Pengarah mempunyai kuasa penuh bagi mengurus syarikat dan memberikan arahan serta mengawasi pengurusan perniagaan dan hal ehwal syarikat. Namun ia tertakluk kepada apa-apa ubah suaian, kecualian atau batasan dalam Akta Syarikat 2016 atau Perlembagaan Syarikat. MCCG 2017, Amalan 1.1, Panduan 1.1 menyarankan Lembaga Pengarah menetapkan sasaran strategik syarikat dan memastikan sumber yang diperlukan untuk syarikat mencapai objektifnya. Lembaga Pengarah juga perlu memastikan pelan strategik syarikat menyokong pembentukan nilai jangka panjang yang menyokong kemapanan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati SFSB telah menyediakan sasaran pengeluaran baja sebatian dan hasil jualan tahunan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Sasaran tersebut telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, SFSB masih belum menyediakan Pelan Strategik bagi menentukan hala tuju syarikat untuk jangka masa panjang.

Maklum Balas SFSB yang Diterima pada 29 April 2020

Pelan Strategik untuk tempoh tahun 2019 hingga 2025 telah disediakan dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2020 untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, pelan strategik yang tidak disediakan akan menjejaskan hala tuju perniagaan syarikat dalam tempoh jangka panjang.

6.2. Pengurusan Aktiviti

6.2.1. Aktiviti utama SFSB adalah sebagai pembekal dan pengeluar utama baja sebatian kepada SALCRA dan pelanggan lain. SFSB membekalkan baja kepada 20 estet milik SALCRA yang berkeluasan 47,759 hektar. Selain itu, SFSB turut menjalankan aktiviti perdagangan, iaitu membeli baja sebatian daripada pengilang lain untuk dijual kepada SALCRA dan pelanggan lain.

6.2.2. SFSB telah membina kilang baja sebatian dan gudang di atas tanah milik syarikat yang terletak di Tanjung Kidurong, Bintulu. Pembinaan kilang bermula pada 6 Mac 2015 dan siap pada 1 Mac 2017 dengan nilai kontrak berjumlah RM64.57 juta. Teknologi yang digunakan untuk kilang SFSB adalah *Double Dryer Melted Urea*. Kilang ini mempunyai kapasiti rekaan dan kapasiti pengeluaran masing-masing sebanyak 150,000 MT dan 120,000 MT setahun. Antara komponen utama kilang adalah kilang pemprosesan utama, gudang barang siap dan makmal adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 6**.

GAMBAR 1



Kilang Utama, Bintulu
- Bangunan Kilang Memproses Baja
(24.06.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 2



Kilang Utama, Bintulu
- Mesin Utama Memproses Baja
(24.06.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 3



Kilang Utama, Bintulu
- Kawasan Pembungkusan Baja
(24.06.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 4



Gudang Barang Siap, Bintulu
- Stok Baja
(18.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Makmal Kimia, Bintulu
- Peralatan Makmal
(24.06.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 6



Kilang Utama, Bintulu
- Bilik Kawalan
(24.06.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

6.2.3. Pada tahun 2018, SFSB telah mendapat penarafan sistem pengurusan kualiti ISO 9001:2015 yang merangkumi aktiviti pembuatan dan jualan baja sebatian. Selain itu, syarikat telah mendapat penarafan MS 49:1994 dan lesen untuk menggunakan tanda pensijilan Kenyalang bagi baja sebatian yang dikeluarkan. Penarafan dan pensijilan tersebut dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.. Bagi tahun 2017 dan 2018, dua (2) jenis formulasi baja sebatian yang dikeluarkan oleh SFSB adalah Kenyalang 44 dan Kenyalang 45B. Jenis baja sebatian tersebut adalah seperti dalam **Gambar 7** hingga **Gambar 10**.

GAMBAR 7



Baja Sebatian
- Kenyalang 44
(18.07.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 8



Baja Sebatian
- Kenyalang 44
(18.07.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 9

Baja Sebatian
- Kenyalang 45B
(18.07.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 10

Baja Sebatian
- Kenyalang 45B
(18.07.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

6.2.4. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian Output - Pengeluaran Baja

- i. SFSB menetapkan sasaran pengeluaran melalui bajet tahunan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2017, SFSB hanya menjalankan aktiviti perdagangan. SFSB menjalankan aktiviti pengilangan secara komersial mulai 1 Ogos 2017.
- ii. Semakan Audit mendapati pengeluaran sebenar baja sebatian pada tahun 2017 adalah 29,795 MT (42.6%) berbanding 70,000 MT yang ditetapkan. Pada tahun 2018, SFSB menurunkan sasaran pengeluaran baja sebatian daripada 70,000 MT kepada 50,000 MT. Bagaimanapun, pengeluaran baja sebatian hanya mencapai 26,774 MT atau 53.5% daripada sasaran yang ditetapkan. Berdasarkan Laporan Prestasi Kewangan tahun 2017 dan 2018, ketidakcapaian sasaran pengeluaran baja sebatian adalah kerana pengeluaran baja dibuat berdasarkan permintaan SALCRA. Selain itu, kilang hanya mula beroperasi secara komersial pada bulan Ogos 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENCAPAIAN PENGELUARAN BAJA SEBATION SFSB BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

TAHUN	PENGELUARAN BAJA SEBATION		PENCAPAIAN LEBIH/(KURANG)	
	SASARAN (MT) (a)	SEBENAR (MT) (b)	(MT) (c)=(b)-(a)	(%) (d)=(b)/(a) x 100
Ogos 2017	70,000	29,795	(40,205)	42.6
2018	50,000	26,774	(23,226)	53.5
JUMLAH	120,000	56,569	(63,431)	47.1

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2017 dan 2018

- iii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 9 Disember 2010 telah memberi kelulusan kepada SALCRA untuk mengambil alih pengurusan SFSB. Antara perkara yang diputuskan adalah Kerajaan negeri akan mengarahkan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) membuat perolehan baja daripada SFSB. Perolehan tersebut adalah pada kadar 30% daripada keperluan baja untuk projek usahasama melibatkan tanah *Native Customary Rights* (NCR) yang mana LCDA telah dilantik sebagai ejen pengurusan.
- iv. Semakan Audit mendapati ***tiada tindakan susulan dibuat oleh SFSB bagi memaklumkan Kerajaan negeri atau LCDA berkenaan keputusan yang telah dibuat.*** Semakan Audit mendapati SFSB telah mengambil tindakan menyusul perkara tersebut dengan pihak LCDA dan syarikat yang berkenaan, namun belum mendapat maklum balas yang positif. Ini turut memberi kesan kepada pencapaian sasaran pengeluaran baja sebatian SFSB.

Maklum Balas SFSB yang Diterima pada 29 April 2020

Pengeluaran baja sebatian masih bergantung kepada permintaan bekalan baja daripada SALCRA. Saingan daripada pengilang baja yang lain turut memberi kesan kepada pencapaian sasaran pengeluaran. Perkara berkenaan perolehan baja oleh LCDA telah dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan perbincangan terkini telah diadakan pada 12 Mac 2020.

Pada pendapat Audit, pengeluaran sebenar baja sebatian pada tahun 2017 dan 2018 pada kadar 47.1% menunjukkan SFSB kurang cekap menguruskan aktiviti pengilangan baja secara komersial.

b. Pencapaian *Outcome* - Prestasi Hasil Jualan Baja

- i. Setiap tahun SFSB menyediakan dan menetapkan sasaran hasil jualan untuk dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, Lembaga Pengarah telah meluluskan anggaran hasil sejumlah RM318.39 juta berdasarkan sasaran jualan sebanyak 180,309 MT baja sebatian. Bagi tempoh yang sama, jumlah hasil jualan sebenar adalah RM211.80 juta (66.5%) untuk 103,279 MT baja sebatian. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN HASIL JUALAN BAJA SEBATIAN SFSB BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	JENIS	TAHUN	HASIL JUALAN				PENCAPAIAN			
			SASARAN		SEBENAR		LEBIH/(KURANG)		(%)	
			MT (a)	(RM Juta) (b)	MT (c)	(RM Juta) (d)	MT (e)=(c)- (a)	(RM Juta) (f)=(d)- (b)	(MT) (g)=(c)/(a) x 100	(RM) (h)=(d)/(b) x 100
1.	Perdagangan	2016	52,639	101.91	38,247	79.04	(14,392)	(22.87)	72.7	77.6
		2017	14,000	28.32	13,643	27.37	(357)	(0.95)	97.5	96.6
		2018	4,200	6.52	376	1.61	(3,824)	(4.91)	8.9	24.7
JUMLAH			70,839	136.75	52,266	108.02	(18,573)	(28.73)	73.8	79.0
2.	Pengilangan	2016 *	0	0	0	0	0	0	0	0
		2017	56,000	60.96	21,343	45.07	(34,657)	(15.89)	38.1	73.9
		2018	53,470	120.68	29,670	58.71	(23,800)	(61.97)	55.5	48.6
JUMLAH			109,470	181.64	51,013	103.78	(58,457)	(77.86)	46.6	57.1
JUMLAH KESELURUHAN			180,309	318.39	103,279	211.80	(77,030)	(106.59)	57.3	66.5

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd. Bagi Tempoh Tahun 2016 Hingga 2018

Nota: a. (*) - Aktiviti pengilangan baja secara komersial pada 1 Ogos 2017

b. Perdagangan - SFSB membeli baja sebatian daripada pengilang/pembekal untuk dijual semula

c. Pengilangan - SFSB memproses dan menjual baja sebatian keluaran kilang miliknya

- ii. Bagi aktiviti perdagangan, SFSB telah menetapkan sasaran hasil sejumlah RM136.75 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. ***Pencapaian sebenar bagi tempoh tersebut adalah RM108.02 juta (79%).*** Semakan Audit mendapati SFSB tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tempoh tersebut. Ini disebabkan SFSB telah mengurangkan aktiviti perdagangan bagi memberi tumpuan untuk menjual baja keluaran kilang miliknya.

- iii. Bagi aktiviti pengilangan, SFSB telah menetapkan sasaran hasil sejumlah RM181.64 juta bagi tahun 2017 dan 2018. Bagaimanapun, ***hasil jualan sebenar hanya sejumlah RM103.78 juta (57.1%).*** Sasaran hasil tidak dicapai disebabkan faktor seperti berikut:
 - Jualan baja yang lebih rendah daripada sasaran iaitu 51,013 MT berbanding 109,470 MT. Bagi tahun 2017, hanya 21,343 MT (38.1%) dijual berbanding 56,000 MT yang disasarkan. Ini disebabkan kilang SFSB memulakan operasi pada 1 Ogos 2017 dan jualan baja hanya kepada SALCRA di peringkat awal pengoperasian kilang. Bagaimanapun, prestasi jualan pada tahun 2018 telah meningkat kepada 29,670 MT (55.5%) disebabkan SFSB telah mula membekal baja sebatian kepada penanam kelapa sawit lain.

- Harga jualan baja keluaran SFSB didapati lebih tinggi berbanding pengilang-pengilang lain. Analisis Audit terhadap harga baja Sebatian 44 untuk tahun 2017 dan 2018 mendapati harga untuk satu beg baja adalah RM82 dan RM1,640 untuk satu MT. Harga yang ditetapkan oleh pengilang lain adalah antara RM70 hingga RM76 untuk satu beg dan RM1,400 hingga RM1,520 untuk satu MT. Bagi baja Sebatian 45B, harga yang ditetapkan oleh SFSB adalah RM86 untuk satu beg dan RM1,720 untuk satu MT. Harga yang ditawarkan oleh pengilang lain adalah RM74 dan RM80 untuk satu beg serta RM1,480 dan RM1,600 untuk satu MT. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
PERBANDINGAN HARGA BAJA SEBATIAN SFSB
DAN PENGILANG LAIN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018**

PENGILANG	BUTIRAN	HARGA EX-FACTORY	
		SEBATIAN 44 12/6/22/3 (RM)	SEBATIAN 45B 12/12/17/2 + B (RM)
Syarikat A	RM/BEG	70.00	80.00
	RM/MT	1,400.00	1,600.00
Syarikat B	RM/BEG	72.50	74.00
	RM/MT	1,450.00	1,480.00
Syarikat C	RM/BEG	76.00	80.00
	RM/MT	1,520.00	1,600.00
SFSB	RM/BEG	82.00	86.00
	RM/MT	1,640.00	1,720.00

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-25 Pada 24 Ogos 2017

- iv. Faktor lain yang turut memberi kesan kepada pengeluaran dan prestasi jualan baja sebatian SFSB adalah harga pasaran CPO. Berdasarkan statistik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Negeri Sarawak telah mengeluarkan 11.9 juta MT CPO bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Harga purata untuk satu MT CPO di negeri Sarawak bagi tahun 2016 adalah RM2,578 dan meningkat kepada RM2,760.50 pada tahun 2017. Harga purata untuk satu MT CPO menurun kepada RM2,133 pada tahun 2018. Keadaan ini turut memberi kesan kepada pengeluaran dan hasil jualan baja sebatian SFSB. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6
KUANTITI PENGELUARAN DAN HARGA PURATA CPO
DI NEGERI SARAWAK BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018**

BUTIRAN	2016	2017	2018	JUMLAH
CPO				
Pengeluaran Dalam MT (Juta)	3.59	4.13	4.18	11.9
Harga Purata RM/MT	2,578.00	2,760.50	2,133.00	-

Sumber: Laporan Statistik Harga dan Pengeluaran Minyak Sawit Mentah, Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Maklum Balas SFSB yang Diterima pada 29 April 2020

Selain harga jualan baja, faktor lain yang turut menyumbang kepada prestasi jualan adalah kejatuhan harga pasaran minyak sawit mentah. Bagaimanapun mulai tahun 2019, SFSB telah mendapat kontrak untuk membekal baja sebatian kepada Sime Darby Plantation (Sarawak) Sdn. Bhd. dan MaQtra International (Malaysia) Sdn. Bhd. Selain itu, SFSB telah menyediakan Pelan Pemasaran untuk tahun 2020 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 30 Disember 2019. Pelan pemasaran akan disediakan setiap tahun dan dikemas kini bagi mencapai sasaran pengeluaran dan hasil jualan syarikat.

Pada pendapat Audit, prestasi hasil jualan baja tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2017 dan 2018 menunjukkan SFSB kurang cekap menguruskan aktiviti pengilangan.

6.2.5. Pelaksanaan Aktiviti

SFSB antara lainnya telah menyediakan SOP bagi pengurusan pengeluaran, aktiviti promosi dan jualan, pemantauan dan penguatkuasaan pengeluaran baja. Prosedur berkenaan diguna pakai bagi memastikan aktiviti pengurusan pengeluaran baja sebatian adalah teratur.

a. Aktiviti Promosi dan Pemasaran Baja

- i. Menurut amalan terbaik, bagi meningkatkan pencapaian jualan baja, SFSB hendaklah menyediakan perancangan bagi aktiviti pemasaran dan promosi. Perancangan yang terperinci perlu disediakan, dipantau dan dikaji semula, sekiranya perlu. Antara aktiviti pemasaran dan promosi yang telah dijalankan untuk mempromosikan produk baja SFSB adalah membuka galeri/*booth* semasa pameran yang dianjurkan oleh kerajaan ataupun swasta, taklimat kepada penanam kelapa sawit, promosi melalui siaran radio dan televisyen, media sosial, risalah dan lain-lain.
- ii. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, SFSB telah memperuntukkan sejumlah RM72,000 untuk tujuan pemasaran dan promosi. Semakan Audit mendapati perbelanjaan sebenar adalah RM57,780 (80.3%). Perbelanjaan ini

adalah untuk bayaran bahan cetakan, sampel baja, menyertai pameran dan memberi taklimat kepada penanam kelapa sawit.

Maklum Balas SFSB yang Diterima pada 25 September 2019

Syarikat telah melaksanakan 11 aktiviti promosi dan pemasaran seperti membuka gerai pameran, memberi taklimat kepada penanam kelapa sawit dan perlawanan golf bersama pelanggan pada tahun 2018. Selain itu, aktiviti tersebut turut dianjurkan bersama SALCRA yang dapat menjimatkan kos pemasaran dan promosi. SFSB telah menyediakan dan menetapkan strategi untuk meningkatkan jualan di pasaran terbuka mulai tahun 2019. Pengambilan pegawai pemasaran dan penyediaan risalah telah dilaksanakan. SFSB dalam proses mendapatkan akreditasi di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia EC 17025 untuk pentauliahan makmal.

Pada pendapat Audit, usaha promosi berterusan dan mendapatkan akreditasi boleh meningkatkan prestasi hasil jualan SFSB.

b. Pematuhan Kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

- i. Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menetapkan Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) hendaklah disediakan oleh SFSB dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Laporan EIA SFSB telah diluluskan oleh JAS pada 28 September 2015. Antara syarat yang ditetapkan dalam EIA tersebut adalah penyediaan dan pematuhan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP). Perkara yang dilaporkan dalam EMP adalah laporan alam sekitar serta pengurusan bahan dan sisa. Laporan EMP akan dikemukakan kepada JAS setiap tahun bagi tujuan pemantauan tahap pematuhan kepada Akta tersebut.
- ii. Perenggan 5.11.2, EMP menetapkan prosedur untuk pengurusan dan pelupusan sisa pepejal. Bahan buangan seperti beg bungkusan dan bekas bahan mentah boleh dikitar semula atau diguna semula. SFSB mengumpul dan menjual beg bungkusan tersebut kepada pembeli yang dibenarkan.
- iii. Lawatan Audit pada 18 Julai 2019 di kawasan kilang SFSB mendapati beg bahan mentah terpakai dikumpul dan disimpan di kawasan pintu masuk

kilang. Adalah diperhatikan *sisa bahan mentah yang terdapat dalam beg tersebut mengalir di atas laluan utama kilang. Ini menyebabkan mendapan sisa berlaku di kawasan kilang.* Keadaan adalah seperti dalam **Gambar 11**. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dengan menyediakan *RoRo Container* seperti dalam **Gambar 12**.

GAMBAR 11



Kawasan Kilang Baja
- Timbunan Beg dan Sisa Bahan Mentah
(18.07.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 12



Kawasan Kilang Baja
- *RoRo Container* Disediakan
(30.08.2019)
(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

- iv. Pihak Audit telah menjalankan lawatan kali kedua bersama pegawai daripada JAS, Bahagian Bintulu pada 30 Ogos 2019. Hasil lawatan *mendapati berlaku ketidakpatuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974* seperti butiran dalam **Jadual 7**. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada SFSB pada 25 September 2019, tindakan penambahbaikan telah diambil terhadap teguran bersama yang dikeluarkan oleh pihak JAS dan Audit.

JADUAL 7
PENEMUAN AUDIT BERSAMA PEGAWAI JABATAN ALAM SEKITAR

BIL.	PERKARA	KEADAAN DAN STATUS TINDAKAN OLEH SFSB
1.	Menambah baik pengurusan tempat penyimpanan sementara untuk beg bahan mentah terpakai dihantar kepada pembeli. JAS menyarankan tempat penyimpanan yang bertutup disediakan	Tindakan telah diambil Gambar 13
2.	Menyediakan kawasan bersesuaian untuk kerja pembungkusan semula baja. Ini adalah untuk mengelakkan baja tumpah ke dalam longkang	Tindakan telah diambil Gambar 14
3.	Memastikan keadaan kawasan gudang bahan mentah dan barang siap dalam keadaan baik	Tindakan telah diambil Gambar 15 dan Gambar 16
4.	Memastikan Orang Yang Berwibawa bagi pengurusan buangan berjadual dan sistem kawalan peralatan udara <i>scrubber</i> menghadiri latihan dan menghantar laporan untuk ditauliahkan oleh Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)	Tindakan telah diambil

Sumber: Lawatan Tapak Bersama Jabatan Alam Sekitar, Bahagian Bintulu

GAMBAR 13



Kawasan Kilang Baja
- RoRo Container Telah Ditutup
Menggunakan Kanvas
(25.09.2019)

(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 14



Kawasan Kilang Baja
- Tempat Repacking yang Baharu
(25.09.2019)

(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 15



Gudang Bahan Mentah
- Label Telah Disediakan
(25.09.2019)

(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

GAMBAR 16



Gudang Barang Siap
- Label Telah Disediakan
(25.09.2019)

(Sumber: Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.)

Maklum Balas SFSB yang Diterima pada 25 September 2019

SFSB telah mengambil tindakan pembetulan terhadap perkara yang dibangkitkan.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 boleh memberi kesan kepada keadaan di kawasan kilang untuk jangka masa panjang.

c. Perolehan Bahan Mentah

- i. SFSB membuat perolehan bahan mentah daripada pembekal yang dilantik untuk kegunaan pengeluaran baja sebatian di kilang. Bahan mentah yang diperoleh adalah *Muriate of Potash, Prilled Urea, Grinded Rock Phosphate, Christmas Island Rock Phosphate, Egyptian Rock Phosphate, Calcined Magnesite, Di-Ammonium Phosphate* dan *Brown Clay*. Perolehan bahan

mentah adalah tertakluk kepada prosedur perolehan melalui kaedah perolehan secara tender syarikat.

- ii. Pada tahun 2017 dan 2018, SFSB telah menandatangani 10 kontrak untuk pembelian 66,900 MT bahan mentah bernilai RM74.54 juta dengan pembekal yang dilantik. Sehingga bulan Jun 2019, sejumlah RM73.41 juta telah dibayar kepada pembekal yang berkenaan. Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan dan kontrak serta pembayaran adalah selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa. Selain itu, pemeriksaan Audit terhadap keadaan gudang mendapati penyimpanan stok bahan mentah adalah memuaskan seperti dalam **Gambar 17** dan **Gambar 18**.

GAMBAR 17



Gudang Bahan Mentah
- Prilled Urea
(18.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



Gudang Bahan Mentah
- Muriate of Potash
(18.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan, kontrak serta pembayaran adalah mengikut peraturan yang berkuatkuasa dan penyimpanan stok bahan mentah adalah memuaskan.

6.3. Kedudukan Kewangan

6.3.1. Penyata kewangan SFSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Crowe Malaysia PLT. Analisis terhadap kedudukan kewangan SFSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Pendapatan	79.04	72.44	60.32
Pendapatan-pendapatan Lain	0.73	2.75	0.42
JUMLAH PENDAPATAN	79.77	75.19	60.74
Kos Pengeluaran	(71.31)	(55.76)	(48.58)
Perbelanjaan Jualan Dan Pemasaran	(0.02)	(4.02)	(4.83)
Perbelanjaan Pentadbiran	(2.69)	(3.95)	(1.40)
Kos Kewangan	(4.24)	(5.62)	(4.90)
JUMLAH PERBELANJAAN	(78.26)	(69.35)	(59.71)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	1.51	5.84	1.03
Cukai	(0.08)	0.12	(0.03)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	1.43	5.96	1.00
KERUGIAN TERKUMPUL	(22.95)	(16.99)	(15.99)
JUMLAH ASET	120.32	147.15	118.02
JUMLAH LIABILITI	113.27	134.14	104.00
JUMLAH EKUITI	7.05	13.01	14.02
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	120.32	147.15	118.02
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	24.21	17.26	(2.08)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.2. Pendapatan utama SFSB adalah daripada hasil perdagangan dan hasil pengilangan. Hasil perdagangan adalah hasil daripada jualan semula baja yang dibeli oleh SFSB daripada pembekal baja lain. Hasil pengilangan adalah hasil daripada jualan baja yang dikeluarkan sendiri oleh SFSB. Pendapatan utama SFSB menurun sejumlah RM12.12 juta (16.7%) pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Penurunan pendapatan utama adalah disebabkan oleh penurunan hasil perdagangan di mana SFSB telah mengurangkan aktiviti pembelian baja sebatian daripada pembekal lain untuk dijual semula.

6.3.3. Pendapatan-pendapatan lain SFSB terdiri daripada faedah simpanan tetap, faedah daripada pelaburan dalam pasaran wang jangka pendek dan hasil sewaan gudang. Pendapatan-pendapatan lain SFSB meningkat sejumlah RM2.02 juta (276.7%) pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain menurun sejumlah RM2.33 juta (84.7%) pada tahun 2018. Pengelasan semula peruntukan kerugian rosot nilai sejumlah RM2.08 juta sebagai pendapatan menyebabkan SFSB mencatat pendapatan-pendapatan lain yang tinggi pada tahun 2017. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti dalam **Carta 3** dan **Jadual 8**.

6.3.4. Perbelanjaan SFSB meliputi kos pengeluaran, perbelanjaan jualan dan pemasaran, perbelanjaan pentadbiran serta kos kewangan. Pada tahun 2018,


perbelanjaan tersebut telah menurun sejumlah RM9.64 juta (13.9%) berbanding tahun 2017 disebabkan oleh penurunan dalam kos pengeluaran dan perbelanjaan pentadbiran syarikat. Kos pengeluaran terdiri daripada perbelanjaan bagi pembelian, pengangkutan dan penyimpanan bahan mentah, kos ujian makmal, kos buruh, penyenggaraan, pembungkusan, yuran profesional, inventori, susut nilai serta kos operasi kilang. Kos pengeluaran SFSB menurun sejumlah RM15.55 juta (21.8%) pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 dan seterusnya menurun sejumlah RM7.18 juta (12.9%) pada tahun 2018. Penurunan perbelanjaan kos pengeluaran disebabkan oleh pengurangan pembelian dan pengangkutan baja siap diproses untuk tujuan jualan. Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti dalam **Carta 3** dan **Jadual 8**.

6.3.5. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah memberi kesan terhadap keuntungan SFSB. SFSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.51 juta, RM5.84 juta dan RM1.03 juta masing-masing pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Keuntungan sebelum cukai meningkat sejumlah RM4.33 juta (286.8%) pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Keuntungan sebelum cukai menurun sejumlah RM4.81 juta (82.4%) pada tahun 2018. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2017 tinggi disebabkan oleh pengelasan semula peruntukan kerugian rosot nilai sejumlah RM2.08 juta sebagai pendapatan. Sehingga 31 Disember 2018, SFSB merekodkan kerugian terkumpul berjumlah RM15.99 juta. Trend keuntungan sebelum cukai serta kerugian terkumpul bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti dalam **Carta 4**.

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



CARTA 4
TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.6. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti syarikat mendapati SFSB mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya kerana

kedudukan aset melebihi liabiliti bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. SFSB merekodkan aset masing-masing berjumlah RM120.32 juta, RM147.15 juta dan RM118.02 juta bagi tempoh tersebut. Aset bukan semasa SFSB adalah harta tanah, loji dan peralatan. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset semasa adalah inventori. Pada tahun 2018, aset SFSB telah menurun sejumlah RM29.13 juta (19.8%) berbanding tahun 2017 disebabkan oleh pengeluaran pelaburan dalam simpanan tetap untuk pembayaran pinjaman, pembiayaan perdagangan dan pembelian bahan mentah.

6.3.7. Liabiliti semasa SFSB terdiri daripada pinjaman jangka pendek, amaun terhutang kepada SALCRA, pemiutang serta pemiutang lain dan akruan. Liabiliti semasa meningkat, iaitu berjumlah RM31.64 juta dan RM53.55 juta bagi tahun 2016 dan 2017. Bagaimanapun, liabiliti semasa menurun sejumlah RM18.25 juta kepada RM35.30 juta pada tahun 2018. Penurunan disebabkan oleh baki pembiayaan perdagangan dan pinjaman wang tunai berkurangan.

6.3.8. Pada tahun 2018, tahap kecairan SFSB meningkat kepada 1.31:1 berbanding 1.30:1 pada tahun 2017. Ini menunjukkan SFSB mampu menjelaskan obligasinya dalam jangka masa pendek. Bagaimanapun, pengurusan hutang SFSB adalah kurang memuaskan kerana purata tempoh pusingan kutipan hutang meningkat daripada 30 hari pada tahun 2017 kepada 40 hari pada tahun 2018. SFSB juga tidak cekap dalam pengurusan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan RM0.01 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset.

6.3.9. Analisis Audit juga dijalankan terhadap aliran tunai SFSB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Tunai dan kesetaraan tunai SFSB pada tahun 2016 dan 2017 masing-masing adalah berjumlah RM24.21 juta dan RM17.26 juta. SFSB merekodkan defisit tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM2.08 juta pada tahun 2018. Ini disebabkan SFSB telah membuat pembayaran balik pembiayaan perdagangan dan pinjaman wang tunai serta pinjaman berjangka.

Maklum Balas SFSB yang Diterima pada 29 April 2020

SFSB mengambil maklum kedudukan kewangan syarikat yang kurang stabil dan sentiasa berusaha mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan pengeluaran dan jualan baja. Bagi tahun kewangan berakhir 2019, SFSB telah

mencatat pendapatan yang meningkat dan kerugian terkumpul yang menurun iaitu masing-masing berjumlah RM87.38 juta dan RM15.72 juta berbanding tahun 2018.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kedudukan kewangan SFSB adalah kurang stabil berdasarkan jumlah kerugian terkumpul yang dicatatkan. Prestasi kewangan yang kurang stabil akan mewujudkan risiko ketidakupayaan syarikat untuk meneruskan usaha berterusan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan mendapati objektif penubuhan SFSB telah dicapai. Aspek tadbir urus korporat SFSB adalah baik, namun terdapat beberapa penambahbaikan diperlukan dari aspek peranan Lembaga Pengarah, penyediaan SOP dan Pelan Strategik. Prestasi aktiviti adalah kurang cekap kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dari aspek pengeluaran dan hasil jualan baja sebatian. Bagi pelaksanaan aktiviti, terdapat kelemahan dari aspek promosi serta pemasaran baja dan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Bagi kedudukan kewangan, pendapatan SFSB mencatat trend penurunan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. SFSB juga tidak cekap dalam pengurusan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan RM0.01 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset. Selain itu, SFSB merekodkan defisit tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM2.08 juta pada tahun 2018.

8. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan SFSB dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan serta Lembaga Pengarah SFSB disarankan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 8.1. memperkemaskan amalan tadbir urus korporat syarikat dari aspek pengurusan mesyuarat Lembaga Pengarah, penyediaan Pelan Strategik dan SOP pengurusan aset yang lengkap serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- 8.2. memastikan sasaran pengeluaran baja sebatian serta hasil jualan yang ditetapkan dapat dicapai dengan meningkatkan aktiviti promosi dan pemasaran; dan
- 8.3. memastikan operasi pengilangan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

5

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

- Sara Urusharta Sdn. Bhd.

RINGKASAN EKSEKUTIF PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

SARA URUSHARTA SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan pengurusan syarikat Sara Urusharta Sdn. Bhd. (SUSB) bagi tempoh 2016 hingga bulan Ogos 2019 yang meliputi tiga (3) aspek utama iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan. SUSB merupakan syarikat milikan penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES).
- Bagi tadbir urus korporat, penilaian dilaksanakan terhadap lapan (8) aspek iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, *Standard Operating Procedures* (SOP), Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalam.
- Bagi pengurusan aktiviti, penilaian terhadap pengurusan fasiliti serta pengurusan hartanah bagi tahun 2016 hingga Ogos 2019.
- Analisis terhadap kedudukan kewangan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai syarikat berdasarkan penyata kewangan SUSB bagi tahun 2016 hingga 2018.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Aktiviti yang dilaksanakan memberi impak kepada kedudukan kewangan syarikat dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.
- Pengauditan dijalankan bagi menilai pencapaian objektif syarikat SUSB dalam aspek tadbir urus korporat yang baik; pengurusan aktiviti yang cekap, berkesan dan berhemat serta prestasi kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, kedudukan kewangan dan aktiviti utama mendapati objektif penubuhan SUSB telah dicapai. Secara umumnya, aspek tadbir urus korporat SUSB adalah baik. Namun, terdapat penambahbaikan dari aspek penyediaan SOP. Prestasi aktiviti pengurusan fasiliti dan hartanah adalah memuaskan kecuali pengurusan tunggakan hasil dan sewaan lot kedai. Bagi

kedudukan kewangan, SUSB mencatat peningkatan keuntungan sebelum cukai dan zakat serta keuntungan terkumpul bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

- Tadbir urus korporat SUSB adalah baik kerana mengamalkan sepenuhnya tujuh (7) daripada lapan (8) amalan terbaik tadbir urus korporat. Aspek yang perlu penambahbaikan adalah seperti berikut:
 - Syarikat perlu mewujudkan SOP bagi pengendalian aset untuk menjamin tahap penggunaan dan keselamatan aset.
- Pengurusan Aktiviti
 - Pengurusan Fasiliti

SUSB tidak cekap dalam pengurusan tunggakan hasil. Didapati baki penghutang melebihi 90 hari ialah RM517,591 atau 83.7% daripada keseluruhan penghutang berjumlah RM618,185.
 - Pengurusan Hartanah

Berlaku penurunan peratus penyewaan di Kompleks Sarawak Plaza iaitu 68.3% pada tahun 2018 berbanding 71.2% (2017) dan 80.3% (2016). Bagi Kompleks Riverside pula, walaupun menunjukkan peningkatan daripada tahun 2016 ke 2018 iaitu daripada 90.5% kepada 94.4% tetapi menurun kepada 27.8% sehingga bulan Ogos 2019. Penurunan peratus penyewaan di Kompleks Riverside adalah disebabkan penyewa utama tidak lagi beroperasi di premis ini.
- Kedudukan kewangan SUSB adalah pada tahap kukuh kerana mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sejumlah RM1.26 juta pada tahun 2018. SUSB mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM6.28 juta serta tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM6.29 juta pada tahun yang sama.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

5. SARA URUSHARTA SDN. BHD.

FAKTA UTAMA


ORDINAN SARAWAK	AKTA 125	RM38.31 Juta Pendapatan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018
Ordinan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Sarawak Cap 35) Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES)	Akta Syarikat 1965 ❖ Sara Urusharta Sdn. Bhd.(SUSB) <ul style="list-style-type: none">• Ditubuhkan menurut Akta Syarikat pada 11 Ogos 1983• anak syarikat milikan penuh PPES	RM35.48 Juta Perbelanjaan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018
AKTIVITI UTAMA	Mengurus fasiliti di kawasan awam milik Kerajaan negeri dan hartanah milik anak syarikat PPES	RM50,002 Modal Berbayar

1. LATAR BELAKANG

1.1. PPES Urusharta Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 11 Ogos 1983 di bawah Akta Syarikat 1965 dan nama syarikat telah ditukarkan kepada Sara Urusharta Sdn. Bhd. (SUSB) pada 15 Februari 1995. SUSB merupakan syarikat berhad menurut syer milikan penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) dengan modal berbayar berjumlah RM50,002.

1.2. Objektif penubuhan SUSB adalah untuk mengurus fasiliti dan hartanah. Aktiviti utama SUSB adalah menguruskan fasiliti di kawasan awam milik Kerajaan negeri dan hartanah milik anak syarikat PPES. Fasiliti di bawah tanggungjawab SUSB ialah Kuching Waterfront (KWF), Matang Family Park (MFP) dan Kompleks Kubah Ria (KR). Hartanah yang diuruskan oleh SUSB pula terdiri daripada Kompleks Sarawak Plaza (SP), Kompleks Riverside (RSC) dan Taman Kereta (TK). Fungsi SUSB adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1
FUNGSI SUSB**



Sumber: Model Perniagaan Sara Urusharta Sdn. Bhd.

1.3. Geran operasi telah diterima oleh SUSB daripada PPES pada tahun 2018 bertujuan bagi menguruskan fasiliti di Kuching Waterfront dan Matang Family Park masing-masing sejumlah RM3.03 juta dan RM0.15 juta.

1.4. Model perniagaan SUSB merangkumi PPES sebagai pemegang saham dan SUSB sebagai pengurus fasiliti awam dan pengurus hartanah. Model perniagaan SUSB adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2 MODEL PERNIAGAAN SUSB



Sumber: Model Perniagaan Sara Urusharta Sdn. Bhd.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan SUSB melalui pengurusan fasiliti dan hartanah yang cekap, berkesan dan berhemat; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta prestasi kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2016 hingga Ogos 2019. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap pengurusan fasiliti dan pengurusan hartanah yang merupakan aktiviti utama dan secara langsung memberi impak kepada kedudukan kewangan syarikat. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2016, 2017 dan 2018.

3.2. Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan pengurusan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai iaitu pencapaian pengurusan fasiliti dan pencapaian pengurusan hartanah. Pencapaian pengurusan fasiliti dinilai melalui pelaksanaan kerja penyenggaraan, prestasi kutipan hasil dan pengurusan tunggakan hasil. Bagi pengurusan hartanah,

pencapaian dinilai melalui hasil yuran pengurusan dan insentif, prestasi penyewaan lot kedai serta pengurusan tunggakan kutipan.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat SUSB yang terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuching.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan SUSB serta menganalisis data berkaitan. Pemeriksaan fizikal Audit dilaksanakan di Kuching Waterfront, Kubah Ria dan Matang Family Park pada 11 September 2019 bagi menentukan tahap pelaksanaan projek penyenggaraan serta pengurusan aset di lokasi berkenaan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan SUSB yang telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2019 terhadap SUSB merumuskan perkara berikut:

a. Tadbir Urus Korporat

Secara keseluruhannya, tadbir urus korporat SUSB adalah baik kerana mengamalkan sepenuhnya tujuh (7) daripada lapan (8) amalan terbaik tadbir urus korporat. Namun, masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek penyediaan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi pengurusan aset agar selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang disarankan.

b. Pengurusan Aktiviti

i. Pengurusan Fasiliti

Secara keseluruhannya, pengurusan fasiliti adalah memuaskan dari aspek pelaksanaan kerja penyenggaraan serta baik pulih dan prestasi kutipan

hasil. Bagaimanapun, SUSB tidak cekap dalam pengurusan tunggakan hasil dengan baki penghutang melebihi 90 hari ialah RM0.52 juta atau 83.7% daripada keseluruhan penghutang berjumlah RM0.62 juta.

ii. Pengurusan Hartanah

Secara keseluruhannya, pengurusan hartanah adalah baik dari aspek hasil iaitu yuran pengurusan dan insentif. Bagaimanapun, SUSB tidak cekap dalam pengurusan penyewaan yang mana berlaku penurunan peratus penyewaan di Kompleks Sarawak Plaza iaitu 68.3% pada tahun 2018 berbanding 71.2% (2017) dan 80.3% (2016). Bagi Kompleks Riverside pula, terdapat peningkatan peratus penyewaan dari tahun 2016 ke 2018 iaitu dari 90.5% ke 94.4%. Bagaimanapun, sehingga bulan Ogos 2019, peratus penyewaan telah menurun kepada 27.8%. Penurunan peratus penyewaan yang ketara di Kompleks Riverside adalah disebabkan penyewa utama tidak lagi beroperasi di premis ini semenjak bulan April 2019. Kutipan daripada penghutang adalah memuaskan dengan baki selesai sejumlah RM1.02 juta (60.7%) setakat bulan Ogos 2019 berbanding baki hutang RM1.64 juta pada bulan Disember 2018.

c. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan SUSB menunjukkan syarikat ini berada pada tahap kukuh kerana mencatat keuntungan sebelum cukai sejumlah RM0.75 juta pada tahun 2016, RM0.82 juta pada tahun 2017 dan RM1.26 juta pada tahun 2018. Pada tahun 2018, SUSB mencatat peningkatan dalam keuntungan terkumpul iaitu berjumlah RM6.28 juta berbanding RM5.74 juta pada tahun 2017. Bagi tahun 2016, 2017 dan 2018, nilai aset SUSB adalah melebihi liabiliti. Tahap kecairan syarikat tahun 2018 pada kadar 1.70:1 menunjukkan SUSB mampu menjelaskan obligasi jangka pendek. SUSB juga cekap dalam pengurusan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan sejumlah RM5.96 bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Selain itu, SUSB mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM6.29 juta pada tahun 2018.

5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh SUSB adalah seperti berikut:

- a. SOP yang lengkap bagi pengurusan aset syarikat tidak disediakan;
- b. penyewaan lot di SP dan RSC menurun dengan kadar penyewaan masing-masing pada 68.3% dan pada 27.8% sehingga bulan Ogos 2019; dan

- c. penghutang yang melebihi 90 hari dengan baki penghutang pengurusan fasiliti berjumlah RM0.52 juta dan pengurusan hartanah berjumlah RM1.04 juta.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT


Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada SUSB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 25 September 2019. Maklum balas terkini telah diterima pada 30 April 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Tadbir Urus Korporat

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat meningkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat milikan penuh PPES, pengurusan SUSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, SOP syarikat serta peraturan lain yang ditetapkan oleh Kerajaan. Selain itu, antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2017, *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness* (*Green Book*) April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*MKD Handbook*] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditors*.

6.1.2. Pengurusan SUSB diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengurus. Bilangan perjawatan dilulus sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 114 dan 102 (89.5%) perjawatan telah diisi. Struktur organisasi SUSB dibahagi kepada empat (4) unit iaitu Unit Korporat, Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia, Unit Kewangan dan Unit Pengurusan Fasiliti serta Hartanah. Setiap unit diketuai oleh seorang Pengurus Operasi. Struktur organisasi SUSB pada 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Carta 3** manakala peranan setiap unit SUSB adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**CARTA 3
STRUKTUR ORGANISASI SUSB PADA 31 DISEMBER 2018**



Sumber: Carta Organisasi Sara Urusharta Sdn. Bhd.

**JADUAL 1
PERANAN SETIAP UNIT SUSB**

UNIT	PERANAN
Korporat	Menguruskan hal-hal korporat syarikat.
Pentadbiran dan Sumber Manusia	Menguruskan operasi harian, pentadbiran dan sumber manusia.
Kewangan	Menguruskan kewangan syarikat.
Pengurusan Fasiliti dan Hartanah	Menguruskan penyewaan lot kedai, kutipan bayaran tempat letak kereta serta penyenggaraan fasiliti.

Sumber: Carta Organisasi Sara Urusharta Sdn. Bhd.

6.1.3. Komposisi Lembaga Pengarah SUSB terdiri daripada tiga (3) orang Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan dua (2) orang ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah SUSB yang dilantik adalah mewakili PPES sebagai pemegang saham syarikat dan kesemuanya berstatus bebas. SUSB telah melantik Pengurus Perkhidmatan Korporat PPES sebagai Setiausaha Syarikat pada 10 Disember 2007. Setiausaha Syarikat bertanggungjawab untuk melaksanakan perkhidmatan seperti mengurus Mesyuarat Lembaga Pengarah, penyediaan dokumen serahan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memberi khidmat nasihat kepada Lembaga Pengarah.

6.1.4. Semakan Audit mendapati SUSB telah mengamalkan sepenuhnya tujuh (7) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat. Aspek yang diamalkan adalah pelantikan Lembaga Pengarah, Pengerusi, Setiausaha Syarikat,

Pengurus Syarikat, Jawatankuasa Audit, Audit Dalaman dan Pelan Strategik Syarikat. Bagaimanapun, satu (1) amalan terbaik tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu SOP. Penjelasan lanjut adalah seperti dalam perenggan berikut:

a. *Standard Operating Procedures (SOP)*

- i. Seksyen 246, Akta Syarikat 2016 menetapkan sistem kawalan dalaman untuk aset syarikat hendaklah disediakan. Sistem tersebut akan dapat menjamin aset syarikat dilindungi terhadap kerugian akibat penggunaan atau pelupusan yang tidak dibenarkan dan memberikan keterangan tentang aset yang sepatutnya. MKD *Handbook*, Perenggan 1.9(c), 2.2(f) dan 3.25 hingga 3.28 menyatakan syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi proses, prosedur dan polisi berkenaan urusan kewangan dan aktiviti dalam mengurus syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dibuat sekiranya ada keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP yang diterima pakai dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati SUSB telah menyediakan SOP bagi aktiviti utama, pengurusan kewangan dan pentadbiran syarikat. Bagaimanapun, ***SUSB tidak mempunyai SOP pengurusan aset yang menggariskan proses kerja termasuk proses dan prosedur pembelian, kehilangan, pelupusan dan hapus kira aset.***
- iii. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap 36 aset milik SUSB bernilai RM36,093 pada 11 September 2019 mendapati ***tiga (3) aset bernilai RM6,550 rosak serta tidak ekonomik untuk dibaiki dan ianya masih belum diambil tindakan.*** Semakan Audit mendapati tiada laporan kerosakan bagi aset berkenaan dan tiada dinyatakan tarikh ianya mula rosak.

Maklum Balas SUSB yang Diterima pada 25 September 2019

Syarikat akan membuat semakan semula SOP dan mengambil kira pengurusan dan pelupusan aset bagi menambah baik SOP sedia ada. Selain itu, pelupusan tiga (3) aset berkenaan akan dibuat berpandukan SOP PPES mulai 1 Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, SOP pengurusan aset yang tidak tersedia menyebabkan aset tidak diuruskan dengan teratur.

6.2. Pengurusan Aktiviti

Pengauditan telah dijalankan terhadap dua (2) aktiviti utama SUSB iaitu pengurusan fasiliti dan pengurusan hartanah. Penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.2.1. Pengurusan Fasiliti

Perjanjian pengurusan fasiliti telah ditandatangani antara PPES dan SUSB bagi menguruskan tiga (3) fasiliti iaitu Kuching Waterfront, Matang Family Park dan Kubah Ria. Dalam perjanjian tersebut, SUSB bertanggungjawab mengurus tempat dan aktiviti di kawasan berkenaan. Butiran lanjut tanggungjawab SUSB adalah seperti dalam **Jadual 2** manakala penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

JADUAL 2
TANGGUNGJAWAB SUSB MENGIKUT PROGRAM

BIL.	PROGRAM	TEMPOH KONTRAK	TANGGUNGJAWAB SUSB	JUMLAH YURAN PENGURUSAN (RM)
1.	Kuching Waterfront	1.1.2015 – 31.12.2025 (10 Tahun)	<ul style="list-style-type: none">Promosi dan pemasaran Kuching WaterfrontMenguruskan penyewa untuk lot kedai, gerai dan <i>kiosks</i>Pengurusan servis – pembersihan, kawal selia, khidmat awam dan landskapPenyenggaraan lampu, penghawa dingin, sistem elektrik, gerai makan, dewan muzik dan <i>fountain</i>Menganjurkan aktiviti muzikal dan kebudayaanBerfungsi di bawah Seksyen 4, Ordinan Taman Awam dan Kehijauan	1,000 Sebulan
2.	Matang Family Park	1.1.2019 – 31.12.2023 (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none">Pengiklanan tamanMenguruskan penjaja di geraiMengutip yuran lesen daripada penjaja dan yuran masuk taman daripada orang awamPerkhidmatan pembersihan, kawal selia, khidmat awam, landskap, lampu dan peralatan elektrikPengurusan penyenggaraan	5,000 Sebulan
3.	Kubah Ria	1.8.2017 – 31.7.2022 (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none">Perkhidmatan kawal seliaPengurusan, penyenggaraan dan kebersihan termasuk tandas, surau dan peralatanPengurusan sisaPengurusan utiliti dan tempat letak keretaPengawasan untuk membaik pulih dan melaksanakan penyenggaraan	51,700 Sebulan

Sumber: Perjanjian Pengurusan Antara PPES dan SUSB

a. Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan dan Baik Pulih

Mengikut perjanjian pengurusan Kuching Waterfront, Matang Family Park dan Kubah Ria, SUSB hendaklah menyenggara kemudahan, baik pulih struktur bangunan dan membaiki kerosakan di kawasan berkenaan. Kerja penyenggaraan adalah berjadual dan *ad-hoc*. Terma jadual penyenggaraan berkala adalah secara mingguan dan bulanan. Skop kerja berjadual dan *ad-hoc* bagi ketiga-tiga kawasan adalah seperti dalam **Jadual 3**. Semakan Audit

mendapati kerja penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut jadual dan skop kerja bagi ketiga-tiga kawasan.

JADUAL 3
KERJA PENYENGGARAAN BERJADUAL DAN *AD-HOC* MENGIKUT PROGRAM

BIL.	PROGRAM	KERJA BERJADUAL	<i>AD-HOC</i>
1.	Kuching Waterfront	<ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan <i>pontoon</i> • Pembersihan permukaan laluan pejalan kaki • Mengecat baru kemudahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan bumbung membran • Lampu pejalan kaki rosak • Baiki gerai yang rosak • Baiki tempat bot berlabuh yang rosak • Kerosakan fizikal kemudahan awam seperti tandas dan tempat duduk • Baiki sistem saliran
2.	Matang Family Park	<ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan permukaan laluan pejalan kaki • Pembersihan kawasan taman • Lanskap dan pemotongan pokok 	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan taman yang rosak seperti kerosakan struktur lantai, kemudahan memasak dan tempat rehat. • Pokok besar yang tumbang
3.	Kubah Ria	<ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan kawasan medan selera • Pembersihan tebingan sungai Kubah Ria • Menggilap permukaan lantai • Pembersihan peralatan elektrik di Kubah Ria 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan bumbung premis • Pemandapan lantai • Kerosakan tandas dan sistem saliran buangan • Kerosakan meja, tempat duduk dan lot gerai

Sumber: Program Penyenggaraan Berkala dan Lejer Penyenggaraan

i. Kuching Waterfront

- Kerja penyenggaraan yang dirancang dan *ad-hoc* di kawasan Kuching Waterfront adalah menggunakan geran operasi yang diterima daripada PPES. Geran operasi yang diterima bagi tahun 2016 hingga 2018 sejumlah RM8.50 juta. Geran yang diterima merupakan sumber kewangan bagi perbelanjaan kerja penyenggaraan.
- Semakan Audit mendapati sejumlah RM792,019 telah dibelanjakan untuk kerja penyenggaraan di Kuching Waterfront bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Analisis Audit mendapati SUSB telah membelanjakan 9.3% dari jumlah geran operasi bagi tujuan kerja penyenggaraan dalam tempoh yang sama. Penyenggaraan yang telah dilaksanakan termasuk kerja pembaikan kerosakan, penukaran kemudahan yang telah rosak dan membaik pulih air pancut *Hornbill* di Kuching Waterfront. SUSB juga melaksanakan kerja penyenggaraan berkala iaitu pembersihan sistem saliran dan membersihkan taman secara mingguan, manakala pembersihan laluan pejalan kaki dan bot berlabuh pula secara bulanan. Didapati kerja penyenggaraan berkala di Kuching Waterfront telah dilaksanakan secara mingguan dan bulanan selaras dengan skop kerja yang ditetapkan.

Maklum Balas SUSB yang Diterima pada 25 November 2019

Syarikat mencadangkan untuk meningkatkan suasana dan daya tarikan di Kuching Waterfront dengan menjalankan *rezoning* dan *relocating* pelbagai aktiviti termasuk makanan, kebudayaan dan komuniti.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja penyenggaraan dan baik pulih di Kuching Waterfront adalah memuaskan.

ii. Matang Family Park

- Mengikut perjanjian pengurusan Matang Family Park, skop kerja penyenggaraan kemudahan termasuklah memperbaiki lantai kayu yang rosak, menampung bumbung yang bocor, pembersihan laluan pejalan kaki dan tempat riadah. Geran operasi yang diterima bagi tahun 2016 hingga 2018 sejumlah RM0.75 juta. SUSB menggunakan geran yang diterima bagi penyenggaraan dan operasi di Matang Family Park.
- Semakan Audit mendapati kerja pembaikan di Matang Family Park dilaksanakan mengikut keperluan dan kerosakan fizikal kemudahan telahpun dibaiki. SUSB telah membelanjakan sejumlah RM62,400 setahun bagi pembayaran perkhidmatan landskap. Bagi kerja penyenggaraan serta pembaikan, sejumlah RM33,202 (2016), RM93,105 (2017) dan RM11,759 (2018) telah dibelanjakan di Matang Family Park. Geran yang diterima hanya untuk penyenggaraan kemudahan yang sedia ada. Dalam tempoh tahun 2016 hingga Ogos 2019, tiada pembangunan baharu dilaksanakan di Matang Family Park. Adalah didapati penyenggaraan berkala seperti pembersihan taman dilaksanakan secara mingguan dan bulanan bergantung kepada keadaan cuaca. Lawatan Audit di Matang Family Park pada 11 September 2019 mendapati ***keadaan fizikal kawasan adalah kurang memuaskan dengan kemudahan yang sudah usang dan kurang menarik.*** Keadaan adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



Matang Family Park
- Bumbung Membran yang Sudah Usur Disebabkan Faktor Persekitaran
(11.09.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Matang Family Park
- Kemudahan Barbeku dan Tempat Rehat yang Sudah Usang
(11.09.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Statistik bilangan pengunjung di Matang Family Park menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Seramai 23,438 pengunjung dicatatkan pada tahun 2016, manakala pada tahun 2017 dan 2018 pula masing-masing seramai 18,889 dan 14,475 pengunjung. Didapati ***faktor yang menyebabkan penurunan statistik pengunjung di Matang Family Park adalah kerana kemudahan yang usang dan kurang promosi mengenai taman berkenaan.***

Maklum Balas SUSB yang Diterima pada 25 September 2019

Penurunan bilangan pengunjung di Matang Family Park disebabkan oleh beberapa faktor iaitu paras air yang rendah dan juga adanya tarikan lain seperti taman tema yang baharu. Bagaimanapun, SUSB terus meningkatkan kaedah pemasaran melalui risalah dan papan iklan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja mempromosi dan fasiliti taman kurang memuaskan.

iii. Kubah Ria

- Mengikut perjanjian pengurusan Kubah Ria, kerja penyenggaraan berkala di Kubah Ria ialah pembersihan tebingan sungai Kubah Ria, menggilap permukaan lantai, membaiki kemudahan rosak dan penyenggaraan peralatan elektrik di premis berkenaan. Kerja pembaikan seperti kerosakan bumbung, pemendapan struktur lantai dan kerekahan tebing

di sepanjang kawasan Kubah Ria adalah tanggungan dan dilaksanakan oleh PPES. SUSB hanya berperanan dalam mengurus dan menyenggara kemudahan. Semakan Audit mendapati SUSB telah membelanjakan sejumlah RM38,364 (2016), RM38,804 (2017) dan RM38,804 (2018) bagi perbelanjaan penyenggaraan berkala.

- Lawatan Audit pada 11 September 2019 mendapati kemudahan di Kubah Ria adalah baik dengan kemudahan tempat makan yang teratur, tempat letak kereta, peralatan elektronik di sekitar Kubah Ria disenggara dan pembersihan kawasan tebing sungai. Keadaan adalah seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



Kubah Ria
- Kemudahan Tempat Makan yang Teratur
(11.09.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Kubah Ria
- Tebingan Sungai yang Bersih
(11.09.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Pada pendapat Audit, kemudahan dan persekitaran kawasan Kubah Ria adalah baik.

b. Prestasi Kutipan Hasil

- i. Sumber hasil bagi aktiviti pengurusan fasiliti terdiri daripada yuran pengurusan di Kubah Ria, sewa tapak niaga serta aktiviti promosi (Kuching Waterfront) dan sewa gerai serta kutipan pintu masuk (Matang Family Park). Semakan Audit mendapati hasil aktiviti pengurusan fasiliti adalah RM1.59 juta pada tahun 2016, RM1.39 juta (2017) dan RM1.53 juta (2018) adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENDAPATAN SUSB BAGI PENGURUSAN FASILITI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018

BIL.	HASIL	LOKASI	2016 (RM)	(%)	2017 (RM)	(%)	2018 (RM)	(%)
1.	Sewaan	KWF, MFP, KR	573,509	35.9	420,849	30.1	428,802	27.9
2.	Yuran Pengurusan	KR	564,000	35.4	564,000	40.4	643,900	42.0
3.	Aktiviti Promosi	KWF	303,967	19.1	285,870	20.5	342,663	22.4
4.	Kutipan Pintu Masuk	MFP	92,500	5.8	66,607	4.8	53,686	3.5
5.	Caj Perkhidmatan	KWF	39,754	2.7	39,592	2.8	40,752	2.7
6.	Caj Perkhidmatan Tambatan	KWF	18,000	1.0	19,030	1.3	21,880	1.4
7.	Kemudahan Memasak	MFP	1,676	0.1	1,406	0.1	1,153	0.1
JUMLAH			1,593,406	100.0	1,397,354	100.0	1,532,836	100.0

Sumber: Penyata Kewangan SUSB Tahun 2016, 2017 dan 2018

- ii. Analisis Audit mendapati hasil keseluruhan tahun 2017 telah menurun sejumlah RM196,052 (12.3%) berbanding tahun 2016. Bagaimanapun kutipan hasil meningkat sejumlah RM135,482 (9.6%) pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Adalah didapati, yuran pengurusan adalah hasil tertinggi SUSB bagi aktiviti ini. Semakan Audit selanjutnya mendapati hasil daripada aktiviti ini telah menyumbang antara 15.3% hingga 18.2% berbanding jumlah keseluruhan hasil SUSB. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PERATUS HASIL PENGURUSAN FASILITI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018

TAHUN	HASIL PENGURUSAN FASILITI (RM Juta)	JUMLAH HASIL KESELURUHAN SUSB (RM Juta)	(%)
2016	1.59	8.75	18.2
2017	1.40	8.61	16.3
2018	1.53	10.00	15.3
JUMLAH	4.52	27.36	

Sumber: Penyata Kewangan SUSB Tahun 2016, 2017 dan 2018

Pendapat Audit terhadap kutipan hasil pengurusan fasiliti adalah memuaskan.

c. Pengurusan Tunggakan Hasil

- i. Mengikut SOP Terimaan Hasil, SUSB hendaklah mengutip hutang dari penyewa dalam tempoh 14 hari selepas invois dikeluarkan dan disusuli dengan surat peringatan sehingga ke surat tuntutan dari peguam syarikat. SUSB akan mengambil tindakan mengeluarkan surat peringatan kepada penyewa yang tidak membayar sewa selepas tempoh 14 hari. Surat

peringatan kedua dikeluarkan 14 hari selepas surat peringatan pertama. Surat peringatan terakhir dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari sekiranya bayaran sewa masih tidak diterima. Peguam syarikat akan memfailkan surat tuntutan kepada penyewa yang tidak membayar sewa selepas semua peringkat surat peringatan telah dihantar.

- ii. Semakan Audit mendapati surat tuntutan SUSB kepada penghutangnya dibuat mengikut SOP syarikat. Penghutang yang tidak membayar sewa dalam tempoh yang ditetapkan telah diberi notis tindakan perundangan oleh peguam syarikat. Didapati tunggakan hasil adalah daripada sewa tapak niaga di Kuching Waterfront dan sewa kedai di Kubah Ria. Baki penghutang Kuching Waterfront adalah berjumlah RM0.59 juta manakala baki penghutang Kubah Ria berjumlah RM27,439. Analisis Audit mendapati baki penghutang melebihi 90 hari ialah RM0.52 juta (83.7%). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENGUMURAN PENGHUTANG PADA 31 DISEMBER 2018

BIL.	LOKASI	TEMPOH				JUMLAH (RM)
		30 HARI (RM)	31 - 60 HARI (RM)	61 - 90 HARI (RM)	>91 HARI (RM)	
1.	Kuching Waterfront	37,513	33,672	20,999	498,562	590,746
2.	Kompleks Kubah Ria	3,170	4,570	670	19,029	27,439
JUMLAH		40,683	38,242	21,669	517,591	618,185

Sumber: Laporan Penyata Penghutang pada 31.12.2018

- iii. Semakan Audit selanjutnya telah dibuat terhadap lapan (8) sampel baki penghutang individu setakat Disember 2018 berjumlah RM415,039 bagi Kuching Waterfront dan Kubah Ria. Pihak Audit mendapati tiada bayaran diterima bagi baki enam (6) penghutang setakat Ogos 2019 berjumlah RM359,295. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BAKI PENGHUTANG INDIVIDU SETAKAT OGOS 2019

BIL.	KOD PENGHUTANG	LOKASI	BAKI PADA DISEMBER 2018 (RM)	BAYARAN DITERIMA (RM)	BAKI SETAKAT OGOS 2019 (RM)
1.	D301-06 STRD	KWF	143,464	0	143,464
2.	D301-06 HCS	KWF	95,235	0	95,235
3.	D301-06 SPMAR	KWF	87,358	0	87,358
4.	D301-06 SAHTE	KWF	47,034	47,034	0
5.	D301-09 BRKY	KR	13,293	8,710	4,583
6.	D301-06 PKRAF	KWF	11,680	0	11,680
7.	D301-0	KWF	10,585	0	10,585
8.	D301-08 CELCO	KWF	6,390	0	6,390
JUMLAH			415,039	55,744	359,295

Sumber: Lejar Penghutang SUSB

Maklum Balas SUSB yang Diterima pada 25 September 2019

SUSB meneruskan usaha untuk mengutip baki hutang yang masih tertunggak seperti menghantar surat peringatan atau mengenakan tindakan undang-undang melalui surat tuntutan dan mengeluarkan saman. Bagi penyewa di Kuching Waterfront, peguam SUSB memfailkan petisyen kebangkrapan kepada penjamin penyewa berkenaan.

Pada pendapat Audit, kutipan tunggakan hasil kurang cekap kerana tunggakan hutang yang melebihi 90 hari berjumlah RM0.52 juta atau 84% berbanding jumlah tunggakan keseluruhan berjumlah RM0.62 juta.

6.2.2. Pengurusan Hartanah

Bagi aktiviti pengurusan hartanah, SUSB diberi tanggungjawab oleh PPES untuk mengurus hartanah milik anak syarikat PPES di Kompleks Sarawak Plaza, Kompleks Riverside dan Taman Kereta. Semakan Audit mendapati perjanjian penyenggaraan Kompleks Sarawak Plaza antara Kuching Hotels Sdn. Bhd. (KHSB) dan SUSB telah diperbaharui pada 8 Mac 2017 untuk tempoh tiga (3) tahun. Selain itu, perjanjian penyenggaraan Kompleks Riverside antara Sejadu Sdn. Bhd. (SSB) dan SUSB, telah diperbaharui pada 1 Januari 2019 untuk tempoh lima (5) tahun. Manakala perjanjian penyenggaraan Taman Kereta dimeterai antara Permata Carpark Sdn. Bhd. dan SUSB pada 11 Februari 2014 untuk tempoh 10 tahun. Tanggungjawab SUSB yang telah ditetapkan dalam perjanjian penyenggaraan adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
TANGGUNGJAWAB SUSB MENGIKUT LOKASI

BIL.	LOKASI	TEMPOH KONTRAK	TANGGUNGJAWAB SUSB	JUMLAH YURAN PENGURUSAN (RM)
1.	Kompleks Sarawak Plaza	1.1.2017 – 31.12.2019 (3 Tahun)	<ul style="list-style-type: none">• Mempromosi dan mengiklan kompleks• Mencari penyewa untuk lot kedai• Mengutip sewaan dan bayaran letak kereta• Perkhidmatan penyenggaraan dan servis	5,000 Sebulan
2.	Kompleks Riverside	1.1.2019 – 31.12.2023 (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none">• Mempromosi dan mengiklan kompleks• Mencari penyewa untuk lot kedai• Mengutip sewaan dan bayaran letak kereta• Menguruskan hakmilik muzik latar dalam kompleks• Perkhidmatan penyenggaraan	5,000 Sebulan
3.	Taman Kereta	01.01.2014 – 31.12.2023 (10 Tahun)	<ul style="list-style-type: none">• Mengurus penyewaan ruang pejabat dan sewaan gerai makanan• Mengurus tempat letak kereta bagi Taman Kereta• Perkhidmatan penyenggaraan dan servis	SUSB menerima hasil sewaan dan tempat letak kereta

Sumber: Perjanjian Penyenggaraan Antara PPES dan SUSB

a. Prestasi Kutipan Yuran Pengurusan dan Insentif

- i. Fi bagi pengurusan SUSB di Kompleks Sarawak Plaza dan Kompleks Riverside adalah yuran pengurusan yang dibayar oleh KHSB dan SSB. Perjanjian penyenggaraan bagi kedua-dua premis menghendaki yuran pengurusan sejumlah RM5,000 sebulan dibayar kepada SUSB. Selain itu, 3% daripada jumlah pendapatan keseluruhan pemilik premis diberi kepada SUSB sebagai insentif. Bagi Taman Kereta, hasil sewaan ruang pejabat dan tempat letak kereta sepenuhnya adalah milik SUSB. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9
PEMBAHAGIAN HASIL PEMILIK MELALUI PEMBAYARAN YURAN PENGURUSAN DAN INSENTIF**

BIL.	LOKASI	TAHUN/HASIL PEMILIK/YURAN PENGURUSAN KEPADA SUSB								
		2016			2017			2018		
		HASIL PEMILIK (RM Juta)	YURAN PENGURUSAN DAN INSENTIF KEPADA SUSB (RM Juta)	(%)	HASIL PEMILIK (RM Juta)	YURAN PENGURUSAN DAN INSENTIF KEPADA SUSB (RM Juta)	(%)	HASIL PEMILIK (RM Juta)	YURAN PENGURUSAN DAN INSENTIF KEPADA SUSB (RM Juta)	(%)
1.	Sarawak Plaza	2.30	1.14	49.5	1.92	1.14	59.3	1.78	1.14	64.0
2.	Riverside Shopping Complex	2.71	1.97	73.0	2.68	1.83	68.3	2.67	1.84	68.9
JUMLAH		5.01	3.11		4.60	2.97		4.45	2.98	

Sumber: Penyata Kewangan Kuching Hotels Sdn. Bhd., Sejadu Sdn. Bhd, Permata Carpark Sdn. Bhd. dan Penyata Kewangan SUSB

Nota: % - Pembahagian Pendapatan Antara Pemilik Premis Kepada SUSB

- ii. Semakan Audit mendapati jumlah pendapatan bagi KHSB dan SSB daripada aktiviti sewaan serta tempat letak kereta adalah berjumlah RM5.01 juta (2016), RM4.60 juta (2017) dan RM4.45 juta (2018). SUSB juga menerima yuran pengurusan serta insentif berjumlah RM3.11 juta (2016), RM2.97 juta (2017) dan RM2.98 juta (2018) dari kedua-dua kompleks ini. Kadar purata pembahagian pendapatan pemilik premis kepada SUSB bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah 64.0% berbanding RM60,000 setahun dan 3% insentif yang ditetapkan dalam setiap perjanjian. Didapati SUSB telah menerima pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan jumlah yuran dan insentif yang sepatutnya.
- iii. Bagi Taman Kereta, pendapatan SUSB adalah hasil sewaan ruang pejabat serta sewaan gerai makan dan tempat letak kereta. Semakan Audit mendapati keseluruhan kutipan hasil di Taman Kereta adalah pendapatan kepada SUSB selaras dengan perjanjian yang telah ditandatangani. Didapati

pendapatan SUSB adalah berjumlah RM4.05 juta (2016), RM4.24 juta (2017) dan RM5.49 juta (2018).

- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati hasil daripada aktiviti ini telah menyumbang antara 81.8% hingga 84.7% berbanding jumlah keseluruhan hasil SUSB. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERATUS HASIL PENGURUSAN
HARTANAH TAHUN 2016, 2017 DAN 2018

TAHUN	JENIS HASIL PENGURUSAN HARTANAH (RM Juta)	JUMLAH HASIL KESELURUHAN SUSB (RM Juta)	(%)
2016	7.16	8.75	81.8
2017	7.21	8.61	83.7
2018	8.47	10.00	84.7
JUMLAH	22.84	27.36	

Sumber: Penyata Kewangan SUSB Tahun 2016, 2017 dan 2018

Pada pendapat Audit, hasil pendapatan SUSB daripada aktiviti pengurusan hartanah adalah baik.

b. Prestasi Penyewaan Lot Kedai

- i. Mengikut perjanjian penyenggaraan, SUSB mengendalikan proses penyewaan komersil di Kompleks Sarawak Plaza dan Kompleks Riverside bagi penyewa sedia ada dan baharu. SUSB bertanggungjawab mengutip hasil sewaan di Kompleks Sarawak Plaza serta Kompleks Riverside dan SUSB dibayar yuran pengurusan sebagai pentadbir hartanah berkenaan. Prestasi perniagaan sewaan ini dinilai dengan pencapaian sewaan dibandingkan dengan lot yang tersedia untuk disewa. Jumlah keluasan lot kedai di Kompleks Sarawak Plaza ialah 73,644 meter persegi (m²) dan di Kompleks Riverside ialah 100,623 m² menjadikan keseluruhannya berkeluasan 174,267 m².
- ii. Analisis Audit terhadap rekod penyewaan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 di Kompleks Sarawak Plaza dan Kompleks Riverside mendapati keluasan lot disewa bagi tahun 2016 ialah 150,212 m² atau 86.2%, 148,743 m² atau 85.4% (2017) dan 145,369 m² atau 83.4% (2018). Kekosongan lot adalah 24,055 m², 25,524 m² dan 28,898 m² bagi tempoh yang sama. Pencapaian penyewaan bagi tahun 2018 di Kompleks Sarawak

Plaza adalah 68.3% manakala Kompleks Riverside adalah 94.4%. Didapati rekod penyewaan pada bulan Ogos 2019 menunjukkan peratus penyewaan Kompleks Riverside telah menurun secara mendadak kepada 27.8% dan Kompleks Sarawak Plaza kekal pada kadar 68.3%. Ini adalah disebabkan oleh penyewa utama, iaitu Parkson Corporation tidak lagi beroperasi di Kompleks Riverside. Faktor yang menyebabkan kurang penyewa di Kompleks Sarawak Plaza dan Kompleks Riverside ialah usia premis dan persaingan dari kompleks membeli-belah baharu yang lebih menarik. Butiran lanjut status sewaan premis seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
STATUS SEWAAN PREMIS BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	LOKASI	JUMLAH KELUASAN LOT (m ²)	2016			2017			2018		
			SEWA (m ²)	(%)	KOSONG (m ²)	SEWA (m ²)	(%)	KOSONG (m ²)	SEWA (m ²)	(%)	KOSONG (m ²)
1.	Kompleks Sarawak Plaza	73,644	59,154	80.3	14,490	52,437	71.2	21,207	50,331	68.3	23,313
2.	Kompleks Riverside	100,623	91,058	90.5	9,565	96,306	95.7	4,317	95,038	94.4	5,585
JUMLAH		174,267	150,212		24,055	148,743		25,524	145,369		28,898

Sumber: Rekod Penyewaan di Sarawak Plaza, Kompleks Riverside Bagi Tempoh Tahun 2016 Hingga 2018

Maklum Balas SUSB yang Diterima pada 25 September 2019

SUSB masih berusaha mencari penyewa yang berpotensi dengan mengambil inisiatif alternatif selain daripada pengiklanan. Pada masa yang sama, perunding pengurusan hartanah iaitu RCMC Sdn. Bhd. telah dilantik untuk membantu mencari penyewa untuk Kompleks Riverside dengan syarat tanpa komitmen.

Pada pendapat Audit, prestasi penyewaan di Kompleks Sarawak Plaza dan Kompleks Riverside tidak memuaskan kerana peratus penyewaan belum mencapai tahap optimum.

c. Pengurusan Tunggakan Kutipan

- i. Mengikut perjanjian penyenggaraan, SUSB bertanggungjawab ke atas kutipan penyewaan di kesemua premis di bawah jagaannya. SUSB menguruskan kutipan dan membuat surat peringatan kepada penyewa premis. Kutipan terdiri daripada sewaan ruang pejabat dan gerai makan di Taman Kereta, sewaan lot kedai di Kompleks Sarawak Plaza, sewaan lot kedai dan pusat boling di Kompleks Riverside.

- ii. Analisis Audit mendapati *jumlah penghutang tertinggi pada 31 Disember 2018 berjumlah RM1.64 juta (80%) adalah di Taman Kereta. Jumlah penghutang kedua tertinggi ialah pusat boling Kompleks Riverside berjumlah RM329,021 (16.1%)*. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2018, hutang tertunggak melebihi 90 hari berjumlah RM1.04 juta (50.8%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12
PENGUMURAN PENGHUTANG PADA 31 DISEMBER 2018**

BIL.	LOKASI	TEMPOH				JUMLAH (RM)	(%)
		30 HARI	31 – 60 HARI (RM)	61 – 90 HARI (RM)	>91 HARI (RM)		
1.	Taman Kereta (UTC)	115,243	68,565	512,204	941,438	1,637,450	80.0
2.	Kompleks Riverside (Pusat Boling)	64,244	224,854	0	39,923	329,021	16.1
3.	Kompleks Riverside (Sewaan Kedai)	3,487	2,382	829	37,991	44,689	2.2
4.	Kompleks Sarawak Plaza (Sewaan Kedai)	6,455	3,598	2,429	21,429	33,911	1.7
JUMLAH		189,429	299,399	515,462	1,040,781	2,045,071	100.0

Sumber: Laporan Penyata Penghutang pada 31.12.2018

- iii. Semakan lanjut Audit telah dibuat terhadap tujuh (7) sampel baki penghutang individu setakat bulan Disember 2018 berjumlah RM1.64 juta bagi aktiviti pengurusan hartanah. Pihak Audit mendapati tunggakan baki penghutang telah menurun sejumlah RM1.02 juta (62.6%), menjadikan tunggakan hutang tahun 2018 hanya berjumlah RM0.61 juta setakat bulan Ogos 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13
BAKI PENGHUTANG INDIVIDU SETAKAT OGOS 2019**

BIL.	KOD PENGHUTANG	LOKASI	BAKI PADA DISEMBER 2018 (RM)	BAYARAN DITERIMA (RM)	BAKI SETAKAT OGOS 2019 (RM)
1.	D301-05 JKMS	TK(UTC)	680,105	144,305	535,800
2.	D301-05 JKM	TK(UTC)	88,855	40,729	48,126
3.	D301-05 LPKP	TK(UTC)	22,409	0	22,409
4.	D301-05 TEL	TK(UTC)	60,935	54,949	5,986
5.	D301-08 MAGIC	RSC	289,098	289,098	0
6.	PD301-05 SOCSO	TK(UTC)	35,327	35,327	0
7.	D301-05 MOF	TK(UTC)	459,473	459,473	0
JUMLAH			1,636,202	1,023,881	612,321

Sumber: Lejar Penghutang SUSB

Pada pendapat Audit, tahap kutipan penghutang pengurusan hartanah adalah memuaskan.

6.3. Kedudukan Kewangan

6.3.1. Penyata kewangan SUSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Ernst & Young. Analisis terhadap kedudukan kewangan SUSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018**

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	10.76	12.72	13.19
Lain-lain Pendapatan	0.63	0.50	0.51
JUMLAH PENDAPATAN	11.39	13.22	13.70
Kos Langsung	(6.66)	(7.41)	(6.70)
Perbelanjaan Pentadbiran	(3.97)	(4.98)	(5.73)
Kos Kewangan	(0.01)	(0.01)	(0.01)
JUMLAH PERBELANJAAN	(10.64)	(12.40)	(12.44)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	0.75	0.82	1.26
Cukai Dan Zakat	(0.21)	(0.20)	(0.42)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT	0.54	0.62	0.84
DIVIDEN	0.00	0.00	(0.30)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	5.12	5.74	6.28
JUMLAH ASET	10.90	17.08	14.10
JUMLAH LIABILITI	5.73	11.30	7.77
JUMLAH EKUITI	5.17	5.79	6.33
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	10.90	17.08	14.10
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	4.84	9.43	6.29

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit SUSB Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.2. Pendapatan utama SUSB adalah yuran pengurusan daripada aktiviti pengurusan fasiliti. Pendapatan langsung SUSB pada tahun 2018 menunjukkan peningkatan sejumlah RM471,879 (3.6%) berbanding tahun 2017. Pada tahun 2017, pendapatan juga meningkat sejumlah RM1.96 juta (18.2%) berbanding tahun 2016. Perkara ini disebabkan oleh peningkatan hasil yuran pengurusan syarikat daripada sejumlah RM4.66 juta pada tahun 2017 kepada RM5.20 juta pada tahun 2018. Lain-lain pendapatan SUSB adalah pendapatan daripada simpanan tetap dan faedah bank. Lain-lain pendapatan menurun pada tahun 2017 berjumlah RM127,958 (26.2%) berbanding tahun 2016 dan meningkat sejumlah RM10,549 (2.1%) pada

tahun 2018. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan seperti dalam **Jadual 14** dan **Carta 4**.

6.3.3. SUSB menerima geran daripada PPES untuk tujuan operasi syarikat, kerja penyenggaraan dan pengurusan program bagi kawasan Kuching Waterfront serta Matang Family Park seperti dinyatakan dalam perjanjian pengurusan. SUSB bertanggungjawab menguruskan peruntukan berkenaan mengikut perancangan bajet syarikat, skop kerja, kepentingan program dan keutamaan fasiliti orang awam.


6.3.4. Perbelanjaan SUSB meliputi kos langsung operasi dan perbelanjaan pentadbiran. Perbelanjaan kos langsung terdiri daripada bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan, caj utiliti, kos pembaikan serta penyenggaraan, bayaran gaji serta emolumen kakitangan kawasan fasiliti dan lain-lain perbelanjaan. Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada gaji serta emolumen kakitangan unit pentadbiran, bayaran fi serta emolumen lembaga pengarah, sewaan pejabat, caj utiliti pejabat, hutang ragu, insurans dan lain-lain perbelanjaan pentadbiran. Kos langsung operasi SUSB menurun kepada RM6.70 juta pada tahun 2018 berbanding RM7.41 juta pada tahun 2017. Bagi tempoh yang sama, perbelanjaan pentadbiran telah meningkat sejumlah RM755,024 (15.1%) berbanding tahun 2017. Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 14** dan **Carta 4**.

6.3.5. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah memberi kesan terhadap keuntungan sebelum cukai serta keuntungan terkumpul. SUSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.75 juta, RM0.82 juta dan RM1.26 juta masing-masing pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Pada tahun 2018, SUSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.26 juta iaitu peningkatan sejumlah RM435,421 (53%) berbanding tahun 2017. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan adalah pendapatan langsung yang meningkat berbanding perbelanjaan dan ini turut memberi kesan kepada keuntungan terkumpul SUSB. Trend keuntungan sebelum cukai serta keuntungan terkumpul bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 14** dan **Carta 5**.

**CARTA 4
TREND PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN BAGI TAHUN
2016, 2017 DAN 2018**



**CARTA 5
TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI
DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI
TAHUN 2016, 2017 DAN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit SUSB Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.6. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti syarikat mendapati SUSB mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi jangka pendeknya kerana kedudukan aset melebihi liabiliti bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. SUSB merekodkan aset masing-masing berjumlah RM10.90 juta, RM17.08 juta dan RM14.10 juta bagi tempoh tersebut. Komponen terbesar bagi aset bukan semasa adalah tunggakan aset bercukai. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset semasa adalah penghutang serta tunai dan kesetaraan tunai. Pada tahun 2018, aset SUSB telah menurun kepada RM14.10 juta berbanding tahun 2017. Penurunan aset adalah disebabkan oleh pengurangan jumlah tunai di tangan dan di bank pada tahun tersebut.

6.3.7. Liabiliti semasa SUSB terdiri daripada pemiutang lain, pembayaran cukai dan geran tertunda. Liabiliti meningkat sejumlah RM5.57 juta (97.2%) pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 menjadi RM11.30 juta. Pada tahun 2018, liabiliti menurun kepada RM7.77 juta. Analisis Audit mendapati tahap kecairan SUSB pada tahun 2018 meningkat kepada 1.71:1 berbanding 1.45:1 pada tahun 2017. Ini menunjukkan SUSB mampu menjelaskan obligasi jangka pendeknya. SUSB juga cekap dalam pengurusan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan sejumlah RM5.98 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset.

6.3.8. Tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2016 hingga 2018 masing-masing berjumlah RM4.84 juta, RM9.43 juta dan RM6.29 juta. Pada tahun 2018, SUSB mencatat penurunan tunai dari RM9.43 juta kepada RM6.29 juta kerana syarikat telah membayar dividen sejumlah RM300,000 kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kedudukan kewangan SUSB adalah kukuh.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, kedudukan kewangan dan aktiviti utama mendapati objektif penubuhan SUSB telah dicapai. Secara umumnya, aspek tadbir urus korporat SUSB adalah baik. Namun, terdapat penambahbaikan dari aspek penyediaan SOP. Prestasi aktiviti pengurusan fasiliti dan hartanah adalah memuaskan kecuali pengurusan tunggakan hasil dan sewaan lot kedai. Bagi kedudukan kewangan, SUSB mencatat peningkatan keuntungan sebelum cukai dan zakat serta keuntungan terkumpul bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.


8. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan SUSB dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan serta Lembaga Pengarah SUSB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan SUSB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

8.1. SOP pengurusan aset yang lengkap perlu disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah SUSB;

8.2. berusaha menambah bilangan penyewa di Kompleks Sarawak Plaza dan Kompleks Riverside melalui perancangan perniagaan alternatif daripada sewaan lot kedai; dan

8.3. mengambil tindakan tegas dalam mengutip tunggakan hutang yang melebihi tempoh 90 hari dengan melaksanakan surat tuntutan guaman kepada penghutang tegar syarikat.



PENUTUP

PENUTUP


1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan/agensi dan syarikat kerajaan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran audit yang dibangkitkan dalam LKAN Siri 3 ini. Sebagai rumusan, empat (4) cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

- a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
- b. Jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
- c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan.
- d. Agensi Kerajaan Negeri dan Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat kerajaan untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
14 Mei 2020**



AKRONIM

AKRONIM

Akta Syarikat 1965	Akta Syarikat 1965 (Akta 125) & Peraturan-Peraturan
Akta Syarikat 2016	Akta Syarikat 2016 (Akta 777) & Peraturan-Peraturan
APK	Arahan Perubahan Kerja
BQ	<i>Bill of Quantity</i>
C&S	Jurutera Awam dan Struktur
CMGD	Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan
CPC	Sijil Perakuan Siap Kerja
CPO	Minyak Sawit Mentah
DLP	Tempoh Tanggungan Kecacatan
DP	Dalam Proses Penilaian Perolehan
EIA	Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar
EMP	Pelan Pengurusan Alam Sekitar
EOT	Lanjutan Masa
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
Handbook MKD	Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014
ICT	Komunikasi dan Teknologi Maklumat
INTOSAI	<i>The International Organisation of Supreme Audit Institutions</i>
JAN	Jabatan Audit Negara
JBALB	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KHSB	Kuching Hotels Sdn. Bhd.
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KMAM	Kawalan Mutu Air Minum
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar bandar
KR	Kubah Ria
KRA	Bidang Keberhasilan Utama
KWF	Kuching Waterfront
LAD	Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan
LCDA	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
M&A	Memorandum dan Artikel Penubuhan
M&E	Mekanikal dan Elektrikal
m²	meter persegi
Manual O&M	Manual Operasi dan Penyenggaraan
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance 2017</i>
MFP	Matang Family Park
MoF	Kementerian Kewangan Malaysia
MP	Kertas Pengurusan
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MT	Tan Metrik
MTC	Jawatankuasa Pengurusan Tender
MTRA	<i>Marine Traffic Audit</i>
PHK	Pelarasan Harga Kontrak
PLSB	Pusat Latihan SALCRA Bajo
PP	Pegawai Penguasa
PPES	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
QS	Juruukur Bahan
RM	Ringgit Malaysia
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
RSA	<i>Road Safety Audit</i>
RSC	<i>Riverside Shopping Complex</i>
SALCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak
SAWAS	Program Bekalan Air Alternatif Sarawak
SEIA	<i>Social & Environmental Impact Assessment</i>
SFSB	Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.
SKN	Setiausaha Kewangan Negeri
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
SP	Sarawak Plaza
SSB	Sejadu Sdn. Bhd.
SST	Surat Setuju Terima
SUSB	Sara Urusharta Sdn. Bhd.
SWA	<i>State Water Authority</i>
T&C	Pengujian dan Pentauliahan
The Green Book	<i>The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006</i>
TK (UTC)	Taman Kereta
TKI	Tenaga Kerja Indonesia
UF	<i>Ultra Filtration</i>
UV	<i>Ultra Violet</i>



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasion.com.my
email: cservice@printnasion.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya, Malaysia
www.audit.gov.my